

**MALAYSIA
DEWAN RAKYAT**

Isnin, 10 April 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tan Sri Dato Dr. K. S. Nijhar [Subang]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah rancangan untuk memperbaiki kemudahan kesihatan dan perlindungan untuk pekerja estet.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990, pekerja-pekerja ladang diberi kemudahan seperti berikut, iaitu kemudahan perumahan pekerja, pusat asuhan kanak-kanak, bekalan air, bekalan elektrik, dewan komuniti, kemudahan sukan dan rekreasi, hospital dan klinik ladang.

Dari segi perlindungan pula pekerja ladang dilindungi di bawah Akta Pekerja 1995 dari segi faedah pemberhentian kerja, cuti tahunan, cuti sakit, cuti umum dan cuti bersalin. Di samping itu, pekerja ladang akan dibayar gaji harian 24 hari bagi satu-satu bulan sebagai jaminan pendapatan sekiranya mereka tidak dapat bekerja akibat musim hujan, banjir dan musim luruh.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sentiasa memastikan kemudahan kesihatan pekerja estet memenuhi keperluan kursus mereka. Antara tindakan yang telah diambil termasuklah:

- (i) membuat pemeriksaan ke ladang-ladang, melihat kebersihan tempat tinggal, keadaan alam sekitar perumahan pekerja, mutu bekalan air hospital dan klinik ladang;
- (ii) memastikan majikan ladang mengambil seorang pegawai perubatan untuk tinggal dan bertanggungjawab ke atas hospital ladang;
- (iii) mewajibkan ladang mempunyai klinik menggunakan khidmat seorang pegawai perubatan atau doktor melawat pendaftar.

Pegawai perubatan ini akan melawat klinik sekurang-kurangnya dua minggu sekali bagi mengawas dan mengurus klinik di samping menyediakan rawatan perubatan kepada pekerja dan tanggungan mereka;

- (iv) memastikan majikan menyediakan pengangkutan yang sesuai serta alat-alat sebagaimana dikehendaki oleh pegawai perubatan kesihatan tempatan untuk membawa pesakit dengan segera ke hospital ladang ataupun hospital kerajaan;
- (v) pegawai perubatan atau doktor pelawat juga akan melawat dan memeriksa bangunan yang digunakan untuk pusat asuhan kanak-kanak. Mereka juga membuat pemeriksaan terhadap pengasuh kanak-kanak dan kualiti susu kering yang diberi percuma kepada kanak-kanak. Selain daripada itu, untuk mempertingkatkan taraf kesihatan pekerja di sektor perladangan, kini Kementerian Kesihatan telah memperluaskan penyeliaannya supaya meliputi juga estet-estet dengan memberi khidmat nasihat teknikal serta menyediakan ubat-ubatan.

Tan Sri Dato Dr. K. S. Nijhar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain dari apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi, bolehkah pihak kementerian juga memberi pertimbangan kepada cadangan untuk menyediakan program-program latihan semula dan rancangan-rancangan pekerjaan untuk golongan pekerja yang dihentikan bekerja supaya mereka boleh menceburi bidang-bidang lain. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Subang. Memang Kementerian Sumber Manusia sedar dan prihatin tentang masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja yang telah diberhentikan berdasarkan kepada tukaran tanaman daripada getah kepada kelapa sawit. Kementerian Sumber Manusia akan terus berbincang dengan majikan-majikan ladang tersebut supaya pekerja-pekerja yang terjejas diberi keutamaan dari segi pekerjaan yang baru dan juga diberi latihan semula. Kementerian Sumber Manusia akan kaji bagaimana kita boleh juga gunakan tabung-tabung yang sedia ada dalam kementerian supaya kita boleh juga memberi bantuan sewajarnya.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu syarat untuk estet menubuhkan klinik kesihatan di ladang ialah saiz ladang mesti melebihi kalau tidak salah 500 ekar atau 300 ekar. Jadi, ada syarikat-syarikat tertentu yang sengaja menghadkan sesuatu ladang kurang daripada saiz tersebut supaya boleh mengelakkan daripada keperluan menubuhkan klinik desa. Jadi, dalam keadaan begitu apa dapat dibuat oleh kerajaan untuk membantu mereka mempertingkatkan taha p kesihatan di estet. Terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengucap terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Mentakab. Kementerian Sumber Manusia terus akan kaji sekiranya ada pihak majikan yang dengan sengaja menghadkan saiz estet atau ladang mereka supaya tidak akan memenuhi kehendak undang-undang. Kementerian Sumber Manusia boleh bincang dengan majikan dan kalau ada bukti kita akan ambil tindakan yang sewajarnya.

Selain daripada itu, Kementerian Sumber Manusia dan saya sendiri akan hantar pegawai kementerian saya supaya kita akan terus berbincang dengan pihak majikan khususnya pihak majikan ladang-ladang yang saiznya sederhana supaya mereka juga boleh memberi kemudahan yang dikehendaki kerana ini adalah penting sumbangan dan contribute dari pihak pekerja juga perlu diambil kira dan diberi penghormatan supaya estet tersebut boleh mempertingkatkan produktiviti.

[Soalan No. 2 – Y.B. Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis) tidak hadir]

[Soalan No. 3 – Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali (Parit Buntar) tidak hadir]

4. **Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) apakah insentif yang dicadangkan atau telah diberi supaya Jurubahasa Mahkamah cukup dan akan berkhidmat dengan kerajaan; dan
- (b) berapa kes telah ditunda akibat kekurangan Jurubahasa di mahkamah.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Selain dari gaji permulaan RM532 sebulan bagi kelayakan SPM dan RM756 sebulan bagi kelayakan STPM, jurubahasa diberi elaun dan imbuhan bulanan seperti berikut: Elaun Khidmat Awam – RM80.00; Imbuhan Tetap Perumahan – RM90.00; Elaun Khas Jurubahasa – RM30.00. Selain dari itu, jurubahasa juga diberi bayaran insentif bahasa antara RM25 hingga RM45 bagi setiap bahasa yang dikuasainya dengan jayanya.
- (b) Kekurangan jurubahasa di mahkamah-mahkamah terutamanya jurubahasa Cina sedikit-sebanyak telah menyebabkan kes-kes perbicaraan terpaksa ditangguhkan. Sehingga Disember 1999 terdapat hanya 110 Jurubahasa Cina untuk memberikan perkhidmatan mereka kepada 321 mahkamah di seluruh negara, iaitu 56 Mahkamah Tinggi, 60 Mahkamah Sesyen dan 205 Mahkamah Majistret. Ini bermakna seorang jurubahasa Cina terpaksa berkhidmat di tiga mahkamah yang berasingan. Oleh yang demikian, sudah tentu kes-kes perbicaraan di dua mahkamah yang lain jika ia melibatkan saksi-saksi yang bertutur bahasa Cina terpaksa ditangguhkan. Penangguhan biasanya dibuat di Mahkamah Majistret untuk memberi keutamaan kepada Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Sesyen. Namun demikian, baru-baru ini pihak JPA telah meluluskan pengisian semua 297 kekosongan jawatan Jurubahasa di seluruh negara, tindakan temuduga sedang dijalankan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Alor Gajah.

Puan Fong Po Kuan: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Alor Gajah dahulu.

Puan Fong Po Kuan: Maaf.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dari jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi bahawa kita dapati jurubahasa dalam bahasa Cina begitu kritikal sekali dan kita lihat bahawa candidates yang ingin memasuki jawatan ini terutamanya dari kalangan masyarakat Cina tidak

begitu menarik disebabkan di luar lebih menarik daripada menjawat jawatan ini. Persoalan saya, oleh kerana kebanyakan kes tertangguh disebabkan tiada jurubahasa ini, ini boleh membuatkan 'justice delay, justice deny', dengan izin. Apakah perancangan kementerian atau kerajaan dalam menangani masalah ini, sama ada adakah tangga gaji dan insentif-insentif yang lain kerajaan mengkaji semula untuk memberi terutama kepada Jurubahasa Cina ini. Terima kasih.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat dari Alor Gajah. Berhubung dengan elaun khas dan juga bayaran insentif serta skim perkhidmatan, pihak kerajaan sedang mengkaji. Di antaranya ialah kelayakan masuk ke skim perkhidmatan ini telah dijadikan kelayakan masuk pelbagai dengan memasukkan kelayakan masuk STPM selain dari SPM. Calon yang memasuki perkhidmatan ini dengan kelayakan masuk STPM diberi gaji permulaan lebih tinggi iaitu PT 9. Skim perkhidmatan Jurubahasa kemudiannya pula telah ditukarkan klasifikasinya dari klasifikasi Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan kepada klasifikasi Perkhidmatan Perundangan. Dengan ini, jurubahasa boleh meningkatkan ke skim yang lebih tinggi melalui kenaikan pangkat secara lantikan iaitu ke Perkhidmatan Pembantu Undang-undang jika memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Dalam klasifikasi perkhidmatan yang ada sekarang ini hanya membenarkan jurubahasa meningkat ke perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir yang mana didapati tidak sesuai dengan kerjaya seorang jurubahasa. Untuk jurubahasa Cina kita juga sedang berusaha untuk menarik perhatian daripada masyarakat Cina dan ini termasuklah mempertimbangkan kelonggaran syarat dalam urusan perantikan ke perkhidmatan tersebut. Terima kasih.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat, pada tahun 1970'an pegawai polis kalau pandai bercakap Cina diberi elaun tambahan, kalau pandai cakap India dapat RM15. Tetapi nampaknya pegawai interpretasi di mahkamah ini pun pada tahun 2000 masih dapat RM25 sahaja. Maknanya, kenaikan kadar elaun itu masih tetap macam tahun 1970'an dahulu. Jadi, persoalan saya apakah rancangan khusus yang diambil oleh pihak kerajaan supaya pegawai interpretasi di mahkamah ini diasingkan perkhidmatan mereka dan mereka yang layak diberi elaun walaupun gajinya mungkin setaraf dengan pegawai-pegawai lain tetapi diberi elaun khusus oleh

kerana pengetahuan mereka dalam segi bahasa dan pegawai-pegawai daripada anak-anak bumiputera juga diberi peluang untuk dilatih menjadi pegawai dan diikat dengan kerajaan selepas tamat latihan dari segi bahasa.

Tuan Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kerajaan sedang mengkaji, cadangan juga telah kita hantar kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mengkaji semula skim Jurubahasa ini termasuklah insentif-insentif yang harus dipertingkatkan. Sebagaimana yang saya nyatakan tadi kita juga mencadangkan supaya skim perkhidmatan jurubahasa ini kita tukarkan daripada hari ini klasifikasi sebagai Perkhidmatan Pentadbiran dan Sokongan kepada Perkhidmatan Perundangan Dengan ini, akan memudahkan memberi peluang kepada jurubahasa-jurubahasa ini dinaikkan pangkat dalam bidang perundangan. Segala pandangan Yang Berhormat akan kita ambil perhatian untuk memastikan jurubahasa mendapat tempat dan masalah-masalah tanggungan kes di mahkamah dapat kita atasi. Terima kasih.

[Soalan No. 5 - Y.B. Dato' Zulhasnan bin Rafique (Wangsa Maju) tidak hadir]

6. **Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud [Kuala Krai]** minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan sama ada kerajaan mahu menjadikan pesta sambutan New Millennium baru-baru ini sebagai sebahagian daripada cara hidup remaja yang cuba dipromosikan oleh kerajaan.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Dr. Ng Yen Yen]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan tidak terlibat dalam acara sambutan new millenium baru-baru ini dan tidak mempromosikannya sebagai sebahagian daripada cara hidup remaja di negara ini. Sambutan tersebut ada inisiatif penganjur dan tajaan pihak swasta untuk meraikan alaf baru bersama seluruh warga dunia dan dilakukan di seluruh negara pada prinsip cintakan keagamaan dan mahukan perubahan.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melaksanakan program-program rasmi kerajaan semata-mata dan aktiviti-aktiviti kebudayaan dan kesenian yang dianjurkan adalah lebih kepada penghayatan seni budaya tradisional untuk belia dan remaja dan lebih menitikberatkan kepada pembinaan agar budaya bangsa,

semangat patriotik dan cinta bangsa dan negara serta memupuk perpaduan antarabangsa di Malaysia.

Program-program yang dipromosikan sebagai sebahagian daripada cara hidup remaja di negara kita berdasarkan latar belakang budaya berbilang kaum seperti Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali, Krismas, Gawai dan sebagainya

Pesta-pesta sukan seperti Sukma yang menyebabkan remaja dan belia untuk perpaduan, semangat kesukanan dan kesihatan badan rakyat. Semua program ini adalah untuk menyerapkan nilai-nilai murni seperti kesefahaman, toleransi, bekerjasama, bantu-membantu, bergotong-royong dan sebagainya yang dikaitkan dengan kebudayaan tradisi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lagi pun millennium hanya tiba sekali dalam seribu tahun sahaja. Terima kasih.

Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana program yang disebut tadi tidak dianjurkan oleh kementerian secara khusus dan dianjurkan oleh pihak-pihak swasta dan nampaknya program seperti ini mendapat sambutan yang lebih baik daripada yang dianjurkan oleh pihak kementerian. Maka dengan itu, ada pihak-pihak lain menganjurkan lagi program seumpama itu pada 1 April baru-baru ini di Hulu Klang. Apakah tindakan-tindakan tegas yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan program-program yang diatur dan dianjurkan dan dipromosikan oleh kementerian lebih mendapat sambutan dan program-program yang dianjurkan dan diatur oleh pihak swasta seumpama yang diadakan pada menyambut millennium dan juga pada 1 April yang mungkin akan ada pada tiap-tiap tahun, 1 April akan berlaku pada tiap-tiap tahun, tidak berlaku lagi di negara kita ini.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, kementerian kita tidak boleh mempertahankan sesiapa yang menjalankan apa-apa program. Salahkah dia jikalau dia tidak bawa apa-apa kesusahan kepada rakyat kita. Jikalau program-program kita tidak boleh bersaing dengan program-program swasta, betullah kita mesti tanya sendiri, boleh jadi program kita tidak cukup menarik hati belia. Jadi, kita akan mengambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Apakah syarat-syarat asas kerajaan bagi menentukan kebudayaan dan

kesenian yang boleh dipertunjukkan kepada umum bagi menghindarkan perkara-perkara yang tidak baik berlaku kepada rakyat dan generasi muda kita.

Dato' Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, kementerian kita ada promosikan program-program kita. Kita juga ada garis panduan untuk apa-apa menganjurkan program-program yang ada, itulah yang kita ada, garis panduan dan program-program kita sendiri.

7. **Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) berapakah bilangan operator pengeluaran di seluruh negara mengikut negeri dan jenis-jenis kilang; dan
- (b) adakah pihak kementerian memantau keselamatan tempat bekerja, dan adakah kementerian sedar ada majikan yang memaksa operator bekerja sambil berdiri lapan hingga 12 jam dengan alasan meningkatkan produktiviti.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian ini tidak mempunyai perangkaan terperinci mengenai operator pengeluaran mengikut negeri dan jenis kilang. Walau bagaimanapun, jumlah operator pengeluaran di seluruh negara adalah berjumlah 2.284 juta orang pada tahun 1998. Daripada jumlah tersebut 1.706 juta atau 74.7% adalah pekerja lelaki manakala bakinya iaitu 578 atau 25.3% adalah pekerja wanita. Kementerian melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sememangnya melaksanakan tugas dan tanggungjawab memantau keselamatan tempat kerja melalui penguatkuasaan akta dan peraturan seperti di bawah:
 - (i) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan lima peraturan dan dua perintah di bawahnya.
 - (ii) Akta Kilang dan Jentera 1967 dan 15 peraturan di bawahnya.
 - (iii) Akta Keselamatan Petroleum 1984.

- (b) Berhubung dengan majikan yang memaksa operator bekerja sambil berdiri lapan hingga 12 jam dengan alasan mempertingkatkan produktiviti, pihak kementerian amat menyedari akan keadaan ini, misalnya pada tahun 1999 kami telah menerima aduan daripada kesatuan pekerja-pekerja industri elektrik yang mengadu bahawa ahlinya telah dipaksa bekerja berdiri selama lapan jam sehari dengan alasan untuk meningkatkan produktiviti. Pihak kementerian melalui JKKP membuat penyiasatan terperinci dan hasilnya pihak majikan telah membekalkan semula kerusi kepada operator dan membenarkan mereka bekerja secara duduk. Majikan dibenarkan meminta operator mereka bekerja secara berdiri tetapi mereka perlu mematuhi perkara-perkara berikut:-
- (i) Workstation hendaklah direka bentuk mengikut lunas-lunas agronomik supaya masalah kesihatan tidak akan timbul.
 - (ii) Operator tidak dibenarkan bekerja sambil berdiri secara berterusan sehingga lapan atau 12 jam. Operator hendaklah diberikan masa untuk berehat sekurang-kurangnya setengah jam setelah bekerja berterusan selama lima jam dan berehat seketika beberapa kali sehari dan kerusi rehat hendaklah disediakan.
 - (iii) Bagi operator yang mengalami masalah kesihatan mendapat pengesahan doktor dan wanita yang hamil adalah tidak dibenarkan untuk bekerja secara berdiri.

Sekiranya perkara-perkara di atas tidak dipatuhi, majikan tidak dibenarkan menggunakan kaedah bekerja secara berdiri bagi mengelakkan masalah keselamatan dan kesihatan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih di atas penjelasan yang telah diberikan sebentar tadi dan dengan penjelasan ini, saya kira jika ada kompelin-kompelin yang dikemukakan oleh pihak

pekerja, kita dapat tahu bahawa ada garis panduan yang telah disediakan oleh kerajaan. Saya ingin bertanya soalan tambahan saya, bagaimana kita mengukur produktiviti operator ini dan apakah kerajaan menilai produktiviti di antara pekerja-pekerja di negara kita berbanding dengan negara-negara luar, kerana kadang-kadang majikan menggunakan produktiviti sebagai kayu ukur dan produktiviti sebagai satu kriteria untuk mereka menentukan cara-cara bekerja. Bagaimana ukuran produktiviti ini dapat ditentukan?

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini adalah kilang-kilang pembuatan, jadi secara amnya produktiviti pekerja adalah diukur melalui keluaran sehari atau keluaran sebulan dan sebagainya. Namun demikian, Kementerian Sumber Manusia faham dan prihatin bahawa secara keluaran dari segi kuantiti sahaja, ini tidak cukup, tidak sempurna dan juga mungkin tidak adil kepada pihak pekerja kerana selain dari itu juga, kualiti juga adalah penting dan kita juga mengambil kira tentang keadaan di mana pekerja-pekerja tersebut bekerja. Jadi, Kementerian Sumber Manusia kita terus akan memberi nasihat kepada pihak majikan bahawa kita janganlah mengutamakan kuantiti sahaja, kita perlu juga mengkaji dari segi bench marking supaya negara kita boleh bandingkan produktiviti kita dari segi kualiti, dari segi kuantiti dengan norma-norma yang telah ditentukan yang akan mengambil kira hal-hal kebajikan pekerja dan kita juga terus akan bersaing dalam pasaran antarabangsa.

Jadi, cadangan yang Kementerian Sumber Manusia utamakan ialah bench marking supaya kita boleh bandingkan setiap kilang kepada norma-norma dan dengan itu kita juga mengambil kira tentang keperluan dan kebajikan pihak pekerja.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, soalan tambahan. Tentang pekerja-pekerja operator dan pekerja-pekerja umum, sudah semestinyalah bahawa pekerjaan sebagai operator pengeluaran ini merupakan satu sumber pekerjaan yang penting dalam industri di negara kita. Saya hendak bertanya di Kelantan bagaimana? Sebab ada baru-baru ini kita dengar Kerajaan Kelantan tidak menggalakkan, ada dengar-dengar pun bila ceramah menghalang wanita untuk bekerja di kilang-kilang ini. Jadi, saya minta pandangan kementerian, adakah ini satu sebab mengapa kadar pengangguran di Kelantan tinggi? Saya hendak bertanya sedikit kepada kerajaan.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Kementerian Sumber Manusia mendapati bahawa ada satu, dua kilang besar ini di Kelantan telah ditutup dan ini sudah mempertingkatkan kadar pengangguran di negeri tersebut. Namun demikian, oleh kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang adil, kita akan terus galakkan negeri-negeri yang lain membina kilang-kilang supaya kita boleh memperluaskan peluang-peluang pekerja untuk mereka yang tidak dapat bekerja dari negeri Kelantan dan juga dari negeri Terengganu.

8. **Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]** minta Menteri Pendidikan menyatakan berapa jumlah sebenar lesen yang dikeluarkan oleh kementerian kepada kolej-kolej swasta menjalankan program bersama dengan universiti-universiti luar negara. Apakah semua universiti ini telah diperaku oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, program bersama yang dijalankan di antara institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) dan universiti luar negara terdiri daripada program 2+1, 2+2, 1+2 dan 3+0. Sehingga kini, kerajaan telah memberi kelulusan kepada 60 buah IPTS bagi mengendalikan program bersama 2+1, 2+2 dan 1+2, manakala 26 buah IPTS telah diberikan kelulusan bagi mengendalikan program 3+0. Kesemua kursus pengajian yang ditawarkan bagi program 3+0 tersebut telah memenuhi syarat untuk diakreditasi oleh Lembaga Akreditasi Negara (LAN).

Tuan Ramli bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan yang diberi tadi, saya tak faham 2+1, dua campur apa semua sekali ini, bolehkah jelaskan sedikit supaya 2+1, 1+2.

Seorang Ahli: Allah, soalan budak-budak!

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, kita telah lama bercakap mengenai dengan perkara-perkara IPTS, jadi kalau saya hendak sebutkan di sini begitu panjang, hendak jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat di sebelah sana. Walau bagaimanapun, di sini bermakna kursus berapa jangka masa berapa tahun di sini dan berapa tahun di universiti luar negara. Itu maksudnya - dua itu makna dua tahun di sini dan satu tahun di luar negara untuk mendapat kelulusan. Sebab itu macam 3+0 itu, maknanya dia terus belajar di sini dan diijazahkan kepadanya dengan ijazah daripada universiti yang ada membuat rundingan dengan universiti tempatan ataupun IPTS yang berkenaan. Terima kasih.

Tuan Hoo Seong Chang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selain daripada Kementerian harus memastikan universiti-universiti yang ada program bersama dengan IPTS diperakui oleh Lembaga Akreditasi Negara, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen juga memaklumkan Dewan yang mulia ini, bagaimana Kementerian dapat memantau dan juga memastikan IPTS yang berada di negara kita ini supaya tidak menjejaskan pelajaran pelajar-pelajar di IPTS, misalnya masih ada aduan yang kita terima, kadang-kadang kursus-kursus ataupun lecturers yang ada, kadang-kadang tak sampai satu tahun, kadang-kadang kursus itu diberhentikan ataupun apabila lecturer itu tinggalkan kolej itu, jadi kursus itu tidak dapat dijalankan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini, cara macam mana kita dapat mengawal ataupun memantau keadaan yang sebenar di IPTS di negara kita. Sekian terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, di sini ingin saya memberitahu kepada Yang Berhormat dan juga saya ucapkan ribuan terima kasih kerana perkara-perkara ini sentiasa diberi perhatian dan ini menjelaskan bahawa pendidikan itu amatlah berharga bagi masyarakat kita. Kita di Kementerian Pendidikan sebelum sesebuah IPTS itu dapat mengendalikan apa-apa kursus yang hendak ditawarkan, sama ada melalui brochure yang telah dikeluarkan ataupun melalui pengiklanan dalam akhbar, biasanya mesti mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Sesudah itu beberapa langkah telah diambil bahawa sama ada itu menurut segala macam keperluan ataupun tidak ataupun menurut segala macam syarat-syarat yang telah diperuntukkan.

Jadi, mengenai dengan sama ada kursus itu ditutup ataupun dengan kelayakan seseorang pensyarah yang mengendalikan kursus itu sentiasa kita memantau di Kementerian. Jadi, sekiranya ada apa-apa aduan mengenai dengan mutu ataupun kursus yang telah ditawarkan tetapi sebenarnya tidak ada penawaran disebabkan oleh kerana tenaga akademiknya, kita tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap IPTS yang berkenaan.

Walau bagaimanapun, setiap tahun saya beri jaminan bahawa segala apa kursus yang hendak ditawarkan kepada penuntut-penuntut tadi, hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian. Lagi pun kalau kita dengar berita baru-baru ini, ada rungutan-rungutan mengenai dengan sesetengah IPTS yang tidak memenuhi apa-apa syarat ataupun sebelum ia memulakan kursus, ia dapat

mengadakan kursus-kursus tersebut tetapi akhirnya ia tidak dapat mengadakan, ia terlebih dahulu mestilah memberitahu pihak kementerian, kita ada bahagian Jabatan Pendidikan Swasta (JPS) dan pegawai-pegawai di kementerian sentiasa menerima apa-apa aduan dan langkah-langkah tertentu kita akan ambil. Terima kasih.

9. Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan terhadap penerbit-penerbit akhbar yang melanggar Akta Percetakan dan akta-akta berkaitan yang lain.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, di antara tindakan-tindakan yang boleh diambil terhadap penerbit-penerbit akhbar yang melanggar Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 termasuklah memberi nasihat, teguran, amaran, menggantung permit dan batal permit. Sejak tahun 1986 hingga Mac 2000, seramai 264 penerbit telah pun diambil tindakan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 kerana telah menjalankan kegiatan yang bercanggah dengan akta berkenaan. Sebenarnya kerajaan lebih suka mendidik, menyedarkan mereka mengenai tanggungjawab terhadap masyarakat umum daripada mengambil tindakan di bawah peruntukan undang-undang yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Yang di-Pertua, saya yakin akta ini dilulus oleh Parlimen Dewan yang mulia ini, dahulu untuk menjaga keamanan dan keselamatan negara. Alhamdulillah, kerana itulah kita dapat terus memastikan demokrasi subur di negara kita ini seperti kita lihat baru-baru ini dalam Pilihan Raya Kecil di Sanggang. Saya hendak bertanya dengan dunia yang global, kalau kita lihat sekarang kalau belayar orang luar bandar, bukan belayar naik kapal lagi atau perahu lagi, malah belayar dalam cyber world, cyber space, tetapi kadang-kadang dalam isu untuk berita ini, tradisionalnya ialah melalui media cetak atau media TV, tetapi bagaimana dengan media baru, media cyber ini, sebab sekarang ini tumbuhnya macam cendawan ini, surat-surat khabar melalui cyber world ini, dunia siber ini dan sekarang ini mungkin ini juga akan memudaratkan keselamatan negara kita. Saya minta sedikit pandangan Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri bagaimana kita hendak menghadapi dengan cabaran-cabaran baru ini dalam abad baru ini, memastikan negara Malaysia, negara yang kita cintai ini terus aman damai bukan

kerana untuk kita, tetapi juga untuk anak cucu kita, pandangan Dato' Timbalan Menteri.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Rompin. Memang Yang Berhormat begitu prihatin terhadap perkara ini adalah suatu permulaan yang cukup baik. Seperti kita semua maklum, semua peruntukan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan di negara kita adalah untuk mengawal segala penerbitan dan juga mesin-mesin cetak di negara kita supaya semua memainkan peranan yang penting. Selain daripada peranan menyelarkan maklumat kepada rakyat, harus juga mereka menjaga keamanan dan keselamatan negara kita.

Tetapi, buat masa ini saya ingin mengaku iaitu akta ini memang tidak mempunyai kuasa dari segi penguatkuasaan supaya kita dapat mengambil tindakan terhadap orang-orang ataupun pihak-pihak yang ketiga yang tidak bertanggungjawab, yang begitu banyak menggunakan cyber ataupun Internet untuk menyebarkan berita-berita dan perkara-perkara yang bukan-bukan yang mempunyai fitnah dan lain-lain.

Walau bagaimanapun, saya percaya jika sebagai rakyat yang bertanggungjawab, kita harus mempunyai internal censorship, dengan izin, sama ada pihak organisasi ataupun secara seorang individu, kita hendaklah praktikkan internal censorship. Dan buat masa ini jika terdapat apa sahaja perkara-perkara yang bukan-bukan dilemparkan terhadap orang-orang dan individu-individu, terpulanglah kepada pihak individu untuk mengambil tindakan terhadap orang yang menyebarkan berita-berita yang mempunyai tohmahan dan berfitnah.

Kerajaan memang tidak begitu berminat untuk campur tangan dalam apa jua dalam Internet ataupun siber ini sebab kita percaya bahawa dunia ini amat mementingkan globalisasi dan kita harus mempunyai sikap yang terbuka tetapi jika terdapat perkara-perkara yang mempunyai tohmahan dan yang bukan-bukan disiarkan di dalam Internet ataupun Cyberjaya seperti saya katakan lagi, kemungkinan sampai satu masa di mana kerajaan harus diberikan hak untuk menjalankan penguatkuasaan Kita hanya meneliti dan perhatikan dan memainkan peranan dari segi internal censorship sahaja. Saya harap kawan-kawan dalam Dewan yang mulia ini, jika ingin menyebarkan apa sahaja dalam Internet, kita harus mempunyai disiplin, tertib dan juga tanggungjawab sebagai rakyat Malaysia. Sekian.

Tuan Moktar bin Radin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa terdapat beberapa penerbit-penerbit akhbar yang telah melanggar Akta Cetak. Jadi, baru-baru ini juga kementerian ini telah memanggil penerbit akhbar *Harakah* untuk memperjelaskan dan keputusannya kementerian ini telah 'memotong' pengeluaran akhbar *Harakah* daripada seminggu dua kali, kalau tidak silap, kepada satu bulan satu kali. Apakah juga akhbar *Harakah* ini melanggar peraturan dan jika ya, bentuk apa pelanggaran-perlanggaran yang telah dilakukan oleh penerbit akhbar *Harakah* ini?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bertindak secara adil dan saksama, tidak kira sama ada penerbit ialah *Harakah* ataupun nama-nama yang lain. Jika sesiapa yang diberikan permit untuk menjalankan penerbitan dan melakukan kesalahan di bawah akta ini, memang kerajaan harus mengambil tindakan. Bagi hal *Harakah* ini pula saya percaya subjek ini telah pun tutup dan kita tidak perlulah begitu banyak berbahas, berbicara di Dewan yang mulia ini. Cuma, saya ingin menarik perhatian bahawa *Harakah* telah pun diberikan beberapa kali amaran dan akhir sekali diberikan surat tunjuk sebab, sebab apa pelanggaran dari segi syarat-syarat permit terus dilanggari oleh penerbit. Memandangkan mereka ini tidak langsung mengikut kehendak dan teguran kerajaan, maka kita tidak mempunyai pilihan yang lain kecuali menghadkan

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Potong.

Dato' Chor Chee Heung: Tidak potonglah, menghadkan pengeluaran majalah *Harakah* ini seperti semua lidah rasmi parti-parti politik yang lain. Sebenarnya untuk makluman Dewan yang mulia ini, *Harakah* pada permulaannya apabila mereka membuat permohonan untuk mengeluarkan *Harakah*, kerajaan pun beri – seminggu sekali jalankan kegiatan sedangkan parti-parti politik yang lain, hanya diberikan kelulusan untuk minta menerbit sekali dua minggu atau sekali sebulan. *Harakah* diberikan seminggu sekali tetapi mereka menyalahgunakan kuasa yang diberikan di bawah permit kita terpaksa mengambil tindakan. Saya percaya kawan-kawan daripada pihak PAS memang memahami kedudukan mengenai bab ini [Sorak]. Sekian, terima kasih.

10. **Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) bilangan sekolah yang akan dijadikan sekolah bestari pada tahun 2000 dan 2001. Sila kategorikan mengikut sekolah di bandar, luar bandar, SRK, SJK(C), SJK(T) dan sekolah menengah; dan
- (b) latihan khusus untuk guru dalam pengajaran melalui komputer.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2000 sebanyak 86 buah sekolah telah dijadikan sekolah bestari. Menjelang tahun 2001, dijangkakan sebanyak 6,400 buah sekolah akan dibekalkan dengan infrastruktur teknologi maklumat di bawah projek perluasan pengkomputeran. Sekolah-sekolah lain akan ditingkatkan menjadikan sekolah bestari secara berperingkat.

Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai kursus komputer untuk guru-guru melalui:

- (i) kursus dalam perkhidmatan selama 14 minggu;
- (ii) kursus 14 minggu untuk latihan guru sekolah bestari;
- (iii) kursus aplikasi komputer dalam pengajaran dan pembelajaran sekolah bestari;
- (iv) kursus jurulatih utama komputer;
- (v) program khas pengsiswazahan guru;
- (vi) kursus diploma perguruan khas; dan
- (vii) kursus perguruan lepasan Ijazah.

Sejak tahun 1996 sehingga kini, seramai 5,626 orang guru telah dilatih dalam pelbagai kursus komputer.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa banyak peruntukan telah diberi khas untuk projek membestarikan sekolah pada tahun 2000 dan 2001 dan apakah perkembangan terkini mengenai dengan pelaksanaan projek ini sama ada kurikulum seragam untuk mata pelajaran IT ataupun komputer telah disediakan untuk semua sekolah. Sekian, terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan peruntukan, sebagai makluman pihak Yang Berhormat, saya akan jawabkan melalui tulisan kemudian. Mengenai dengan program ini telah dijalankan begitu lancar. Untuk perhatian dan maklumat Yang Berhormat-Yang Berhormat lain di dalam Dewan ini, mengenai dengan sekolah bestari, ingin saya nyatakan di sini bahawa ini bukanlah kita panggil

sekolah itu seperti mana yang setengah pihak akan menganggap sekolah ini sebagai sekolah pilihan. Hanya apa yang kita lakukan ialah membekalkan segala macam bentuk dan kaedah pembelajaran itu melalui teknologi maklumat tadi. Dengan yang demikian, adalah menjadi harapan kita pada masa-masa yang akan datang, boleh dikatakan sekolah-sekolah kemudiannya akan diperluaskan dengan menggunakan alat ataupun teknologi maklumat tadi bagi memudahkan pembelajaran dan kaedah yang baru ini

Puan Chong Eng: Terima kasih, soalan tambahan. Kita semua sedia tahu bahawa negara ini ialah berbilang kaum dan berbilang bahasa dan kita mempunyai sekolah-sekolah yang berlainan, menggunakan medium yang berlainan seperti di sekolah SRJK(C) dan SRJK(T) mereka menggunakan medium mereka ialah Mandarin dan juga Tamil. Soalan di sini ialah kita semua pun sedia tahu banyak softwrenya di dalam bahasa Inggeris dan mungkin sekarang kita ada dalam bahasa Malaysia dan mungkin juga ada sedikit dalam bahasa Mandarin. Bagaimana kita di dalam sekolah, adakah kita menggunakan software yang berbahasa Mandarin dan juga Tamil dan bagaimana kita mengatasi masalah ini. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan software tadi, mungkin Yang Berhormat merasakan software yang terdapat di pasaran terbuka. Itu memang kita akui dalam pelbagai bahasa khususnya di dalam bahasa Inggeris tetapi bagi program bestari ini, kita mempunyai, dengan izin, software kita sendiri. Jadi, tidaklah timbul untuk mengatakan bahawa kita mengabaikan bahasa-bahasa lain.

Walau bagaimanapun, mengenai dengan....kalau tidak silap saya, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah pengajaran bahasa, kalau tidak silap saya, itu yang saya faham sebab kita sudah pun mengambil beberapa langkah bahawa segala apa pengisian dalam komputer tadi adalah dalam bahasa kita dan kalau Yang Berhormat mengatakan mengenai dengan bahasa tetap kita sudah ada pengisian itu semua. Jadi, saya berharap adalah kita tetap berpegang kepada Dasar Pendidikan Negara kita di mana, sekolah kita tetap menggunakan Bahasa Kebangsaan kecuali sekolah-sekolah SRJK(C)kah ataupun SRJK(T). Terima kasih.

[Soalan No. 11 – Y.B. Dato' Shahnnon bin Ahmad (Sik) tidak hadir]

12. **Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]** minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah langkah-langkah serta jumlah peruntukan kerajaan untuk

melaksanakan pembelajaran Bahasa Kadazandusun di sekolah-sekolah kerajaan sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya soalan kepada Kementerian Pendidikan begitu banyak hari ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baguslah.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, bagus.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, terima kasih sebab kita ini banyak peminat sama ada daripada Backbenchers mahupun daripada pembangkang.

Seorang Ahli: Jawapan, jawapan.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Ya, saya akan terus kepada jawapan. Sabar, sabar Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan pembelajaran bahasa Kadazandusun di sekolah-sekolah kerajaan sehingga ke peringkat Sijil Pelajaran Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) menyediakan dan mencetak sukatan pelajaran bahasa Kadazandusun sekolah rendah; dan
- (ii) mengadakan kursus orientasi dan bengkel untuk guru-guru bahasa Kadazandusun.

Jumlah peruntukan yang disediakan untuk pembelajaran bahasa Kadazandusun sekolah rendah dari tahun 1995 hingga 2000 adalah sebanyak RM322,736.71. Terima kasih.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Soalan tambahan. Pertama sekali saya mengucapkan kepada kerajaan di atas keprihatinan kerajaan tentang pembelajaran bahasa-bahasa ibunda seperti bahasa Kadazandusun. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, yang pertama saya ingin bertanya sama ada kerajaan bercadang untuk mengadakan satu kategori baru dalam pembelajaran bahasa di sekolah kebangsaan iaitu kategori bahasa ibunda bumiputera seperti bahasa Kadazandusun, bahasa Iban dan sebagainya. Ini adalah penting untuk membolehkan kerajaan memberi peruntukan kepada bahasa-bahasa ibunda bumiputera ini supaya diajar di sekolah-sekolah kebangsaan.

Soalan saya yang kedua ialah adakah kerajaan bercadang dan akan melaksanakan pengumuman yang telah dibuat oleh bekas Menteri Pendidikan bahawa guru-guru yang mengajar bahasa Kadazandusun ini akan diberi latihan di Maktab Perguruan Gaya. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pertama sekali harus saya nyatakan di sini dengan tegas bahawa Bahasa Kebangsaan tetap diajar di semua sekolah iaitu Bahasa Malaysia tetapi dalam masa yang sama juga kementerian telah pun memberi ruang untuk bahasa ibunda diajar ke sekolah-sekolah yang berkenaan. Misalnya di Sabah, sudah tentu dengan bahasa ibundanya bahasa Kadazandusun tadi dan dari masa ke semasa sudah tentu kita akan melakukan dari segi latihan perguruan dan sebagainya. Memang kita akan menjadikan mata pelajaran Kadazandusun itu tetap kita akan melatih guru-guru yang berkenaan supaya sebagai pengajar bahasa, ia akan lebih berkesan lagi. Bukan sembarangan kalau kita hendak mengajar sesuatu bahasa itu, hanya sekadar tahu sahaja bahasa, itu tidak mencukupi. Pihak kementerian sedar bahawa sekiranya hendak menjadi seorang guru bahasa yang berkesan hendaklah diberi latihan.

Tuan Philip Benedict Lasimbang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya sejauh manakah kejayaan pembelajaran bahasa Kadazandusun ini di sekolah rendah sejak ia diajar dari tahun 1996 dan apakah perkembangan Kadazandusun Chair di Universiti Malaysia Sabah (UMS). Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Mengenai dengan keberkesanan pengajaran bahasa Kadazandusun, saya akan beri jawapan itu secara bertulis kerana saya tidak dapat segala macam detailnya. Mengenai dengan Kerusi di Universiti Malaysia Sabah itu juga saya akan berikan jawapan secara bertulis kerana saya tidak ada detailnya di sini.

Walau bagaimanapun, sebagai makluman pihak Yang Berhormat dan juga Yang Berhormat tadi yang bertanya mengenai dengan peruntukan pembelajaran bahasa Kadazandusun sejak 1995 sehingga 2000, malah pada tahun 1995 peruntukannya telah ditentukan sebanyak RM10,000 tetapi telah ditingkatkan sehingga pada tahun 2000 kepada RM49,198 bagi tujuan bahasa Kadazandusun.

13. **Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:-

- (a) bilangan kilang yang telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Kilang dan apakah masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang mempunyai lebih daripada 40 pekerja tetapi masih belum menubuhkan jawatankuasa tersebut; dan
- (b) adakah penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Kilang ini mendatangkan kesan positif dalam usaha mengurangkan kemalangan kerja.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Jumlah kilang yang telah menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan adalah sebanyak 6,310 kilang daripada 7,045 kilang sehingga bulan Disember 1999 iaitu hampir 90%.

Mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang mempunyai lebih daripada 40 orang pekerja tetapi masih belum menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di tempat kerja adalah seperti berikut:

- (i) di antara kilang-kilang tersebut merupakan perniagaan keluarga di mana pengurusan kilang dijalankan oleh ahli-ahli keluarga sendiri. Mereka ini tidak mempunyai pengetahuan dan pemahaman khusus mengenai aspek pengurusan, keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja;
- (ii) terdapat juga kilang-kilang yang tidak mempunyai peruntukan kewangan ataupun tidak mahu membelanjakan wang untuk menghantar pegawai mereka mengikuti kursus yang berkaitan dengan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- (iii) kurang kesedaran di kalangan majikan tentang betapa pentingnya penubuhan jawatankuasa tersebut untuk mempertingkatkan tahap dan mutu keselamatan di tempat kerja;

- (iv) ada kilang atau majikan tidak menubuhkan jawatankuasa tersebut memandangkan bilangan pekerja sentiasa berubah-ubah di antara 30 hingga 50 orang pada satu-satu masa; dan
 - (v) majikan tidak mengetahui tentang peraturan berkaitan dengan keperluan penubuhan jawatankuasa tersebut.
- (b) Tuan Yang di-Pertua, penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Kilang ini telah mendatangkan kesan positif dalam usaha mengurangkan kemalangan kerja dari beberapa segi termasuk:
- (i) penglibatan majikan dan pekerja secara terus dalam hal-hal keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;
 - (ii) peningkatan dalam penggunaan peralatan keselamatan semasa bekerja;
 - (iii) siasatan kemalangan yang lebih sistematik dan langkah-langkah pencegahan seterusnya;
 - (iv) peluang latihan dan pendedahan kepada majikan dan pekerja dalam bidang keselamatan dan kesihatan di tempat kerja;
 - (v) pengurangan bilangan kemalangan di sektor pengilangan dan dari sebanyak 68,281 kejadian pada tahun 1994 kepada hanya 38,711 kejadian pada tahun 1998.

Tuan Liow Tiong Lai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerja ini telah mendatangkan kesan yang positif kepada kilang-kilang dan adakah kerajaan dan kementerian bercadang untuk menggalakkan kilang-kilang Industri Kecil dan Sederhana (IKS), di mana bilangan pekerjanya kurang daripada 40 orang untuk mewujudkan jawatankuasa tersebut. Saya yakin sekiranya kerajaan telah memberi galakan dan memberi kesedaran yang tinggi atas keselamatan kilang, saya rasa adalah baik IKS juga perlu menubuhkan jawatankuasa tersebut untuk keselamatan pekerja. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Sumber Manusia – kami haraplah, sungguhpun dari segi akta-akta adalah wajib bagi kilang-kilang yang mempunyai bilangan pekerja yang lebih daripada 40 orang pekerja, mengadakan jawatankuasa tersebut tetapi kami juga menggalakkan kilang-kilang yang lain khususnya kilang-kilang IKS untuk mengadakan jawatankuasa. Melalui aktiviti Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan tersebut menggunakan peralatan yang sesuai untuk menjaga dan juga mewujudkan satu budaya yang prihatin tentang keselamatan dan kesihatan. Dalam konteks ini, Kementerian Sumber Manusia akan terus mengadakan seminar-seminar supaya kami boleh mempertingkatkan kesedaran dan juga kami akan terus berbincang dengan pihak swasta supaya bersama-sama kita boleh memperluaskan aktiviti-aktiviti tersebut.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Banyak masalah sosial yang berlaku di kilang-kilang sebagaimana yang kita dengar pada akhir-akhir ini. Soalnya apakah kerajaan mengambil insentif bagi memberi motivasi agama khususnya kepada pekerja-pekerja Islam dan nilai-nilai murni kepada pekerja-pekerja lain di kilang sehingga kes yang sering berlaku di kilang boleh dikurangkan, sekurang-kurangnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi satu perkara yang penting khususnya untuk kilang-kilang mengadakan perkara-perkara berkaitan dengan agama pekerja dimasukkan/diserapkan dalam perjanjian bersama supaya keperluan setiap pekerja itu dari segi keagamaan dan sebagainya diambil kira dan pihak majikan memberi kemudahan yang cukup untuk mempertingkatkan fahaman tentang nilai-nilai murni, agama dan sebagainya. Kementerian Sumber Manusia akan terus menentukan bahawa aktiviti-aktiviti tersebut diperluaskan supaya kita boleh jadikan sebuah negara yang tinggi dari segi produktiviti dan juga dari segi nilai moral.

14. **Dato' Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah faktor yang menyebabkan pelawat-pelawat daripada Negeri China selalu menghadapi masalah kemasukan di kaunter pemeriksaan Imigresen sehingga kemasukan mereka terpaksa tertangguh beberapa jam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, antara sebab-sebab yang dikenal pasti menyebabkan kejadian pelancong-

pelancong warganegara Republik Rakyat China (RRC) terkandas di pintu masuk negara ini atau terpaksa mengambil masa yang lebih lama dari sepatutnya untuk melepasi pemeriksaan imigresen ialah seperti berikut:

- (i) tidak mempunyai visa melancong negara ini setelah tiba dari negara ketiga;
- (ii) permohonan untuk mendapatkan *visa on arrival* di pintu masuk, didapati tidak teratur;
- (iii) pihak agensi pelancongan yang menaja kemasukan mereka tidak menunggu atau menjemput di pintu masuk; dan
- (iv) pelancong berkenaan disyaki tergolong sebagai *immigrant* larangan. Semakan sewajarnya perlu dilakukan sebelum mereka diberi sebarang kemudahan imigresen negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menegaskan dalam Dewan yang mulia ini bahawa kerajaan sama sekali tidak pernah mengambil tindakan untuk menyusahkan kemasukan pelancong asing termasuk dari RRC, sekiranya kemasukan mereka adalah teratur. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 3, 5, 11 dan 15 hingga 23 akan dijilid dalam buku yang berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DIBAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 (1)

Laporan ‘Justice in Jeopardy: Malaysia 2000’

11.05 pagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih.

“Bahawa Dewan ini membenarkan Ahli Parlimen Seputeh menangguhkan Dewan untuk tujuan membincangkan perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan iaitu laporan *Justice in Jeopardy: Malaysia 2000* yang dibentangkan bersama oleh *International Bar Association, Centre for the*

Independence of Judges and Lawyers, Commonwealth Lawyers' Association dan International Lawyers' Union, pada 5 April 2000, merupakan pendakwaan yang paling buruk terhadap sistem keadilan di Malaysia.

Laporan setebal 143 muka surat berkenaan menyimpulkan bahawa kuasa eksekutif yang terlalu mutlak telah mengabaikan elemen penting sebuah masyarakat demokratik dan bebas yang berlandaskan kedaulatan undang-undang. Ia mendapati sistem perundangan kita sering dimanipulasikan demi kepentingan politik dan ekonomi pihak eksekutif.

Laporan berkenaan memetik beberapa kes mahkamah seperti kes Lim Guan Eng dan beberapa kes terkemuka yang masih berjalan kini sebagai melibatkan campur tangan pihak eksekutif dalam urusan kehakiman, begitu juga dengan insiden di mana peguam – minta maaf – ini diminta potong oleh Tuan Yang di-Pertua. Okay.

Empat pertubuhan yang menyediakan laporan ini menggesa Kerajaan Malaysia supaya mengiktiraf kebebasan badan kehakiman dalam Perlembagaan Persekutuan, di samping menandatangani Perjanjian Hak Sipil dan Politik Antarabangsa serta Perjanjian Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya Antarabangsa. Laporan ini juga mengemukakan beberapa cadangan untuk memulihkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kehakiman, antaranya: menghormati autonomi Majlis Peguam; hentikan pengaruh eksekutif ke atas badan kehakiman; memilih hakim-hakim yang membicarakan kes-kes profil tinggi secara cermat; pihak eksekutif dinasihatkan supaya jangan membincang secara terbuka sesuatu perbicaraan sebelum keputusan dibuat; dan menubuhkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman yang berfungsi membuat cadangan mengenai perlantikan hakim.

Laporan turut mencadangkan supaya undang-undang draconian seperti ISA dan Akta Hasutan dihapuskan sama sekali.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia yang ditubuhkan baru-baru ini harus menangani isu ini dengan segera demi memulihkan kedaulatan undang-undang yang adil di negara kita. Sekian, terima kasih. *[Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Seputeh pada 7 April 2000 jam

7.30 pagi. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu; syarat yang kedua ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ialah ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapat bahawa:

Syarat yang pertama, saya dapat bahawa perkara ini bukanlah satu perkara yang tertentu menurut Peraturan Mesyuarat 18. Perkara yang tertentu itu adalah satu keadaan atau kejadian yang diterima atau yang dianggap oleh kesemua pihak yang telah atau wujud dengan tidak sesiapa boleh menyangkal kewujudannya, umpamanya Peperangan Dunia Kedua, rusuhan yang sedang berlaku [*Ketawa*] atau banjir di mana-mana tempat.

Pendapat oleh empat badan peguam adalah merupakan satu pendapat dari satu pihak. Tetapi semasa itu ada juga pihak lain yang tidak bersependapat dengan dakwaan ini. Mereka ini berpendapat tidak berlaku dalam apa yang dikatakan *Justice in Jeopardy* di Malaysia seperti yang dikatakan dalam usul ini. Mereka terdiri dari peguam-peguam yang menyokong kerajaan, *judiciary* Malaysia dan ramai pengundi parti Barisan Nasional. Bahkan ada orang yang berpendapat Malaysia adalah salah satu negara yang mengamalkan sistem demokrasi yang terulung di rantau ini. [*Disampuk*] Isu ini telah juga menjadi sebahagian dari bahan kempen pilihan raya yang lepas. Pengundi-pengundi parti Barisan Nasional dalam pilihan raya yang lepas telah menolak dakwaan ini dan mereka memperolehi majoriti.

Begitu juga isu berkenaan dengan undang-undang ISA, Akta Hasutan, dan campur tangan eksekutif juga dibawa untuk pertimbangan rakyat bukan sahaja dalam pilihan raya yang lepas, tetapi juga di dalam tiap-tiap pilihan raya. Tetapi rakyat dengan majoriti telah menolak cadangan supaya undang-undang ini dihapuskan dan juga mereka menolak dakwaan ada campur tangan eksekutif dalam kehakiman. Undang-undang ini pula diluluskan oleh Parlimen mengikut majoriti. Mengikut kaedah sistem demokrasi, keputusan majoriti terpakai. *Decision of majority prevails.*

Dengan sebab-sebab ini saya berpendapat perkara ini bukanlah satu perkara yang tertentu seperti yang disyaratkan dalam Peraturan Mesyuarat 18.

Syarat yang kedua, oleh kerana perkara ini bukanlah satu perkara yang tertentu tidaklah boleh dikatakan ia adalah bagi kepentingan orang ramai.

Syarat yang ketiga, saya berpendapat perkara ini tidak perlu disegerakan. Masih banyak masa lagi pada masa hadapan yang boleh digunakan untuk membahaskan perkara seperti ini.

Oleh yang demikian saya menolak usul ini. [*Tepuk*]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1961; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT (PINDAAN) 2000

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat 1965; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada mesyuarat kali ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2000

DAN
USUL
ANGGARAN PEMBANGUNAN 2000

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2000 dan Usul Anggaran Pembangunan 2000 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” *[Hari Kedua belas]*

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B. 46 [Jadual]-

Maksud P. 46 [Anggaran Pembangunan 2000]-

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.46 dan Kepala Pembangunan P.46 Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam menyambung ucapan.

11.15 pagi

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin meneruskan penjelasan kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan di dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar yang disertai oleh beberapa Ahli Yang Berhormat pada minggu yang lepas.

Mengenai perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong berkaitan dengan masalah akses kepada *bio-diversity* dan juga *bio-safety*. Kerajaan memang sedar akan pentingnya sumber-sumber biologi negara dilindungi daripada diambil dengan sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak luar. Oleh itu kementerian telah menggubal draf undang-undang mengenai akses kepada sumber asli yang kini sedang di peringkat perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan.

Demikian juga mengenai *bio-safety*, kementerian sedar akan kesan kemasukan *genetically modified organism*, dengan izin, kepada kesihatan orang ramai dan juga

sumber makanan dan juga pertanian negara. Oleh itu satu draf akta *bio-safety* juga sedang di peringkat akhir perbincangan dengan pihak-pihak berkenaan untuk dibentangkan pada Parlimen. Namun demikian, oleh kerana ia mengambil masa sedikit, sebab ia melibatkan kerajaan-kerajaan negeri dan juga jabatan-jabatan yang lain, saya berharap semoga pihak-pihak yang berkenaan dapat memberikan ulasan-ulasan yang segera bagi mempercepatkan proses penggubalan akta ini.

Seterusnya Yang Berhormat bagi Mambong juga membangkitkan soal syarat-syarat bagi mendapatkan sumber kewangan daripada tabung *Intensified Research in a Priority Areas* (IRPA). Di antara syarat-syarat yang dikenakan atau diperlukan bagi sebuah agensi mendapatkan sumber kewangan bagi program IRPA ialah:

- (i) ia adalah merupakan institusi penyelidikan awam dan juga universiti-universiti awam;
- (ii) agensi tersebut mempunyai fungsi penyelidikan dan mempunyai tenaga kerja saintis serta kemudahan penyelidikan yang mencukupi;
- (iii) aktiviti penyelidikan yang dijalankan hendaklah dalam bidang-bidang yang dikenal pasti sebagai bidang keutamaan di bawah program IRPA;

Dan saya ingin juga mengatakan bahawa sekiranya jabatan-jabatan kerajaan mempunyai ciri-ciri ini, mereka juga boleh mendapatkan sumber kewangan dari tabung IRPA.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat bagi Rompin, yang menyuarakan perkara-perkara yang berkaitan dengan trend dan arah aliran R&D dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan internet dan juga Technology Park Malaysia Sdn. Bhd. (TPM). Saya inginlah menyatakan di sini bahawa pada keseluruhannya oleh kerana bidang R&D adalah bukan satu bidang yang boleh dianggap baru lagi di negara Malaysia ini berbanding dengan negara-negara maju yang lain, namun kementerian memang sedar dan terus memperkemaskan bidang-bidang keutamaan dengan strategi R&D selaras dengan trend masa depan dan dasar-dasar kerajaan yang telah menentukan arah tuju pembangunan ekonomi dan juga bidang-bidang sains dan teknologi yang diperlukan.

Kita tidak nafikan bahawa kita masih lagi memerlukan kepada teknologi asing di dalam perkembangan teknologi di negara kita. Name demikian, kita juga terus memperkembangkan, dengan izin, *indigenous technology* di negara kita ini

untuk sama-sama dikembangkan bagi memenuhi dan juga mengisikan keperluan-keperluan dalam pembangunan di bidang R&D dan juga di bidang-bidang lain yang berkaitan dengan perkembangan ekonomi dalam negara kita hari ini.

Seterusnya mengenai dengan Internet. Asas penggunaan Internet di negara kita adalah asas yang terbuka. Oleh itu adalah agak sukar kepada pembekal perkhidmatan Internet untuk menyekat kemasukan bahan-bahan yang tidak diinginkan. Walau bagaimanapun,

Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Dato' Zainal bin Dahalan: ... saya habiskan. Walau bagaimanapun, bagi langkah pengawalan dan untuk menghalang penyebaran Internet terdapat peruntukan 223 Akta Komunikasi dan Multimedia yang menyekat bahawa mana-mana pihak yang disabitkan kesalahan akan didenda hingga RM50,000 ataupun satu tahun penjara iaitu bagi penggunaan tidak wajar rangkaian atau perkhidmatan rangkaian.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Sila.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: ...pertanyaan saya tentang dasar atau kerangka usaha dari segi penyelidikan dan pembangunan negara atau R&D. Saya yakin bahawa kementerian melalui Jawatankuasa ataupun Council of Advisor saya difahamkanlah, dari segi penasihat sains dari masa ke semasa memang melihat, membentuk rangka kerja atau bentuk kajian mana patut diberi tumpuan dan bila diputuskan bentuk-bentuk atau sektor-sektor pendidikan mana yang diberi tumpuan bermakna itulah asasnya akan dibiayai dari segi sumber kewangan untuk dibiayai oleh kerajaan.

Saya hendak bertanya sedikit kalau dahulu kita dengar di Jepun, pada suatu masa ketika mereka merasakan bahawa mereka ketinggalan dalam industri pengisian, oleh kerana mereka merasa kebelakang dalam industri pengisian, mereka telah meletakkan atau memberikan satu dana US\$1 bilion untuk ditumpukan untuk kajian pengisian? Ini macam satu scratch progam atau scratch program nasional.

Saya hendak bertanya sedikit akan kerajaan melihat dalam dekad 2000 ini tumpuan industri kita berubah ke satu ekonomi baru. Saya hendak tanya sama ada tumpuan penyelidikan ini oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar disatukan dengan usaha-usaha oleh badan-badan lain seperti MSC dalam isu research dalam pengisian ini ataupun juga dari segi kajian dalam industri yang berasaskan

sumber. Adakah juga penyelarasan kerja dari skop penyelidikan ini dibincang juga dengan badan-badan yang lain PORIM atau badan-badan agensi juga yang ada penglibatan ataupun Rubber Research Institute dengan badan-badan ini supaya disatukan penumpuan dari segi research kita ataupun dari segi penyelidikan kita dan pembangunan kita. Saya minta sedikit maklumat tambahan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Rompin. Sebelum ini memanglah ada bidang-bidang, kajian-kajian yang dibuat secara berasingan oleh pihak-pihak agensi tertentu.

Bagaimanapun, dengan trend yang ada hari ini memanglah cadangan untuk kita menyelaraskan usaha-usaha di bidang R&D dan juga skop-skop yang berkaitan itu perlu diselaraskan. Jadi, untuk ini kita akan mengambil perhatian mengenai perkara ini. Terima kasih.

Seterusnya mengenai dengan Taman Teknologi (Technology Park) yang memang memberikan penumpuan kepada – dan menggalakkan kepada penglibatan misalnya usahawan-usahawan muda yang ingin menceburi bidang-bidang yang berkaitan, khususnya dalam bidang pembangunan industri software. Melalui program Techno- Pioneer dan bantuan-bantuan juga disalurkan menerusi tabung Venture Capital. Jadi, sekiranya terdapat masalah-masalah daripada mereka, mereka bolehlah menyalurkan masalah ini supaya bantuan dapat disalurkan daripada tabung tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh peruntukan sebanyak RM20 juta telah diperuntukkan di bawah tabung ini dan di Rancangan Malaysia Kelapan kita telah memohon sebanyak RM100 juta lagi untuk kita meneruskan penggalakan bagi pembangunan di bawah Program Techno-Pioneer tersebut.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Terima kasih. Kepong bukan tahu pakai Internet ini.

Tuan Pengerusi: Ya. *[Ketawa]*

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bercakap tetapi pembesar suara tidak dihidupkan]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Yang Berhormat Timbalan Menteri beri saya.

Tuan Pengerusi: Ya, sila-sila. Sila teruskan. Sila teruskan, ya lepas itu

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Ini saya ucapkan syabas kepada kementerian dan kerajaan dalam usaha untuk menambahkan lagi pengusaha-pengusaha dalam bidang ekonomi baru ini, the new economy iaitu dalam satu contohnya ialah dari segi industri pengisian ini software industry ini, dengan mewujudkan venture capital tetapi saya hendak bertanya adakah perlu kita kaji kembali kaedahnya.

Kalau dahulu, kalau satu pengusaha itu gagal terus di – banker yang membiayainya, terus tanam dia dan – orang kata baca talkin, jalan tetapi dalam industri software ini mereka memang biasalah mereka membuat silap dan salah dan memang pun mereka gagal sekali dua sebelum mereka mencapai kejayaan. Sebab itu baru-baru ini kita mengucapkan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya dalam industri pengisian ini pendekatan yang baru perlu diambil iaitu kalau mereka itu gagal, kita maafkan mereka, beri mereka peluang kedua atau ketiga supaya benar-benar mereka berjaya.

Saya hendak bertanya dalam industri ini – industrtri ‘.com’ ini. Apakah cara hendak membezakan yang ‘.con’ ini – yang ‘.com’ itu bagus - .communication tetapi yang satu lagi itu yang ada elemen penipuan ‘.con’ ini. Bagaimana dalam kita dalam usaha kita hendak menggalak tetapi kita hendak beza juga yang budak-budak hitam ini. Jangan mereka mengambil kesempatan atas alasan syarikat itu dinamakan ‘.con’ dan ini semua venture capitalnya akan pergi membiayainya. Sebenarnya, itu hanya orang kata rupa sahaja tetapi dalamnya tidak ada. Bagaimana kita hendak bezakan ini, pengusaha-pengusaha yang betul-betul nilainya murni, hasratnya baik dengan mereka yang ada niat yang – ataupun yang tidak begitu ikhlas atau tidak begitu baik dari segi hasrat mereka.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Pengerusi, ini mungkin satu perkara yang agak sulit juga saya hendak jawab. Apa yang dapat kita laksanakan ialah kita mengikuti prosedur, mengikuti kaedah biasa yang dikemukakan.

Jadi, sama ada ini merupakan satu ‘con’ aktiviti ataupun sebaliknya. Itu mungkin hanya akan dapat diketahui selepas beberapa waktu, bagaimanapun kalau

ada kaedah yang terbaik yang boleh diaplikasikan, mungkin Yang Berhormat bolehlah kita bincangkan untuk tujuan menyekat kegiatan-kegiatan yang mungkin tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ya, Kepong.

Dato' Zainal bin Dahalan: Kepong belum sampai lagi. Kepong punya belum sampai lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, mengenai Taman Teknologi. Saya pun seronok dengan peruntukan yang diberi untuk RM20 juta dan kemudian RM100 juta. Memang ini satu langkah yang betul tetapi walau bagaimanapun, daripada lebih 70 syarikat yang sudah pun menyertai Taman Teknologi lambatlah kita ada dan lebih 40 syarikat lagi yang masih tunggu untuk menyertainya dan bolehkah Yang Berhormat mempercepatkan proses ini kerana Tuan Pengerusi, kita ketinggalan zaman, mungkin 20 tahun di dalam hal ini ataupun lebih.

Walaupun kementerian itu sudah mengatakan kita maju tetapi Tuan Pengerusi, ini memang untuk mengatakan 'Malaysia Boleh', kita memang boleh tetapi ketinggalan zaman ini memang kita mesti mempercepatkan usaha kita termasuk Tuan Pengerusi – adakah Yang Berhormat sedar bahawa tidak ramai orang yang cerdik pandai terutamanya orang-orang Malaysia di luar negara ini yang balik ke negara ini walaupun kementeriannya sudah berkali-kali membuat kenyataan bahawa mereka berjaya untuk menarik rakyat Malaysia kembali ke tanah air kita. Tetapi adakah Yang Berhormat berusaha untuk menarik lebih ramai orang pandai yang berpengalaman di luar negara kembali ke Malaysia untuk menyertai misalnya Taman Teknologi Park. Itulah, itu salah satu faktor yang utama.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kepong, kita akan terus berusaha untuk memaklumkan menerusi pelbagai saluran bagi menggalakkan ahli-ahli sains kita, ahli-ahli teknologi kita untuk kembali ke tanah air dan menyumbangkan pembangunan ke negara yang didakwa oleh Yang Berhormat tadi masih lagi ketinggalan tetapi bagi kita, kita berasa belumlah berpuas hati tetapi kita sentiasa menganggap bahawa kita juga setanding dengan negara-negara yang sedang membangun di dalam aspek-aspek ini.

Jadi, mengenai – mungkin sebahagian daripada masalah yang dihadapi ialah kemudahan-kemudahan ataupun ruang-ruang yang masih belum mencukupi, yang ini

yang kita hendak tambah lagi dalam tahun 2000 dan juga dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Misalnya, untuk tahun 2000 sahaja kita memperuntukkan RM70 juta kepada Taman Teknologi untuk membangunkan prasarana termasuk bangunan bagi disewakan kepada pengusaha-pengusaha dan bagi mereka yang berminat untuk menceburi bidang-bidang yang berkaitan.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: [*Bangun*]

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Pengerusi, saya teruskan kepada Nibong Tebal yang membangkitkan soal masalah burung layang-layang, program mengambil sarang-sarang burung di

Tuan Pengerusi: Rompin bangun Yang Berhormat ya.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Hanya hendak minta sedikit pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan kejayaan Teknologi Park ini. Dia kata masyarakat di Klang Valley ini, di Kuala Lumpur dan berhampiran boleh menumpukan di sana untuk mendapatkan bantuan, khidmat nasihat kalau tidak pejabat, boleh gunakan di sana sebagai pejabat inkubator. Tetapi bagaimana kalau kita lihat juga, kita mengambil dari segi kejayaan ataupun iktibar daripada kejayaan projek kerajaan ini. Bagaimana kalau kita juga laksanakan model ini tetapi mungkin dari segi saiznya lebih kecil kepada negeri-negeri juga supaya mereka yang berminat dalam industri ini, yang di Pantai Timur, di Kedah, Perak, di Johor dapat juga peluang kalau diadakan juga cawangan-cawangan Teknologi Park ini supaya mereka penyokong rakyat Malaysia yang di luar bandar dan di negeri-negeri lain juga dapat untuk sama-sama manfaat daripada buah fikiran dan projek yang baik.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat. Ini satu cadangan yang baik yang boleh kita adakan perundingan dengan pihak negeri-negeri di mana sumbangan ataupun kerjasama yang boleh diwujudkan bagi memperluaskan lagi konsep seperti mana yang dijalankan di Teknologi Park Malaysia Berhad ini.

Tuan Pengerusi, Nibong Tebal membangkitkan masalah pengambilan sarang-sarang burung di Nibong Tebal ini. Jadi, ini merupakan satu yang hendak dikatakan satu perusahaan barulah yang sebenarnya, dahulu tidak ada tetapi nampaknya akhir-akhir ini seperti satu rezeki jugalah, rezeki datang kepada sebahagian daripada pemilik-pemilik rumah ataupun bangunan yang masih belum diduduki.

Jadi, memanglah kementerian amat sedar tentang perkara ini dan kita sedang mengkaji masalah pengambilan sarang burung layang-layang ini, juga di samping

mengkaji dari segi perundangan untuk membolehkan ia dapat dijalankan dengan lebih teratur sebagai satu industri.

Jadi, apa yang telah kita ambil dan buat ialah tindakan untuk meminda Akta Perlindungan Hidupan Liar 1972 di mana kita meminda Jadual Ketiga di mana dalam Jadual Ketiga ini burung layang-layang ini disebut sebagai burung yang dilindungi sepenuhnya kepada Jadual Keempat, iaitu burung-burung yang dilindungi sahaja.

Jadi, bermaknanya burung ini boleh dipelihara. Jadi, apabila terlaksana kerajaan akan mengeluarkan permit supaya industri ini berjalan dengan lebih teratur, lebih kemas dan akan dilesenkan. Bagaimanapun, mengenai masalah pencemaran tahi burung, masalah bising dan sebagainya yang ini terpaksa kita mengadakan perbincangan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga juga mungkin Kementerian Kesihatan untuk melihat apakah aspek-aspek yang dapat ditangani dalam mengatasi masalah ini.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Zainal bin Dahalan: Yang Berhormat bagi Kelang.....

Tuan Pengerusi: Ya, ya Bukit Mertajam bangun ya. Ini di depan ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sri Gading. Terima kasih *[Ketawa]*
Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: *[Ketawa]* All right, all right.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:soalan tambahan ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, saya minta Bukit Mertajam bangun ya.
Minta dia bertanya dahulu ya.

Puan Chong Eng : Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Beri dia tanya dahulu lepas itu Yang Berhormat pula. Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang perempuan. Sila.

Tuan Pengerusi: Berilah dia dahulu. Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang perempuan. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi satu jangka masa bilakah tadi yang dicadangkan boleh dijalankan kerana pada masa sekarang kepada penduduk-penduduk yang terlibat

dalam apa yang disebut tadi. Kepada mereka ini adalah satu perkara yang serius kerana dia di tepi rumah sahaja, di tengah-tengah bandar kepada mereka ini mesti diselesaikan secepat mungkin supaya tidak menimbulkan satu tekanan di antara mereka yang menyara burung ini dan mereka yang terjejas, yang mereka anggap bahawa alam mereka terjejas, maka saya harap kementerian boleh secepat mungkin dalam setelah tamat sesi ini menghantar pegawai turun ke padang untuk menyiasat dan juga memberi keterangan kepada penduduk-penduduk tempatan supaya mereka akan faham pendirian kementerian. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya pihak kementerian telah pun

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi: Kejap, jawab yang ini dahulu. Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasal ada kaitan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab sekali.

Tuan Pengerusi: Dia beri nanti dia jawab sekali ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi: Sila, sila ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soal burung itu burunglah.

[Ketawa]

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini soal ayam. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Pulak. Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya, ada kaitanlah juga.

Tuan Pengerusi: Ayam, apa pasal pula dengan ayam ya? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ada kaitan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Seorang Ahli: Tahi ayam.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pembela -pembela ayam.....

Tuan Pengerusi: Oh!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:yang menyebabkan kecemaran dari segi lalat.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya lihat Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar tidak begitu prihatin tentang seksanya orang di luar bandar. Kampung asalnya aman tenteram, hidup harmoni tiba-tiba orang yang ada kepentingan membela ayam beratus ribu ekor berhampiran kampungnya, maka dengan sebab beribu ekor ayam dibela dan kebersihan najis ayam ini tidak dijaga dengan sempurna, maka sekampung itu diserang oleh lalat.

Di kawasan saya ada satu Kampung Setiajaya namanya, hampir orang hendak makan dalam kelambu kerana diserang oleh lalat. [*Disampuk*] Dia membela dengan kata ikut undang-undang ini kalau lebih daripada 200 meter daripada rumah atau kampung boleh dibela. Tetapi lalat ini boleh pergi enam kilometer.

Saya pernah hadir dalam satu majlis perkahwinan di kampung ini – ini contoh. Seluruh meja makan itu hitam dikerumun oleh lalat walaupun makanan itu ditutup dengan surat khabar, surat khabar itu sudah jadi basah oleh minyak makanan itu dan atas surat khabar yang sudah berminyak... hitam. Tersipu-sipu tuan rumah itu – malu kerana orang datang ke jamuan dia dan jamuan dia begitu rupa.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, penyeksaan seperti ini dibawa berkali-kali kepada saya dan saya bawa dalam pembangunan daerah tetapi jawabnya itulah dia, akan dikaji, akan dikaji, akan dikaji.

Jadi, satu tindakan tegas atau satu undang-undang yang begitu jelas harus agaknya dikenakan ataupun dijalankan penguatkuasaan supaya gangguan ini, satu penyeksaan kepada penduduk-penduduk kampung dapat kita hindarkan dengan memberikan satu bentuk undang-undang yang benar-benar berkesan dan saya rasa ini berlaku di mana-mana

Tuan Pengerusi: Ya, cukuplah Yang Berhormat. Cukuplah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jadi, saya harap dapat

Tuan Pengerusi: Faham dah tu. Sudah cukup faham dah ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:bukan sahaja jawapan tetapi tindakan.

Tuan Pengerusi: Ya. Baiklah.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Bukit Mertajam tadi, sebenarnya kita telah maklum perkara ini dan pegawai-pegawai kita pun telah pernah pergi melihat tetapi penjelasan mungkin kepada orang ramai belum kita adakan sesi. Jadi kalau sekiranya ini hanya melibatkan masalah pentadbiran sahaja memang kita akan mengambil tindakan seberapa segera selepas sesi ini pun boleh untuk meminda peraturan, tetapi kalau yang melibatkan pindaan yang terpaksa dibawa ke Parlimen maka kita terpaksa bawa ke Parlimen.

Bagaimanapun kita, saya maklumkan tadi, kita sedar mengenai perkara ini dan oleh kerana ini, sebenarnya satu perkara baru yang berlaku di negara kita. Saya juga pernah melihat satu perkembangan industri ini secara tidak disengajakan berlaku di Sumatera Utara, di Medan, di mana satu kawasan perumahan yang abandon, dengan izin, akhirnya telah didiami oleh burung-burung ini dan kebetulan pula burung-burung ini membuat sarang yang sarang-sarang ini boleh dijual.

Jadi nampaknya pemaju pun lebih berminat untuk membiarkan sahaja keadaan begitu dan mereka membuat compartments dalam bangunan ini membenarkan burung-burung ini membuat sarang dan sarang itu akhirnya dikutip dan dijual. Ini menjadi satu punca pendapatan yang lebih tinggi daripada kalau rumah itu disewakan.

Mengenai Sri Gading, saya ingin mengatakan di sini bahawa ayam tidaklah termasuk di dalam jadual-jadual di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar. Jadi agaknya.....

Tuan Pengerusi: Sila, Bukit Mertajam bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tetapi lalat itu.....*[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Lalat pun tidak masuk juga Yang Berhormat, setahu sayalah tidak masuk.

Puan Chong Eng: Tuan Pengerusi, saya hendak sokong apa yang....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Cerita lalat ini.....

Puan Chong Eng: Saya sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Sri Gading, dia bangun dahulu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng:... dan saya berpendapat bahawa yang sini ditumpukan bukan masalah ayam, masalah alam sekitar yang telah dicemarkan dan ini merupakan

masalah di merata-rata tempat bukan di Sri Gading sahaja, di Permatang Pauh, di Bukit Mertajam, di Nibong Tebal, di mana-mana dan saya hendak tanya satu soalan bahawa kementerian Yang Berhormat ialah diberi tanggungjawab untuk menjaga kualiti alam sekitar, adakah ini merupakan pencemaran, ini pencemaran, adakah ini merupakan tanggungjawab kementerian? Memangkan?

Tetapi saya hendak tanya juga ialah adakah kementerian mempunyai kuasa yang sebenarnya untuk menangani masalah ini kerana di kawasan saya pun ada mempunyai masalah yang sama dan di sini bukan pembelaan ayam tetapi kilang yang memproseskan ayam dan ia di tengah-tengah kawasan kediaman dan busuknya bukan main busuk. Yang dikatakan kilang ini telah terlebih dahulu daripada kawasan taman-taman kediaman dan kementerian Yang Berhormat pun pernah membuat bantahan tetapi dibina juga dekat-dekat dengan kilang ini dan saya berpendapat bahawa kementerian Yang Berhormat tidak mempunyai kuasa yang sebenar untuk memberi jagaan ataupun menjaga kepentingan manusialah.

Tetapi untuk – sekiranya berbanding dengan pembangunan taman-taman dan ini adalah memang satu masalah yang serius, saya ingin mendapat penjelasan bagaimana kementerian hendak menangani atau mengatasi masalah ini supaya betul-betul kementerian Yang Berhormat boleh menjalankan tanggungjawab untuk menjaga kualiti alam sekitar. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya faham bukan masalahnya masalah ayam, masalah lalat dan bau busuk tetapi saya hendak sebut tadi ayam tidak termasuk dalam jadual di bawah Akta Perlindungan Hidupan Liar, itu dahulu, itu yang saya hendak sebut tetapi Yang Berhormat tidak sabar. Masalah bau busuk dan lalat ini memang satu perkara yang nampaknya ada kaitannya dengan perusahaan atau industri ternakan ayam. Saya pun biasa juga lalu kawasan-kawasan Nibong Tebal, Bukit Mertajam, banyak ayam yang dibawa ke Lembah Klang ini.

Jadi oleh kerana memanglah dari segi Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, kita tidak ada mempunyai kuasa langsung mengenai dengan perkara seperti ini dan saya mungkin mengambil ingatan supaya dalam pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling nanti kita akan cuba melihat apakah satu perkara yang boleh menekankan lagi tentang kuasa kepada kementerian mungkin dapat dimasukkan ke dalam akta tersebut bagi memberikan satu keberkesanan di dalam usaha-usaha

kementerian untuk mengatasi dan memperbaiki, memperelokkan lagi keadaan alam sekitar.

Jadi untuk sementara ini kuasa-kuasa ada di tangan ataupun di bawah pihak berkuasa tempatan. Jadi sekiranya laporan ataupun comment, dengan izin, daripada kementerian bahawa kilang ini tidak harus dibina di situ tetapi local government membenarkan juga, maka ini kementerian pun tidak boleh berbuat apa. Jadi oleh itu mungkinlah seperti yang saya sebutkan tadi bahawa sementara kita hendak buat pindaan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling, kemungkinan perkara-perkara yang ada kaitannya dengan aspek ini boleh dilihat supaya kementerian juga ada sesuatu yang boleh kita gunakan bagi memberikan keberkesanan lagi tentang soal penjagaan kualiti alam sekeliling ini.

Jadi kalau tidak terpaksa instead of tuan rumah makan dalam kelambu, saya ingat reban ayam ini kita kelambukan supaya lahat tidak keluarlah agaknya. Terima kasih.

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan jugak Yang Berhormat.

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya rasa cukuplah.

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, kita tidak ada masa lagi Yang Berhormat. Sila teruskan.

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya telah sebutkan tadi tentang kuasa bagaimana kita hendak supaya kementerian punya fungsi lebih berkesan lagi.

Puan Chong Eng: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, cukuplah kita sudah panjang sangatlah perkara ini, berkenaan dengan tahi ayam ini panjang sangatlah, cukuplah. *[Ketawa]*

Dato' Zainal bin Dahalan: Beralih kepada Yang Berhormat bagi Klang yang membangkitkan soal peruntukan R&D dan sebagainya, adalah saya nyatakan di sini bahawa daripada peruntukan R&D yang telah diagihkan. Sebenarnya sektor pertanian juga menerima peruntukan yang tinggi, ini termasuklah soal penyelidikan dalam bidang perikanan. Sejumlah lebih kurang RM163.6 juta telah dikeluarkan untuk penyelidikan dalam bidang-bidang ini. Kebanyakan penyelidikan yang dijalankan merupakan penyelidikan yang berkaitan dengan teknologi gunaan juga dan bagi tahun

2000 permohonan baru sedang diterima. Jumlah yang akan dikeluarkan untuk sektor ini akan diketahui selepas proses penilaian selesai dibuat pada pertengahan tahun ini.

Mengenai penyelidikan nuklear di Malaysia yang telah juga disentuh oleh Yang Berhormat bagi Klang, tentang hubungannya dengan program untuk membantu masyarakat di negara ini, suka saya mengatakan bahawa penyelidikan nuklear di Malaysia adalah bertujuan untuk keamanan meliputi sektor industri perubatan, pertanian, alam sekitar dan lain-lain. Teknologi ini telah dapat membantu pihak-pihak tertentu menggunakannya untuk kebaikan mereka terutama dalam bidang industri. Penggunaan teknologi nuklear di Malaysia adalah bertujuan membantu meningkatkan taraf sosioekonomi negara dan secara langsung atau tidak langsung akan dapat membantu masyarakat di dalam pembangunan yang akan dilaksanakan menerusi bidang tersebut.

Beliau juga bertanya tentang peruntukan sebanyak RM70 juta yang dipohon oleh Technology Park, telah saya sebut tadi iaitu ini digunakan untuk pembangunan.....

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sedikit Yang Berhormat, tentang nuklear. Saya mengucapkan syabas kepada kerajaanlah, dahulu - Kepong baca surat khabar, mana boleh baca surat khabar dalam Dewan yang mulia ini. Sebab dia yang bawa isu nuklear dahulu, Alhamdulillah kita tidak akan menggunakan tenaga nuklear negara ini, syabas.

Saya hendak bertanya tentang sisa nuklear sebab dahulu kita baca satu akhbar, sekarang kita banyak alat-alat terutama sekali alat-alat yang digunakan untuk bidang perubatan banyak menggunakan tenaga nuklear. Bermakna sisa-sisa daripada alat-alat yang lama nanti kalau kita tidak awasi dengan baik bila dibuang atau alat itu tidak boleh digunakan lagi kita hanya campak begitu sahaja dan anak-anak mungkin akan bermain dengan alat-alat ini dan bila tempat letak nuklear itu akan terpecah dan expose, dengan izin, kepada udara ini akan menjadi satu perkara yang akan menyulitkan keadaan dan boleh juga meragut nyawa.

Saya hendak bertanya sedikit kepada Datuk Timbalan Menteri, bagaimana kita hendak hadapi cabaran baru ini. Dulu tidak ada sebab kita tidak ada alat-alat yang berasaskan nuklear. Sekarang sudah banyak. Bagaimana kementerian hendak menghadapi cabaran baru ini? Saya minta sedikit pandangan dan nasihat daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Pengerusi, ada dua bidang yang berkaitan di bawah kementerian ini. Satu ialah Pusat Kajian Nuklear Negara dan satu lagi ialah Lembaga Pelesenan Tenaga Atom (LPTA). Pusat kajian ini lebih tertumpu kepada soal mengadakan penyelidikan dan juga kajian-kajian seterusnya, penemuan-penemuan yang dapat dimanfaatkan untuk pembangunan di bidang-bidang yang telah saya sebutkan tadi – industri perubatan, pertanian dan sebagainya.

Manakala soal pengawalan, penyeliaan dan penguatkuasaan adalah di bawah tanggungjawab Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Jadi, mungkin perkara-perkara yang ada kaitannya dengan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rompin ini adalah di bawah tanggungjawab LPTA. Jadi, mana-mana pihak, industri, pengusaha dan sebagainya yang ingin melaksanakan aktiviti perniagaan dalam bidang-bidang yang ada kaitannya dengan tenaga nuklear, ini dianggap di bawah tanggungjawab LPTA dan LPTA akan menentukan kaedah-kaedah dan juga pengawasan, seterusnya penguatkuasaan dari segi aspek-aspek termasuklah soal menjaga peralatan-peralatan yang telah digunakan dan sebagainya supaya tidak dengan sewenang-wenang terdedah ataupun accessible, dengan izin, kepada mana-mana pihak untuk mungkin menimbulkan satu kesan yang merbahaya. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat. Hendak bagi jalan atau tidak?

Dato' Zainal bin Dahalan: Yang Berhormat, saya akan jawab hujung sikitlah. Ada juga berkaitan dengan nuklear ini.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okay, pasal MTDC, nuklear-nuklear sedap juga ini.

Dato' Zainal bin Dahalan: Seterusnya mengenai dengan Technology Park tadi, telah saya sebut iaitu untuk pembangunan enterprise tempat iaitu untuk menambahkan lagi bangunan yang merupakan sebagai infrastruktur kepada ruang-ruang yang akan disewakan untuk usahawan-usahawan melaksanakan program-program di bawah program Technology Park Malaysia ini. Yang Berhormat bagi Subang, beliau membangkitkan soal kebimbangan mengenai penurunan kualiti alam sekitar. Yang ini kita ucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat bagi Subang.

Walau bagaimanapun, program-program pengurusan untuk memperbaiki kualiti alam sekitar akan terus dilaksanakan dengan lebih berkesan dari masa ke semasa. Kita tidak perlulah bimbang sangat tentang peruntukan apabila peruntukan ini telah habis digunakan. Kalau habis digunakan, maka kita akan kemukakan untuk membuat permohonan tambahan, sama ada melalui pindah peruntukan ataupun kedudukan tambahan yang akan dibentangkan menerusi Dewan ini di masa akan datang.

Seterusnya, Yang Berhormat bagi Parit Buntar yang membangkitkan

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya pasal pencemaran alam.

Tuan Pengerusi: Sekejap Yang Berhormat, bagi dia benar dahulu. Ya, sila, sila.

Tuan Shaziman bin Abu Mansor: Saya hendak tanya sikitlah pasal Indeks Pencemaran Udara ini, sebab dulu kita difahamkan hari-hari ada keluarkan IPU ini. Kita siarkan dalam akhbar. Tetapi sejak kebelakangan ini kita hentikan, kalau tidak silap saya salah sebab mungkin kita khawatir pelancong tidak datang kalau IPU kita tinggi, tak baik dan sebagainya. Tetapi apa yang dibimbangkan data-data ini boleh didapati dari negara jiran khususnya di Singapura. Dan dikhuatirkan IPU di Singapura ini tidak sama dengan IPU di Kuala Lumpur dan takut kalau keadaan ini dibesarkan (exaggerate) lagi akan mengaitkan kesan tidak baik kepada negara.

Apakah langkah-langkah kerajaan supaya perkara ini dapat diatasi dan kalau boleh IPU ini disiarkanlah sebab data-data in walaupun kita cuba hendak selindungi atau dan sebagainya masih boleh didapati di mana-mana. Saya minta pihak Timbalan Menteri beri sedikit penerangan. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Pengerusi, pengumuman mengenai IPU ini sebenarnya dulu dibuat sewaktu negara kita dilanda dengan masalah pencemaran yang sangat hebat. Jadi, untuk consumption, dengan izin ataupun penggunaan kepada rakyat dan juga mereka yang berkaitan. Tetapi buat masa ini, alhamdulillah, nampaknya masalah pencemaran ataupun jerebu (haze) adalah dalam keadaan yang boleh dikatakan baik.

Jadi, kita berfikir ataupun berpendapat tidak perlulah hendak kita siarkan kecuali bila keadaan sudah masuk ke tahap yang mungkin dianggap melebihi taraf

yang berjaga-jaga. Bagaimanapun, perkara ini bolehlah kita kaji semula sama ada perlu kerana apa pun kita tidak perlu untuk menutup ataupun try to hide, dengan izin, masalah-masalah seperti ini. Oleh kerana dalam zaman sains dan teknologi seperti hari ini, maklumat-maklumat seperti ini boleh didapati daripada banyak sumber.

Jadi, kalau kita cuba tutup di sini, mereka boleh dapat dari Singapore ataupun dari negara lain. Jadi, bukan tujuan kita untuk menutup. Sebenarnya, kalau memang habuk ataupun jerebu banyak, tebal di Malaysia, mungkin pelancong pun dengan sendiri tidak datang walaupun kita tak siarkan atau kita siarkan dalam mana-mana akhbar ataupun media. Yang Berhormat bagi Parit Buntar membangkitkan soal kebimbangan ataupun ...

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading bangun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ya.

Tuan Pengerusi: Sri Gading bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan atau tidak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tentang jerebu ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, hendak bagi jalan tak?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha, bagi sikit, sikit sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bolehlah.

Tuan Pengerusi: Ya, dia duduk dah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang kampung punya, Tuan Pengerusi. masalah ini.

Tuan Pengerusi: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang sabar dan dedikasi. Calon Majlis Tertinggi yang terbaik. *[Disampuk]*

Ini masalah pembakaran terbuka ini. Peraturan yang telah pun dikenakan kepada rakyat ini memang satu peraturan yang baik tetapi ada masalah. Masalah kepada pekebun-pekebun kecil. Ambil contoh kawasan saya. Kawasan saya 60%-70% terdiri daripada petani-petani, pekebun getah dan kelapa sawit. Sekarang ini agak sukar orang kampung yang mempunyai tanah getah dua tiga ekar. Sudah tua, dia tebang. Hendak bakar tidak boleh, takut – takut kena denda kerana kononnya mencemarkan alam dengan asap.

Jadi, dengan itu mereka tidak bakarlah. Apabila tidak bakar, tebangan itu menjadi galangan untuk mereka menjalankan tanaman semula dan juga untuk bertanam tanaman yang kontan. Jadi, saya berharap kalau boleh kementerian memberikan kelonggaran, kalau lima ekar ke bawah, tidak payah lagi minta kebenaran, tidak payah apa, boleh bakar sahajalah pasal kalau setakat kayu getah lima ekar, belum lagi kiamatlah dunia ini, rasa sayalah dengan asap itu. Dengan itu, kegiatan pertanian tidak tergalang di kampung-kampung.

Dan kalau hendak dipatuhi undang-undang itu, ia memakan perbelanjaan yang tidak pula begitu sesuai dengan pendapatan empat lima ekar kebun getah. Jadi, saya harap kita berikan kemudahan kepada orang-orang di luar bandar yang ada lima ekar ke bawah, bakar sahajalah – tebang, kering, bakarlah lepas itu, tanamlah. Jadi, bagi sikit kemudahan. Jadi, saya harap pihak kementerian dapat memberikan pertimbangan. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Pengerusi, terima kasih Sri Gading. Peraturan yang ada setakat ini mereka mendapat kebenaran. Sebenarnya, dulu tidak boleh tetapi kita telah longgarkan sedikit dengan syarat mendapat kebenaran. Saya rasa itu sudah cukup mudahlah kerana kalau lima ekar satu tempat tetapi kalau dikumpul-kumpul banyak-banyak, dia sudah jadi banyak juga. Jadi, saya rasa mendapat kebenaran itu tidak susah. Satu lagi kaedah pihak Guthrie telah pun mengadakan eksperimen di mana kita boleh membuat penebangan dan pembersihan kawasan dengan tidak payah membakar.

[Tuan Pengerusi (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Ya, mungkin kalau perlu maklumat, kita boleh tunjukkan bagaimana kaedah yang telah ditemui oleh Guthrie di dalam proses penanaman semula kelapa sawit. Mereka tidak perlu tebang, tidak perlu bakar lagi tetapi dengan cara memotong pokok-pokok ini dibelah dan dihancurkan dan tidak payah lagi dibakar.

Mengenai pandangan yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar, sebenarnya sebahagian besar daripada apa yang dinyatakan telah pun kita laksanakan. Mungkin cuma dia belum sampai ke kawasan Yang Berhormat sahajalah, iaitu program-program yang kita khusus adakan dengan melibatkan pelajar-pelajar serta masyarakat luar bandar dalam meningkatkan kesedaran, kefahaman dan

pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi khususnya melalui program outrage dan juga inrage seperti berikut:

- (i) Program Pusat Sains di desa di mana pameran dan aktiviti sains dalam bentuk skala kecil dijalankan di kawasan luar bandar.
- (ii) Hari Kanak-kanak Istimewa dan Warga Istimewa di mana lawatan percuma ke galeri-galeri, Pusat Sains Negara diatur di samping aktiviti-aktiviti sains yang direka bentuk khas untuk memenuhi keperluan golongan istimewa ini.
- (iii) Pameran sains dan model planetarium bergerak di seluruh Malaysia dari tahun 1995 juga telah diadakan.
- (iv) program anak angkat;
- (v) bahan-bahan bacaan Literasi Sains dan Teknologi dihantar ke seluruh sekolah-sekolah rendah dan menengah di luar bandar; dan
- (vi) cadangan penubuhan cawangan Pusat Sains Negara dan Planetarium Negara di negeri-negeri.

Jadi ini antara program-program yang telah diadakan oleh di bawah Pusat Sains Negara.

Di samping itu bahagian Sains dan Teknologi Kementerian juga telah mengadakan program penggalakan Sains Teknologi di peringkat kebangsaan, peringkat negeri dan peringkat sekolah meliputi seluruh negara. Antaranya termasuk program yang dijalankan iaitu termasuklah mengadakan kuiz, peraduan reka cipta, pameran dan anugerah-anugerah sains. Jadi cuma masalahnya mungkin kita belum dapat menyeluruh atau merangkumi semua kawasan-kawasan tetapi insya-Allah dari masa ke semasa program-program ini akan terus diperluaskan dan matlamat untuk memberikan access ataupun peluang kepada murid-murid khususnya di luar bandar dan masyarakat luar bandar akan dapat terus dipertingkatkan dari segi peratusannya.

Yang Berhormat bagi Sibu membangkitkan beberapa perkara yang pertama sekali beliau menyatakan bilakah makmal kimia akan dibina di Sibu. Untuk makluman Yang Berhormat, satu makmal kimia telah dicadangkan untuk dibina di Sibu di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dengan kos sebanyak RM14 juta.

Yang kedua mengenai informasi kaji cuaca bagi kawasan Sibu. Beliau ini nampaknya begitu prihatin tentang Sibu. Jadi kaedah 'perjalanan' informasi diambil

kira secara lingkungan. Jadi Sibü termasuk dalam lingkungan ataupun zon Bintulu jadi Kementerian bagaimanapun akan mempertimbangkanlah untuk melaporkan informasi kaji cuaca di bandar-bandar dan mungkin juga kalau perlu kita tukarkanlah Bintulu itu kepada Sibü. Jadi zon Kuching di Selatan, zon Sibü di tengah dan zon Miri di Utara. Jadi sekarang ini sebenarnya untuk laporan kaji cuaca bagi zon Sibü termasuk di dalam kawasan Bintulu.

Seterusnya mengenai LPTA ataupun Lembaga Pelesenan Tenaga Atom. Lembaga ini adalah satu jabatan yang dianggap kecil sahaja, memang, memang kecil. Ia hanya berfungsi dari segi mengawal selia dan juga penguatkuasaan dan juga pelesenan dari segi aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan tenaga atom dan nuklear yang saya sebutkan tadi. Jadi dia tidak memerlukan peruntukan yang besar sebagaimana yang kita sebutkan perbandingannya dengan setengah-setengah negara lain manakala bidang nuklear pula adalah di bawah tanggungjawab pihak Pusat Kajian Nuklear Kebangsaan.

Seterusnya mengenai pencemaran air Sungai Rajang. Kita juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Sibü yang begitu prihatin mengenai masalah pencemaran air di Sungai Rajang. Bagaimanapun saya ingin memaklumkan bahawa dari segi kategori ataupun peratus pencemaran sungai ini adalah di bawah ataupun di dalam kategori sederhana tercemar maknanya belumlah tercemar sangat.

Walau bagaimanapun punca pencemaran ini adalah disebabkan oleh hakisan yang berpunca dari kegiatan pembalakan dan juga pembukaan kawasan-kawasan baru di sebelah hulu sungai ini. Jadi Kementerian dengan kerjasama Jabatan Perhutanan dan juga Lembaga Pengurusan Sungai Sarawak dan juga pihak NREB ataupun Natural Resources Environment Board Sarawak sentiasa berunding dan mencari jalan untuk mengatasi masalah bagaimanakah supaya kita dapat mengurangkan sekurang-kurangnya masalah-masalah yang jadi sebab ataupun punca dari pencemaran air di Sungai Rajang ini.

Yang Berhormat bagi Kepong.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sipitang berdiri Yang Berhormat. Nak bagi?

Dato' Zainal bin Dahalan: Sikit saja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sikit sahaja Yang Berhormat tapi ayat kena cukup.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Sedikit saja. Terima kasih Datuk Pengerusi. Saya tertarik tentang kebersihan sungai tadi iaitu yang perlu sekarang ini kita adakan saya ingat bukan saja soal Sungai Rajang tapi kalau boleh dibuat satu badan ataupun jawatankuasa yang khas untuk memantau dan juga memastikan kebersihan sungai-sungai di Malaysia ini kalau salah satu contohnya Sungai Rajang, sungai-sungai lain juga perlu dibuat kerana kita ingin melihat supaya sungai di Malaysia ini seperti sungai-sungai di negara maju. Kita pernah melawat negara-negara Eropah, airnya cantik, biru walaupun sungai itu melalui kampung dan sebagainya.

Perkara yang kedua Datuk Pengerusi ialah mengenai dengan sungai-sungai kecil ini yang juga dicemari oleh bangunan-bangunan antik tepi-tepi sungai ini yang tempat berehat ataupun tempat termenung di tepi sungai. Kalau boleh kementerian mengatur strategi juga supaya sungai-sungai di bandar dan juga di kampung ini tidak langsung ada lagi bangunan-bangunan tandas yang dibuat di atas sungai dan kalau boleh peranan ataupun satu circular ataupun pekeliling kepada semua negeri kepada semua pegawai daerah, ketua kampung JKK supaya melarang langsung pembinaan tandas ataupun tempat-tempat membuang sampah di sungai ini supaya sungai-sungai kecil ini menjadi sungai yang bersih dan tempat yang boleh kita gunakan sama ada sebagai punca air ataupun punca rekreasi dan juga punca menangkap ikan dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat Sipitang. Saya sangat bersetujulah dengan pandangan Yang Berhormat dan kerana itu pada masa ini memang kerajaan-kerajaan negeri digalakkan untuk menubuhkan apa yang disebut sebagai Lembaga Pengurusan Sungai di tiap-tiap negeri. Ini satu kaedah yang saya kira dapat digunakan bagi mengatasi masalah-masalah pencemaran sungai dan juga program pemuliharaan sungai supaya sungai-sungai di negara kita ini akan dijadikan sebagai saluran air dan bukan tempat untuk membuang sampah termasuk juga pembinaan tandas-tandas terapung dan juga tergantung yang ada di sungai-sungai ini supaya dapatlah dengan kesedaran daripada masyarakat tentang tingginya nilai kebersihan dan program-program untuk mengatasi pencemaran air di sungai-sungai ini akan dapat dijalankan.

Kepong telah membangkitkan beberapa perkara yang antara lain cadangan beliau untuk menubuhkan sebuah agensi yang disebut sebagai Environmental Protection Agency.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa setakat ini kerajaan belum bercadang untuk menubuhkan agensi tersebut oleh kerana kita telah pun menubuhkan beberapa jawatankuasa bersama ataupun joint committee antaranya di antara Kementerian Sains Teknologi dan Kementerian Pertanian, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang berusaha bersama-sama untuk mengatasi atau menangani isu-isu yang berkaitan dengan alam sekitar yang juga melibatkan pe lbagai agensi di bawahnya. Mungkin fungsi jawatankuasa ini yang baru ditubuhkan belum begitu berkesan tetapi kita akan melihat apakah kelemahan-kelemahan yang masih terdapat dan kita akan berusaha untuk memperbaiki lagi kaedah-kaedah bagi menangani masalah-masalah yang dibangkitkan menerusi pembentukan jawatankuasa bersama ini.

Yang kedua, mengenai dengan Genetically Modified Food (GMF) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Untuk makluman Yang Berhormat bagi Kepong, ini sekali dengan perkara yang dibangkitkan mengenai Bio Safety Protocol dan sebagainya. Kita menyedari tentang perkara ini. Dan untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya Malaysia adalah negara yang bertanggungjawab membawa isu *Bio -Safety Protocol* di peringkat antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, mengenai Bio-Safety Protocol, perbincangan ataupun mesyuarat yang diadakan di Montreal, Canada, sebenarnya Malaysia diwakili dalam mesyuarat tersebut, Malaysia diwakili. Jadi, mungkin maklumat Yang Berhormat dapat itu tidak betul. Bahkan saya sebut tadi bahawa masalah Bio-Safety Protocol, Malaysia adalah merupakan negara yang bertanggungjawab membawa isu ini di peringkat antarabangsa, iaitu semasa proses pengubalan konvensyen kepelbagaian biologi.

Untuk makluman juga, setakat ini belum ada sebuah negara pun yang menandatangani Bio-Safety Protocol kerana ianya akan dibuka untuk ditandatangani pada bulan Mei 2000 ini di Nairobi. Jadi, Malaysia memang berhasrat untuk bersama -samalah menandatangani protokol ini apabila sampai masanya nanti.

Seterusnya mengenai program Projek-projek Hijau di mana peruntukan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kepong hendak keluar ke hendak apa? Kepong berdiri. Ya, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya tidak keluar, saya hendak tanya dengan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Hendak tanya dengan secara yang ringkaslah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Yang pertama itu, jawapan Yang Berhormat tadi, bukan jawapan yang tidak disangkakan kerana bertahun-tahun pihak kementerian mengatakan Environment Protection Agency tidak diperlukan tetapi sekarang saya nampak ada Jawatankuasa Bersama pula. Ini mirip kepada Environment Protection Agency. Saya berharap dengan adanya Jawatankuasa Bersama kita dapat melihat sama ada kita perlukan Environment Protection Agency (EPA) ini.

Seterusnya, mengenai Genetically Modified Food (GMF), daripada 31 Januari tahun ini, menteri sendiri yang mengatakan ia tidak tahulah sama ada wakil di Montreal, Bio Safety Protocol ataupun tidak, itulah sebabnya saya tanya kerana menteri pun tidak tahu, mungkin dia hantar wakil.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak tahu semua, Yang Berhormat, dia pun tidak tahu semua.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak tahu. Memang saya setuju.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu sebab dia buat pembetulan

Dr. Tan Seng Giaw: Saya setuju sebab itulah saya tanya Yang Berhormat sama ada ini disedari ataupun tidak, itu sahajalah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw: Sama-sama.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih. Apa pun untuk makluman Yang Berhormat, kita memang menyedari masalah-masalah yang berbangkit sebab itu kerajaan telah menubuhkan Jawatankuasa Bersama ataupun Joint Committee sama ada ia bermirip ataupun berbentuk, berfungsi seperti pandangan Yang Berhormat mengenai saranan Environmental Protection Agency itu perkara yang kedualah, maknanya tindakan telah kita ambil.

Mengenai perbincangan ataupun Mesyuarat Bio-Safety Protocol di Montreal tadi, saya tidak katakan menteri yang hadir, seperti Malaysia diwakili, ada pegawai kita yang pergi. Dan untuk makluman Yang Berhormat, saya katakan tadi, sebenarnya Malaysia yang bertanggungjawab membawa isu ini di peringkat antarabangsa.

Untuk makluman juga bahawa Malaysia juga turut mempengerusikan, dengan izin, Subsidiary Body On Scientific And Technological Advice (SUBSTA), Bio-Diversity Convention. Itu untuk makluman, Pengerusi badan itu ialah Profesor Dato' Dr. Zachary Abdul Hamid daripada UKM.

Mengenai program atau Projek Hijau Yang Berhormat bangkitkan, ini juga satu program yang baru kita mulakan pada beberapa tahun yang terakhir ini dan sekiranya ia mendapat sambutan terus maka kita berhasrat untuk menambahkan lagi peruntukan bagi mengadakan bantuan-bantuan kepada Projek-projek Hijau yang dilaksanakan. Setakat ini hanya dua permohonan sahaja yang telah diterima dan sedang dikaji oleh kementerian.

Yang Berhormat bagi Shah Alam, untuk makluman Yang Berhormat yang telah memberikan tumpuan kepada masalah banjir kilat yang berlaku di Lembah Klang khususnya dan juga berkaitan dengan pelan struktur yang mana pelan struktur pembangunan sebenarnya di bawah tanggungjawab pihak PBT dan kerjasama Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Kementerian hanya memberikan nasihat kepada pihak penguasa tempatan tentang kesesuaian beberapa perkara mengikut ataupun melalui EIA Report, dengan izin, yang kita kemukakan.

Salah satu isu yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat, iaitu mengenai masalah banjir kilat yang khususnya berlaku di kawasan Lembah Klang ini. Jadi, usaha-usaha untuk mengatasi masalah banjir kilat ini sentiasa dilaksanakan oleh jabatan-jabatan terutamanya Jabatan Pengairan dan Saliran untuk mendalamkan sungai supaya dapat mencegah banjir. Sungguhpun begitu, usaha-usaha yang lebih bersepadu antara kesemua agensi terlibat perlu dilaksanakan. Kementerian ini sedang mengambil langkah lain untuk tujuan memperbaiki kualiti air sungai-sungai tersebut termasuklah Sungai Klang sebagai sungai utama di Lembah Klang ini dan kementerian juga telah mencadangkan untuk memperuntukkan satu peruntukan khas bagi membantu program ini, iaitu bagi tujuan memperindahkan sebenarnya dan juga mengatasi masalah pencemaran dengan kerjasama daripada agensi-agensinya yang lain

khususnya, untuk menangani masalah di peringkat punca. Jadi, kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar dan juga pihak penguasa tempatan akan memastikan bahawa punca-punca pencemaran ini yang akan kita tangani supaya selain daripada mengelakkan dasar sungai itu menjadi cetek oleh sebab banyaknya sampah-sampah yang dibuang ke sungai-sungai tetapi juga ingin membantu kerajaan-kerajaan negeri di dalam memberikan peruntukan sokongan bagi kita mengatasi masalah pencemaran termasuklah masalah untuk mendalamkan sungai yang akan diusahakan bersama-sama dengan jabatan-jabatan yang berkaitan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Batu Gajah

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi, terima kasihlah atas respon yang diberi oleh pihak kementerian, tetapi sebagaimana yang saya gambarkan dalam isu yang saya bangkitkan, jawapan yang saya terima pun I think standard reply daripada pihak kementerian. Cuma yang saya ingin tekankan sini bahawasanya setiap pelan pembangunan yang diluluskan oleh kerajaan tempatan tentulah digaris pandu dengan pelan struktur pembangunan kawasan yang telah pun tersedia dan selalunya yang berlaku bahawasanya pelan struktur wilayah yang telah pun diterima pakai dan dipamerkan kepada pihak awam, akhirnya di peringkat pelaksanaan di kerajaan tempatan selalunya benda itu berubah kerana berhubung kait dengan kehendak local development yang berlaku di kawasan setempat.

Soalannya, bahawasanya setiap pelan struktur wilayah yang telah pun terdahulu diluluskan, berasaskan kepada kriteria-kriteria yang berbentuk tentang penjagaan alam sekitar sama ada pihak kementerian melakukan kawal selia dan juga monitoring, dengan izin, dilakukan ataupun tidak terhadap kerajaan tempatan. Mungkin jawapan yang diberi, bahawa ini di luar bidang kuasa kementerian tetapi seharusnya kerajaan tempatan yang diwujudkan melalui Akta Parlimen tentulah ada mekanisme yang dilakukan untuk mengawal keadaan ini.

Yang kedua, mengenai berlaku banjir kilat. Kita sering mendapat jawapan bahawa banjir kilat kerana keadaan yang berlaku tentang hujan lebat, kemudian perparitan dan saluran yang tidak dapat mengalir dengan begitu cepat dan pantas, kecekakan sungai. Dan saya telah pun mendapat respon daripada Yang Berhormat

sebentar tadi bahawasanya perkara ini akan diteruskan. Soalnya, adakah pihak kementerian berfikir untuk mewujudkan satu hala cara baru bagaimana untuk kita menguruskan sungai ini dengan lebih berkesan lagi ataupun adakah cadangan daripada pihak kerajaan ataupun kementerian untuk memikirkan satu formula bagaimana sungai-sungai ini diurus kan secara yang lebih profesional kerana kita lihat bahawa masalah ketegangan, constraint, dengan izin, pembangunan yang berlaku terutama di Lembah Klang memerlukan satu pendekatan hala cara baru bagaimana alam sekitar ini diuruskan dengan sebaik mungkin terutama yang berhubung kait dengan perkara tentang pencemaran alam yang berlaku di kawasan-kawasan sungai ini. Dan saya rasa bahawa kalau kita berjaya menguruskan sungai kita sebagaimana yang disebut oleh sahabat saya Sipitang kalau kita ambil iktibar dengan sungai-sungai yang ada di tempat-tempat di luar negara yang lebih tersusun tentulah masalah banjir kilat ini akan dapat diatasi. Dan saya Yang Berhormat Datuk ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Sekejap lagi. Timbalan Menteri bahawasanya ada mencadangkan dalam ucapan saya bahawa pihak kementerian mewujudkan perbadanan pengurusan sungai dan saya ingin respon daripada pihak kementerian. Terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Pengerusi. Mengenai pemantauan, perkara ini sedang dikaji oleh pihak kementerian menerusi kaedah pengwujudan Strategic Environmental Assessment. Mungkin perkara ini ada saya jawab kepada Mambong di mana aspek pemantauan itu juga akan dijalankan setelah pelan-pelan struktur dan juga pelan-pelan pembangunan dan sebagainya telah pun dilaksanakan.

Mengenai dengan lembaga pengurusan sungai, ini memanglah satu bentuk kaedah yang hari ini kalau tidak salah saya Selangor sendiri telah menubuhkan lembaga pengurusan sungai. Yang ini kita anggap sebagai satu langkah yang positif dan kita harap bahawa negeri akan menjadi sebagai *lead agency* kepada usaha-usaha untuk mengatasi masalah banjir kilat ini. Memanglah saya di sini bukanlah hendak cuba mencari satu jawapan yang berupa excuse kepada masalah banjir kilat yang berlaku di Lembah Klang. Tetapi ini satu perkara yang saya rasa semua pihak begitu mengambil berat dan berbagai-bagai usaha yang telah kita jalankan. Namun kata

orang inilah apa yang disebut sebagai *the price of development* yang kita terpaksa bayar daripada pembangunan pesat yang berlaku di sekitar Lembah Klang ini. Jadi, ini satu perkara yang memerlukan kepada tumpuan usaha ataupun effort, dengan izin, daripada semua pihak agensi untuk mengatasi bagaimana masalah ini boleh kita atasi.

Sebab itulah salah satu daripada usaha tambahan yang dipertimbangkan oleh kementerian ini iaitu dengan memberikan atau menyediakan satu peruntukan tambahan untuk dibantu kepada negeri-negeri khususnya dalam plan ini Sungai Klang diberikan priority atau keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan untuk kita peruntukkan sejumlah wang bagi membantu usaha-usaha bukan sahaja secara tidak langsung mengatasi masalah banjir tersebut tetapi juga untuk membantu program mendalamkan, memperindahkan juga mengatasi masalah pencemaran di Sungai Klang ini. Jadi setakat itu yang dapat saya beri penjelasan, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Tuan Pengerusi, boleh respon sikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi, dia berdiri lagi.

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya rasa cukuplah, Yang Berhormat.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Member kena bagi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat, dia kata cukup. Jumpa di luar.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, bincang di luar.

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya pergi ke Batu Gajah. Jadi, Yang Berhormat Batu Gajah nampaknya begitu seriuslah merujuk kepada pihak kementerian tentang jawapan yang saya hendak beri. Saya ingin nyatakan juga bahawa kalau jawapan ini tidak memuaskan hati Yang Berhormat, saya tidak boleh buat apalah. Apa yang dapat saya berikan ialah fakta dan juga perkara yang telah kita selidik tentang perkara yang Yang Berhormat bangkitkan.

Untuk makluman Yang Berhormat bahawa kawasan Bukit Kledang meliputi kawasan Hutan Simpan Kekal Kledang Sayung iaitu keluasan hutan simpan Sayung lebih kurang 31,000 hektar. Terdapat beberapa taman penduduk yang sedia ada di kawasan dataran kaki bukit Kledang tetapi ianya terletak di luar kawasan hutan simpan kekal. Jadi, kawasan yang sedia ada itu telah dibangunkan di luar kawasan

hutan simpan kekal. Jadi, dalam hal ini masalah mengenai hidupan liar juga tidak terlibatlah sebab dia di luar kawasan hutan simpan kekal. Apabila perkara ini dibangkitkan maka satu siasatan telah diadakan pada 21 Ogos tahun lepas di kawasan tersebut oleh pegawai-pegawai Jabatan Alam Sekitar untuk meninjau keadaan sebenar isu yang dibangkitkan.

Susulan lawatan terkini pada 20 Mac 2000, sekali lagi diadakan lawatan, mengesahkan tiada sebarang pembangunan tanah dijalankan dalam kawasan Bukit Kledang, Menglembu. Di kawasan luar daripada pinggirannya Bukit Kledang memang terdapat beberapa cadangan pembangunan yang akan dilaksanakan oleh pihak pemaju. Itu di luar, di pinggirannya Bukit Kledang. Setakat ini terdapat lapan projek perumahan yang telah diluluskan oleh pihak berkuasa negeri. Tujuh daripadanya tidak tertakluk kepada perintah kualiti alam sekeliling, cuma satu sahaja tertakluk kepada penilaian kesan alam sekeliling. Laporan tersebut telah pun diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar pada 30 April 1997 iaitu untuk pembinaan projek skim perumahan Kledang Heights. Walau bagaimanapun, projek ini belum dimulakan lagi. Jadi mungkin Yang Berhormat bangkitkan ini tujuh kawasan yang lain tadi itu yang telah dibangunkan dengan projek perumahan tetapi ia kecil-kecil. Jadi tidak termasuk di bawah bidang kuasa kementerianlah. Jadi itu penjelasan yang dapat saya berikan.

Puan Fong Po Kuan: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Zainal bin Dahalan: Ya, bolehlah sedikit.

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang saya rujukkan kepada projek perumahan kedua-dua projek perumahan tersebut. Saya minta penjelasanlah. Sama ada jika ia di luar kawasan hutan simpanan apakah kementerian tidak bertanggungjawab walaupun projek perumahan tersebut akan membawa pencemaran dan juga mencabul kualiti alam sekitar di kawasan tersebut - itu satu.

Yang kedua, sebab dari buku Belanjawan ini ada mengatakan bahawa kementerian bertanggungjawab dalam pemuliharaan alam sekitar dan ini termasuk oleh Kementerian Perumahan, termasuk juga Kementerian Pertanian. Jadi bila berlaku sesuatu pencabulan alam sekitar apakah kementerian hanya menolak tanggungjawab tersebut mengatakan ini bukan di bawah bidang kuasa. Untuk

maklumat Yang Berhormat Timbalan Menteri projek perumahan sedang dijalankan dan kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ingin penjelasan yang lebih, maklumat yang lebih, boleh tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan sebab projek tersebut telah diluluskan. Walaupun di luar kawasan hutan simpanan, ia adalah di kaki bukit dan sama ada sesuatu bukit itu stabil atau tidak bergantung kepada berapa keluasan kaki bukitnya. Jika tidak, apa akan berlaku jika projek perumahan dibiarkan dijalankan di sekeliling kaki bukit jadi bukit tersebut akan tidak stabil. Ini logiklah. Ia tidak perlu kita membuat apa-apa penilaian.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat, sudah dua itu.

Puan Fong Po Kuan: Kalau dibenarkan saya tambah.

Dato' Zainal bin Dahalan: Cukuplah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup dulu, cukup dulu.

Puan Fong Po Kuan: Jika dibenarkan sekejap sahaja. Maaf, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya kata cukup, cukuplah dulu, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Ini bagi penerangan sebab dia kata.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dia bercakap, berdiri lagilah.

Puan Fong Po Kuan: Kalau dibenarkan saya buat satu

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Biar dia jawab dulu, biar dia jawab dulu.

Puan Fong Po Kuan: Saya belum habis, ini boleh dijawab bersama-sama, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu terpulang kepada menteriilah.

Puan Fong Po Kuan: Jadi tidak perlu.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia sudah berdiri itu, dia hendak menjawab dulu, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Boleh bagi laluan? Sikit lagi, tambah sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dulu, menteri hendak jawab dulu lepas itu

Puan Fong Po Kuan: Nanti saya bangun dia tidak bagi laluan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduklah dulu. Dia tidak bagi, duduklah dulu. Dia orang bagi, kita ambillah.

Puan Fong Po Kuan: Boleh tidak Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi saya tambah sikit sahaja?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi itu sebab itu dia berdiri.

Puan Fong Po Kuan: Mengenai sejauh mana kuasa tanggungjawab dalam.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagilah Yang Berhormat, itu sebab dia berdiri.

Dato' Zainal bin Dahalan: Itu persoalan tentang authority kita.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia jawab dulu.

Dato' Zainal bin Dahalan: Memanglah bila hendak sebut soal kualiti alam sekitar memang semuanya ini boleh masuk di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitarlah. Apa sahaja pun mengenai kehidupan dalam dunia ini boleh masuk di bawah kementerian alam sekitar tetapi dalam...

Tuan Moktar bin Radin: Boleh masukkah ini, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dia jawab dululah.

Tuan Moktar bin Radin: Pembetulan, pembetulan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dia jawab dulu, Yang Berhormat.

Tuan Moktar bin Radin: Pembetulan sahaja.

Dato' Zainal bin Dahalan: Hendak pembetulan pula.

Tuan Moktar bin Radin: Tadi Yang Berhormat daripada.....

Puan Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat 31 (1) ini mengganggu. Dia bangun tidak guna peraturan mesyuarat.

Tuan Moktar bin Radin: Menteri bagi laluan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak beri peluang tidak payahlah bercakap. Awak Pengerusi atau sayaah Pengerusi, Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan: Sebab itu saya bangkitkan Peraturan Mesyuarat 31 (1).

Tuan Moktar bin Radin: Ini saya punya floor. Ini tadi saya ingin pembedulan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tunggulah jawapan dulu. Tunggulah.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi saya mahu dengar jawapan.

Tuan Moktar bin Radin: Tidak, saya buat pembedulan dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, awak dua orang bercakap. Bercakap dua-dua.

Puan Fong Po Kuan: Ini perataran mesyuarat berapa?

Tuan Moktar bin Radin: Ini Tuan Pengerusi, tadi Yang Berhormat bagi Batu Gajah menyebut

Puan Fong Po Kuan: Tuan Pengerusi.....

Tuan Moktar bin Radin: ...ada pencabulan. Mana boleh pakai perkataan 'pencabulan' dalam alam sekitar. Kalau pencemaran alam boleh.

Puan Fong Po Kuan: Dia jadi menterikah, dia timbalan menterikah?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua-dua Yang Berhormat duduk. Duduk Yang Berhormat. Dia sudah duduk Yang Berhormat, duduk. Jawab menteri.

Dato' Zainal bin Dahalan: Kalau sudah semua hendak bertengkar, saya tidak bagi jalan lagilah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, itu bagus. Terus, terus.

Dato' Zainal bin Dahalan: Jadi Yang Berhormat Batu Gajah saya katakan tadi kalau hendak sebut soal alam sekitar itu memang luas tetapi dalam kita hendak melaksanakan sesuatu itu ada bidang-bidang kuasa, ada sekatan-sekatan, ada had-had tertentu di bidang mana, di bidang siapa. Jadi peraturan kita mendapatkan laporan EIA lebih, kalau kawasan bermakna lebih 50 hektar, tetapi kurang daripada itu peraturan tidak mengenakan syarat sedemikian. Bukan bererti apabila berlaku pencemaran ataupun istilah 'pencabulan' yang dikomen oleh Yang Berhormat bagi Kinabatangan tadi. Kita hendak berdiam diri, Jadi apa Yang Berhormat bangkitkan tadi saya beri penjelasan tentang kedudukan perkara yang sebenarnya di situ. Apa pun di dalam mana-mana program pembangunan perumahan memang biasanya

berlakulah, soal potong tanah, korek sana, korek sini tetapi biasanya, di dalam peraturan kita juga menghendaki supaya setelah projek itu disiapkan program-program pemuliharaan tanaman semula pokok-pokok *landscaping* dengan izin juga digalakkan supaya ataupun sebagai satu usaha untuk mengembalikan semula, atau cuba mengembalikan semula keadaan ataupun suasana di satu-satu tempat dan yang ini kita harapkan akan dapat memperbaiki lagi masalah-masalah alam sekeliling.

Tetapi jikalau kita langsung tidak benarkan proses ini dilaksanakan bagaimana kita hendak membuat pembangunan, sedangkan keperluan untuk perumahan begitu mendesak. Memanglah kita akui kalau boleh rumah pun kita hendak, hutan pun kita hendak, tetapi kadang-kadang kita terpaksa korbankan dahulu sebahagian daripada apa yang kita kehendaki, seumpamanya kawasan-kawasan hutan, bukan sahaja hutan simpan biasa, bahkan hutan simpan kekal pun kadang-kadang terpaksa *direbut* untuk kita membolehkan kepada program pembangunan khususnya untuk perumahan dilaksanakan.

Jadi saya ingin mengatakan bahawa dari segi..

Puan Chong Eng: [*Bangun*]

Puan Fong Po Kuan: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dua-dua bangun Yang Berhormat .

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya tidak beri laluan. Biarlah saya jelaskan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha biarlah dia jelaskan dahulu

Dato' Zainal bin Dahalan: Tentang kuasa kita dari segi memberikan laporan EIA ada hadnya. Lebih daripada itu adalah di bawah bidang kuasa ataupun pihak berkuasa tempatan yang akan memerhatikan dari segi pelaksanaan program-program ini supaya mengikut syarat-syarat yang dikenakan sebelum sesuatu pembangunan dapat dilaksanakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat Bukit Mertajam

Dato' Zainal bin Dahalan: Cukuplah saya rasa itu, khusus mengenai Taman di Bukit Keledang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia duduk tu dia beri Yang Berhormat, pendek sahaja Yang Berhormat pendek ya.

Puan Chong Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa Kementerian memerlukan kuasa yang lebih dalam memelihara kualiti alam sekitar khususnya dalam bidang kelulusan projek-projek pembangunan kerana pada masa sekarang walaupun 'Kementerian Alam Sekitar' dipertanggungjawabkan untuk memelihara alam sekitar tetapi banyak kali bahawa pandangan profesional pegawai 'Kementerian Alam Sekitar' tidak dihormati oleh jabatan-jabatan kerajaan tempatan mungkin mereka kurang faham kepentingannya.

Yang umpamanya katakan projek yang kecil tidak perlu EIA, tetapi sekiranya ada tujuh seperti yang dikatakan ada tujuh projek perumahan yang kecil di satu kawasan di lereng-lereng bukit, itu akan menjadi satu projek yang besar tetapi tidak perlu EIA, dan itu akan pada masa yang akan datang mengakibatkan masalah seperti masalah di Paya Terubong sekarang dan di lereng-lereng bukit. Kita masih tidak ada satu mekanisme untuk menangani masalah ini dan saya berpendapat bahawa 'Kementerian Alam Sekitar' memerlukan lebih kuasa melalui undang-undang dan saya berharap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh mengambil inisiatif supaya mengadakan undang-undang supaya sekiranya pandangan-pandangan menetapkan pandangan profesional 'Kementerian Alam Sekitar' mesti dihormati oleh jabatan-jabatan kerajaan tempatan supaya tidak berlaku seperti sekarang. Walaupun

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudahlah Yang Berhormat cukuplah.

Puan Chong Eng: diberi nasihat tetapi, nasihat tidak diterima dan pada akhirnya akan menjadi masalah....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah Yang Berhormat

Puan Chong Eng: dan kita hanya ingin menolong sahaja. Terima kasih

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muham ad bin Abdullah]: Dia sudah faham.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam di atas pandangan yang beliau berikan. Kita akan cuba lihatlah dan berunding dengan pihak-pihak yang berkaitan termasuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kerajaan Negeri sebab dia punya kuasa masing-masing yang sebahagiannya terlibat sampai kepada peringkat perlembagaan. Misalnya antara

kuasa Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, *local government* dan sebagainya, ini ada kaitannya. Tetapi pandangan Yang Berhormat itu saya ucapkan terima kasihlah.

Dan yang akhir sekali Yang Berhormat bagi Jeli

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batu Gajah bangun hendak beri.

Puan Fong Po Kuan: Minta penjelasan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia kata dia tak beri.

Dato' Zainal bin Dahalan: Sudahlah saya ingat sudah banyak dah, sudah jelas.

Puan Fong Po Kuan: Ini sangat pendek sahaja. Satu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri, saya tidak tahu.

Dato' Zainal bin Dahalan: Panjang sudah saya beri, saya ingat lebih daripada sepuluh minit

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak payah dahulu, terima kasih

Dato' Zainal bin Dahalan: Daripada Jeli saya juga ucapkan terima kasih banyak di atas pandangan-pandangan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat bagi Jeli. Jadi untuk makluman Yang Berhormat dari Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, buat masa ini negara kita tidak berhasrat untuk mempunyai sebuah nuclear power plan. Teknologi nuklear yang ada hanyalah untuk tujuan keamanan di Malaysia walaupun setelah lebih kurang 25 tahun ianya wujud daripada PUSPATI kepada MINT hari ini ia telah dapat sebenarnya memindahkan teknologi-teknologinya kepada berbagai sektor dan pihak. Misalnya ia membekalkan radio pharmaceutical yang dibangunkan untuk pembangunan di hospital-hospital dan klinik, untuk penggunaan di bidang perubatan nuklear. Dalam bidang industri terdapat lebih 2,000 pelanggan luar yang menggunakan atau mendapat faedah dari hikmat teknikal MINT terutama di bidang industri untuk meningkat kecekapan proses dan penjimatan masa secara teknik none destructive dengan izin. Di antara industri yang dapat faedah ialah industri minyak dan gas, pertanian dan beberapa lagi.

Malaysia turut di pandang tinggi ataupun highly regarded dengan izin oleh 'IAEA' ataupun International Atomic Energy Agency kerana beberapa kali telah

dipilih untuk membantu negara membangun yang lain dalam bidang teknologi nuklear. Seterusnya di dalam perkara yang berkenaan biotechnology, DBK atau Direktori Bioteknologi Kebangsaan baru sahaja ditubuhkan dan bertujuan untuk menyelaras program berteknologi yang dijalankan di institusi penyelidikan dan universiti. DBK telah merancang dan melaksanakan beberapa projek penyelidikan melalui Program Pusat Bioteknologi Koperatif ataupun BCC yang ditempatkan di beberapa universiti.

Lebih kurang enam produk dan proses baru serta tiga patent telah diperolehi, di antaranya termasuklah:

- (i) Pokok padi genetically modified plant yang tahan kepada penyakit merah;
- (ii) Membangunkan vaksin denggi yang berpotensi untuk dibangunkan;
- (iii) Proses bioteknologi yang membolehkan penanaman tulip di bawah keadaan tropika; dan
- (iv) 'Keep ' untuk penyakit typhoid

Peruntukan yang diperolehi adalah lebih kurang RM40 juta daripada IRPA dan DBK akan meluaskan aktivitinya dengan memohon peruntukan yang lebih besar lagi dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan cadangan menubuhkan pusat cemerlang dalam bidang biotechnology tertentu seperti agro-biotechnology, 'naturalceutical' dan pharmaceutical serta gnomie.

Seterusnya Yang Berhormat juga menyebutkan soal peranan MAKRES iaitu pusat remote sensing negara, kita sedar bahawa kita tidak boleh bergantung terus ataupun selama-lamanya kepada negara lain di dalam teknologi satelit ini. Negara telah merangka pelan jangka panjang untuk mendapatkan teknologi satelit untuk mendapat maklumat dari teknologi sendiri. Kementerian ini sedang melaksanakan projek pembinaan stesen bumi di Temerloh bagi penerimaan data-data satelit terkini yang diperlukan di negara ini.

Kementerian juga sedang mengambil langkah jangka panjang bagi membangunkan kebolehan teknologi angkasa menerusi BAKSA di peringkat negara iaitu Badan Kajian Angkasa Negara termasuk dalam reka bentuk membina dan pelancaran satelit negara.

Mengenai cadangan untuk mengadakan Taman Safari seperti di Kenya, kementerian sedang mengkaji dengan mendalam cadangan tersebut dan untuk makluman kini terdapat pihak swasta yang sudah membuat cadangan kepada kementerian dan ianya sedang ditimbang.

Yang akhir sekali ialah mengenai projek-projek R&D dan juga persiapan untuk pelaksanaan program ataupun projek wafer fabrication, fasa I telah dilaksanakan pada bulan Mei 1997, pada masa ini MIMOS sedang melaksanakan fasa II projek berkenaan. Projek ini bertujuan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran dan peningkatan teknologi bagi meng*commercialised*kan projek wafer fabrication ini sepenuhnya di Kulim Hi-tech. Ianya dilaksanakan oleh syarikat swasta iaitu Syarikat SELTRA Sdn. Berhad dan melalui joint venture dengan Bank Industri, Khazanah Nasional dan sebuah syarikat daripada Amerika Syarikat.

Tuan Pengerusi

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Pengerusi, minta maaf, fasal wafer fabrication ini kita perlu kepada syarikat-syarikat yang mempunyai ke mahiran dan pengalaman. Jadi, saya ada terdengar nama Syarikat SELTRA dan syarikat Amerika Syarikat itu, syarikat apa itu kalau boleh. Fasal kita hendak tahu, jangan yang tidak ada dalam top ten, top twenty USA itu. Syarikat apa syarikat Amerika Syarikat yang disebutkan, fasal dahulunya saya difahamkan Fujitsu terlibat, tetapi sekarang di mana Fujitsu berada dalam hal wafer fabrication ini di bawah anjuran MIMOS. Sekian, terima kasih.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Pengerusi, oleh kerana nama syarikat itu tidak ada di sini, saya akan beritahu kemudian. Terima kasih.

Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, itulah penjelasan yang dapat saya berikan bagi pihak Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, saya berterima kasih di atas pandangan-pandangan yang membina dan mana yang tidak dapat saya jelaskan, kita akan cuba untuk mengambil perhatian dan cuba untuk melaksanakannya bagi kepentingan dan faedah kita bersama. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli -ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM239,409,000 bagi Maksud B.46 di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui

Wang sejumlah RM239,409,000 bagi Maksud B.46 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,273,827,800 bagi Maksud P.46 yang disebut dalam Anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,273,827,800 bagi Maksud P.46 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B.47 [Jadual] –
Maksud P.47 [Anggaran Pembangunan 2000] -**

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.47 dan Kepala Pembangunan P.47 di bawah Kementerian Pengangkutan terbuka untuk dibahas. Tambun.

12.45 tgh.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh di bawah butiran perkhidmatan bantuan. Saya ingin menyentuh mengenai dengan industri pengangkutan di negara kita. Pada masa kini kita perlu terima hakikat bahawa banyak kelemahan yang terdapat dalam industri pengangkutan negara kita dan saya cuba bayangkan pada tahun 2003 apabila AFTA dilancarkan akan terdapat aliran kemasukan barangan ke negara kita dan keluar daripada negara kita yang begitu pesat dan sibuk, ini tentunya akan meningkatkan lagi kepada keperluan pengangkutan di negara kita.

Saya dapati banyak negara mempunyai dasar pengangkutan negara. Saya ingin mencadangkan supaya negara kita juga mempunyai ataupun menggubal satu dasar pengangkutan negara ke arah untuk kita mewujudkan sistem pengangkutan di negara kita yang efisien berasaskan kepada wawasan supaya sistem pengangkutan negara selamat, reliable, efektif, efisien serta bersepadu dari segi operasi dan juga infrastruktur serta memenuhi keperluan kargo dan penumpang-penumpang dengan perkhidmatan yang memuaskan serta kos yang kompetitif, yang dapat menyumbang kepada pencapaian strategi kerajaan dalam melaksanakan pembangunan ekonomi dan

sosial. Ini penting kerana kita tahu bahawa pengangkutan memainkan peranan dari segi pembangunan negara, baik dari segi sosial mahupun ekonomi.

Saya berpendapat bahawa dasar pengangkutan negara mestilah menjurus kepada mencapai matlamat, pertama, menyumbang kepada program pembangunan iaitu memenuhi keperluan ekonomi dan pembangunan sumber manusia, ini meliputi isu-isu seperti:-

- (i) Memenuhi keperluan pengangkutan bandar dan luar bandar.
- (ii) Perkhidmatan yang mampu diguna, dengan izin, affordable to user.
- (iii) Meningkatkan skill dan teknologi dalam industri, ini melalui proses latihan dan pendidikan.
- (iv) Skim pekerjaan yang baik dan memuaskan, yang menjaga kepentingan hak pekerja, kebajikan serta keadaan kerja.
- (v) Mengambil kira tentang ekuiti ataupun pemegang-pemegang hak ownership, dengan izin, serta partisipasi masyarakat kita terutama menjaga kepentingan kaum bumiputera.

Matlamat kedua, untuk memastikan bahawa pelanggan kargo dan penumpang mendapat access kepada pengangkutan yang terbaik. Kita sedar ada sektor-sektor atau kawasan dalam negara kita yang tidak mendapat access kepada pengangkutan, baik dari segi untuk mengangkut kargo mahupun dari segi penumpang.

Matlamat ketiga, untuk meningkatkan keselamatan, reliability, kualiti dan kecekapan mengangkut kargo dan penumpang yang akhirnya menuju ke arah untuk meningkatkan industri pengangkutan kita bertaraf dunia, terutama bila kita mengambil kira tentang pelaksanaan AFTA, kita mesti melihat di sudut kepentingan pengangkutan di peringkat rantau.

Yang keempat, untuk meningkatkan competitiveness dari segi operasi dan infrastruktur pengangkutan secara yang efektif dan efisien bagi memenuhi keperluan kumpulan pelanggan dalam negara dan global. Kita sedar bahawa kos pengangkutan memainkan peranan untuk menentukan sama ada produk kita kompetitif ataupun tidak. Sekiranya kita dapat melahirkan sistem pengangkutan yang kos pengangkutannya rendah, di samping itu meningkatkan kecekapan pengangkutan itu sendiri, ini akan diterjemahkan dalam bentuk kos pengangkutan yang rendah, yang akhirnya dapat menyumbang kepada kita menghasilkan produk yang kompetitif yang

dapat bersaing dengan negara-negara lain terutama apabila AFTA dilaksanakan, kita mahu pelaksanaan AFTA mesti memberi advantage kepada negara kita.

Matlamat yang kelima, pelaburan dalam infrastruktur dan sistem pengangkutan dapat memenuhi kepentingan sosial, ekonomi dan strategi pelaburan. Kita mahu melihat bahawa industri ini mempunyai sokongan kewangan yang kuat kerana kita tahu pengangkutan meliputi pengangkutan udara, darat dan juga laut dan dalam industri yang memerlukan pelaburan yang begitu banyak, kewangan yang kukuh ataupun sokongan kewangan yang kukuh begitu penting. Kita lihat dari segi industri pengangkutan udara, umpamanya, kita cuba membina kekuatan competitiveness kita dari segi pengangkutan udara di peringkat global, tetapi kita meninggalkan dari segi competitiveness di peringkat domestik, kita kurangkan pengangkutan dalaman, sepatutnya pengangkutan udara domestik ini juga kita tumpukan supaya ada keseimbangan.

Saya rasa amat tidak logik apabila kita beredar ke zaman baru, kalau pada zaman lalu, zaman negara kita sedang berada di peringkat pembangunan pertengahan, domestic flight banyak. Apabila tiba kepada kita hendak menghadapi abad baru, domestic flight sudah begitu berkurangan, walaupun kita mempunyai infrastruktur lebuhraya yang begitu baik tetapi tidak bermakna bahawa kita tidak memerlukan pengangkutan udara domestik yang efisien serta kita dapat membangunkan infrastruktur pengangkutan yang lebih sistematik lagi.

Matlamat keenam, untuk mencapai pembangunan yang sustainable dari segi ekonomi dan environment dan meminimumkan kesan-kesan negatif dalam industri tersebut. Saya melihat industri pengangkutan dalam gambar yang lebih besar. Ia melibatkan banyak kementerian dan juga jabatan – Kementerian Pengangkutan, Kementerian Pembangunan Usahawan, kerajaan negeri, majlis tempatan dan semua badan-badan ini terlibat dari segi pembangunan – pembangunan dari segi ekonomi, sosial dan sebagainya. Apabila kita mempunyai satu dasar pengangkutan negara kita akan menggariskan ke manakah arah ataupun aliran pengangkutan di negara kita dan apabila kita synergy dengan jabatan dan agensi lain, majlis tempatan mungkin terlibat dari segi untuk melaksanakan pembangunan sosioekonomi dari segi pembangunan fizikal – perumahan dan kawasan-kawasan bandar baru.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Kejap, kejap.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap ya.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Jadi, dengan adanya satu dasar dan kita telah kenal pasti laluan manakah pengangkutan ini hendak dilaksanakan, dengan synergy daripada semua agensi, kementerian, kita dapat mewujudkan satu suasana pembangunan negara kita yang cukup efisien melibatkan pembangunan perumahan, bandar, pusat pentadbiran dan juga pengangkutan dan ini akan menyumbang kepada meningkatkan taraf negara kita.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Wangsa Maju.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Penjelasan sedikit. Saya tertarik kepada pendapat-pendapat Yang Berhormat bagi Tambun tadi. Pendapat saya untuk menentukan competitiveness yang Yang Berhormat sebutkan tadi, saya bercadang supaya Kementerian Pengangkutan buka dan memberi kebenaran atau lesen kepada lebih banyak lagi syarikat membangunkan perniagaan pengangkutan udara. Apa pendapat Yang Berhormat tentang hal ini. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, sebenarnya dalam soal ini ada dua pandangan. Satu pandangan kita menghadkan lesen supaya kita dapat melindungi players di dalam industri tersebut. Satu lagi pandangan supaya kita membuka, ia berasaskan kepada kuasa pasaran. Pandangan-pandangan ini juga sekarang ini turut diberi oleh banyak pihak.

Kita ambil contoh dalam bidang pengangkutan lori, umpamanya, kita hadkan lesen kepada pihak-pihak tertentu. Dalam pemikiran yang kedua ini kita bebaskan, diberikan lesen sebanyak mana yang diperlukan dan akhirnya yang akan menentukan sama ada syarikat-syarikat ini akan survive atau tidak ditentukan oleh kuasa pasaran. Saya sendiri ada memberi pandangan ini kepada pihak tertentu dan perkara ini sebenarnya ada pihak-pihak yang sedang membuat kajian, dari segi pengetahuan saya, dari segi kementerian [*Ketawa*] tentulah akan memberi jawapan yang lebih baik. Pada pandangan saya kedua-dua sistem ini mempunyai kekuatan. Boleh dilaksanakan tetapi memerlukan satu kajian yang cukup mendalam. Terima kasih.

Kemudian, saya melihat dari segi dasar ini menuju kepada pembangunan integrasi, dari sudut kita tidak lagi melihat industri pengangkutan, dari sudut

kepentingan domestik seperti mana saya nyatakan awal tadi, mesti dilihat dari segi global character terutama apabila AFTA dilaksanakan. Bagaimanakah sistem pengaliran pengangkutan nanti akan berlaku, adakah kita akan membenarkan lori dari Siam membawa beras masuk ke Malaysia sampai ke Singapura dan kemudian kembali dengan kargonya ataupun kita akan membina transit – kata di Perlis ada transit, lori dari Siam pergi ke transit tersebut, memunggah barangan dan kemudian lori dari Malaysia akan mengangkut barangan tersebut kepada keperluan di seluruh negara kita. Jikalau ini dilakukan berapa banyakkah kenderaan yang diperlukan. Jadi, saya berpendapat bahawa perkara-perkara ini mesti disediakan dari sekarang.

Sebagaimana saya nyatakan tadi, saya mencadangkan supaya negara kita semestinya mempunyai satu dasar pengangkutan negara dan cabang-cabang matlamat yang saya nyatakan dan isu-isu yang terlibat dari segi kita menggubal satu dasar tersebut akan dilihat supaya akhirnya kita akan dapat melahirkan satu industri pengangkutan yang dapat memenuhi keperluan tempatan dan global dan juga kompetitif untuk kepentingan negara kita dari segi sosial dan ekonomi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian.

12.56 pagi.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada P.47 secara khusus Butiran 00903 – Landasan Berkembar Rawang- Seremban, Kulai-Johor Bahru dan Rawang-Ipoh.

Bagi tahun 2000 ini kerajaan memperuntukkan lebih daripada RM461 juta secara langsung dan keseluruhan anggaran projek ini ialah berjumlah RM4.3 bilion bagi landasan berkembar bermula dari Ipoh sampailah ke Johor Bahru. Mengikut laporan akhbar pada 1 Mac 2000, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah mengesahkan bahawa landasan berkembar bermula dari Rawang ke Ipoh akan dimulakan pada tahun ini, walaupun projek ini telah pun ditangguhkan kerana kegawatan ekonomi pada setahun, dua yang lepas.

Yang disebut oleh Menteri ini dalam laporan akhbar ini ialah “*Perundingan adalah dalam peringkat akhir dan rundingan harga bersama kontraktor-kontraktor terbabit sedang diuruskan.*” Pertama ialah bahawa daripada laporan ini dapatlah difahamkan penentuan harga bagi projek ini adalah sepenuhnya melalui mekanisme rundingan dan kontraktor-kontraktor terbabit terlibat bersama untuk menentukan

harga rundingan ini. Saya difahamkan bahawa Mitsui, sebuah syarikat daripada Jepun telah pun menandatangani ataupun dianugerahkan projek ini dan telah menandatangani perjanjian dengan Kereta Api Tanah Melayu dan harga projek ini telah melebihi RM3 bilion. Mitsui seperti yang kita semua tahu, baru-baru ini telah dilaporkan memberi sogokan kepada pihak yang belum dapat dicamkan di negara kita sejumlah RM10 juta untuk mendapatkan kontrak Telekom. Penyiasatan kes ini belum lagi selesai dan mungkin juga tidak akan selesai untuk selama-lamanya. Walaupun belum sempat kita mengetahui kedudukan sogokan Mitsui tetapi Mitsui sekali lagi telah diberikan anugerah satu projek yang menelan belanja lebih daripada RM3 bilion. Korupsi dalam kes Telekom dikaitkan dengan Mitsui. Korupsi sekurang-kurangnya telah meningkatkan kos projek Telekom berkenaan menjadi lebih mahal daripada harga sebenar RM10 juta dan kos ini pada akhirnya dialihkan bebannya kepada kita semua sebagai pengguna. Korupsi dalam bahasa yang mudah 'menjadikan sesuatu projek lebih mahal daripada harga yang sebenarnya.' Dengan sebab itu, ia mungkin menjadi pendorong kepada pelaksanaan sesuatu projek dan mengapa sesuatu syarikat dipilih.

Dalam hal ini, saya memohon penjelasan daripada kementerian ini, atas asas apakah Mitsui dianugerahkan projek ini dan harga sebenar bagi projek ini. Jika sekiranya kita mengambil andaian bahawa dalam projek Telekom, harga telah menjadi RM10 juta lebih mahal, saya ingin mengandaikan bahawa dalam projek ini sekurang-kurangnya harga telah menjadi 30% lebih mahal daripada harga yang sebenarnya iaitu bermakna lebih kurang RM500 juta adalah kos yang diakibatkan oleh faktor-faktor yang tidak menjadi kos yang sebenar. Penetapan harga yang menjadi tajuk yang besar bagi projek ini dan oleh kerana projek ini dilaksanakan secara rundingan seperti yang telah disebut oleh Menteri, maka adalah menjadi satu persoalan yang sangat besar terhadap kos sebenar projek ini. Jika kita menilai buku Belanjawan ini pada muka surat 505, keseluruhan anggaran projek ini dari Ipoh ke Johor Bahru ialah RM4.318 bilion, tetapi untuk Ipoh ke Rawang sahaja sudah melebihi dua pertiga daripada anggaran asal projek ini, bermakna satu harga baru telah ditetapkan dan harga ini menjadi lebih mahal daripada harga anggaran dengan begitu besar sekali.

Selain daripada itu ialah kita membiayai projek ini melalui pinjaman daripada Jepun di bawah Inisiatif Baru Miazawa, kalau tidak silap saya, walaupun saya tidak

cukup sumber untuk mengesahkan perkara ini. Walaupun kos ataupun kadar faedah yang ditentukan hanyalah 0.75% tetapi oleh kerana pinjaman ini berjangka panjang iaitu lebih daripada 40 tahun – 40 tahun ke atas, maka oleh kerana trend kenaikan Yen yang terus menerus berlaku dijangkakan bahawa kita terpaksa membayar satu jumlah yang sangat besar bagi projek ini. Saya ingin tahu adakah projek ini telah dikaji secara terperinci dari segi viabilitinya kerana saya merujuk kepada satu kertas yang telah disediakan oleh Mr. Paul Buchnan '*Debt Restructuring Agenda: Transportation,*' dengan izin, yang telah dibentangkan dalam satu conference di Kuala Lumpur Hilton pada 21 Mac yang lalu.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh sambung petang nanti, Yang Berhormat?

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa kita sudah ..

Tuan Husam bin Haji Musa: Berapa minit sudah saya habis, berapa minit lagi yang tinggal?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Habis 4, ada 6 minit lagi.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ada 6 lagi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 4 dengan 6, 10.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua: [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada 6 minit lagi, sila sambung.

2.31 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya menyambung ucapan saya.

Adakah landasan ini begitu mendesak kerana berdasarkan kepada kajian yang telah dibuat oleh seorang *consultant* bagi negara sendiri, Mr. Paul Buchnan dalam kertas kerja yang telah saya sebutkan tadi. Bagi LRT dan transit ringan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan telah mencatat jumlah penumpang yang jauh lebih rendah daripada yang dianggarkan sebelumnya. STAR umpamanya, hanya mencapai 20% daripada jangkauan penumpang kepada perkhidmatan ini. PUTRA umpamanya, hanya 40% daripada jangkauan, IK – 15%, PM – 6%, KTMK – 15% daripada penumpang yang dijangkakan. Menunjukkan bahawa kementerian ini telah tidak mengambil kira semua kemungkinan-kemungkinan yang mengakibatkan setengah daripada projek ini mengalami masalah kewangan.

Dalam kertas yang sama, Paul Buchnan mengatakan bahawa pada asasnya semua operator transit ringan di Wilayah Persekutuan adalah *effectively* bankrap kerana tidak dapat menjelaskan tanggungan hutang pada masa hadapan. Dalam kes landasan kereta api berkembar daripada Rawang ke Ipoh, sekali lagi saya ingin sebutkan bahawa projek ini telah diberikan kepada Mitsui. Dalam kes Telekom, Mitsui telah melakukan sogokan sebanyak RM10 juta. Dalam projek ini, adakah unsur sogokan boleh dinafikan sebegitu mudah tidak berlaku kerana projek ini telah diberikan kepada Mitsui secara rundingan. Dan tidak ada satu mekanisme ketelusan yang dapat meyakinkan kita semua bahawa sesuatu yang teratur telah dilaksanakan terutama sekali tentang penetapan harga.

Saya ingin tahu daripada kementerian ini adakah Keretapi Tanah Melayu, pengurusannya telah diberikan kebebasan untuk menentukan kos projek ini dan juga rakan ataupun syarikat yang berjaya untuk dianugerahkan projek ini. Ataupun ada satu unsur tekanan politik ke atas pengurusan Keretapi Tanah Melayu sehingga akhirnya projek ini telah diberikan kepada Mitsui dan sehingga hari ini kita belum menerima laporan akhbar, projek ini secara rasmi. Seakan-akan ia dilaksanakan secara yang tersembunyi dan tentu ada sebab mengapa perkara ini berlaku dalam bentuk yang sedemikian.

Saya beralih kepada tajuk yang lain iaitu di bawah Jabatan Pengangkutan Jalan, B.47 Butiran 060000 – Pengangkutan Darat. Jabatan Pengangkutan Jalan akan

menjadi satu lagi agensi kerajaan yang dicadangkan untuk diswastakan mengikut laporan daripada surat khabar STAR semalam, minta maaf saya, 2 April 2000, kenyataan Yang Berhormat Menteri Pengangkutan bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan akan diswastakan.

Buat masa ini hasil yang diperolehi oleh kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan meliputi bayaran-bayaran lesen memandu, cukai jalan, pendaftaran kenderaan, bayaran pindah milik kenderaan dan lain-lain seperti tercatat dalam penyata lengkap Hasil Akaun Awam Persekutuan 1998, berjumlah RM2.078 bilion. Bermakna bahawa kerajaan mendapat hasil melalui Jabatan Pengangkutan Jalan, sejumlah RM2 bilion. Ini adalah satu punca kewangan yang sangat besar bagi kerajaan. Dan, kita juga tahu bahawa kerajaan hanya memperuntukan bagi pengangkutan darat, belanja pengurusan dalam buku Belanjawan kita ini hanya sejumlah RM250 juta untuk tahun 2000.

Dengan Belanja RM250 juta, kerajaan mendapat RM2 bilion. Ini adalah satu kerja yang paling senang, yang paling mudah, yang tidak memerlukan kepakaran teknikal untuk memberikan justifikasi mengapa kerajaan perlu menswastakan. Pengswastakan Jabatan Pengangkutan Jalan tidak relevan dengan lima objektif penswastakan yang telah digariskan oleh kerajaan. Jabatan Pengangkutan Jalan bukan beban kewangan kepada kerajaan tetapi sebaliknya punca hasil yang amat lumayan, yang tidak memerlukan modal yang besar dan kepakaran yang tinggi.

Oleh sebab itu, tidak ada satu sebab yang munasabah bagi kerajaan menswastakan kantung wang negara seperti Jabatan Pengangkutan Jalan dengan begitu mudah. Ini bukan lagi penswastakan, ini ialah menjual negara kita. Kita juga tahu apabila sesuatu perkara diswastakan maka apa yang diperolehi oleh kerajaan ialah sekurang-kurangnya dalam dua bentuk.

- (i) cukai korporat;
- (ii) perolehan pelaburan dalam syarikat-syarikat berkenaan jika sekiranya kerajaan mempunyai syer ataupun kepentingan dalam syarikat tersebut.

Tetapi kedua-dua item ini semestinya jauh lebih kecil daripada pendapatan kerajaan sedia ada, sebelum Jabatan Pengangkutan Jalan ini diswastakan. Ini ialah kerana margin di antara kos perniagaan dan keuntungan selepas cukai yang dulunya adalah milik kerajaan selepas sesuatu agensi diswastakan, margin tersebut adalah

menjadi milik syarikat. Apa yang saya maksudkan ialah apa yang kerajaan boleh melalui cukai koporat dan perolehan daripada pelaburannya jauh lebih kecil daripada untung sebelum cukai ataupun selepas cukai yang diperolehi oleh sesuatu syarikat yang telah mengambil alih mana-mana projek yang telah diswastakan.

Dengan ini, saya menganggap bahawa penswastaan Jabatan Pengangkutan Jalan hanyalah semata-mata untuk memberikan kekayaan kepada kroni-kroni kerajaan. Tidak ada satu sebab yang munasabah, yang perlu, yang mendesak bagi kerajaan menswastakan Jabatan Pengangkutan Jalan. Oleh sebab itu saya berharap kerajaan dapat mengkaji semula langkah penswastaan Jabatan Pengangkutan Jalan ini kecuali kerajaan hanya ingin mengkayakan kroni-kroni mereka dan memberikan harta negara dengan begitu mudah.

Tajuk yang seterusnya ialah tambang MAS domestik. Kementerian ini telah pun menyebut bahawa

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Tuan Husam bin Haji Musa: Boleh, gulung sekarang ya. Tambang domestik MAS, mungkin akan dinaikan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri bahawa kementerian ini bersedia untuk mengkaji kenaikan tersebut. Untuk tahun 1999, MAS mencatatkan keuntungan RM61 juta. Ini menunjukkan bahawa MAS secara operasinya masih untung dan sebarang kenaikan kepada tambang domestik ini akan membebaskan rakyat dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tambun supaya satu unsur persaingan diberikan pada operator pengangkutan negara bagi destinasi domestik.

Saya beri satu contoh dari Kuala Lumpur-Kota Bharu-Kuala Lumpur, yang ada sekarang ialah hanya perkhidmatan MAS dan perkhidmatan Pelangi dan Asia Air telah ditamatkan. Saya yakin bahawa jika sekiranya unsur persaingan ini dapat kita benarkan dalam pengangkutan udara kita, harga pengangkutan domestik bagi pengangkutan udara dapat menjadi lebih rendah daripada apa yang dijangkakan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Cukup.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Betul-betul cukup. Terima kasih, ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batu Pahat.

2.40 ptg.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin [Batu Pahat]: Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bekalan B.47, Butiran 050000 – Pengangkutan Udara yang diperuntukkan sebanyak RM102,386,510 berkurangan sebanyak RM7,418,190 daripada tahun 1999.

Apabila melihat peruntukan yang semakin berkurangan dan kita melihat kepada objektif dan strategi Kementerian Pengangkutan mengenai pengangkutan udara di samping berita-berita melalui akhbar tempatan, beberapa perkara yang perlu diambil perhatian oleh kementerian untuk diambil tindakan bagi memulihkan keyakinan kepada pengguna-pengguna pengangkutan udara, domestik dan antarabangsa.

Terlebih dahulu izinkan saya kodkan objektif dan strategi pengangkutan udara. Objektif pengangkutan udara ialah:

- (i) untuk merancang, merumus dan melaksana dasar-dasar pembangunan infrastruktur pengangkutan serta memajukan sistem pengangkutan udara supaya selamat, cekap, seimbang dan bersepadu bagi menggiatkan pertumbuhan sosio-ekonomi dan pembangunan negara dan dari segi strategi ia memberi penekanan kepada peningkatan keselamatan;
- (ii) meningkatkan usaha menguatkuasakan piawaian, keselamatan penerbangan dan keselamatan penumpang; dan
- (iii) meningkatkan mutu perkhidmatan kawalan trafik udara melalui program latihan kakitangan dan pemodenan sistem kawalan trafik udara.

Jelaslah kepada kita bahawa kementerian tidak memasukkan masalah keselamatan kargo di lapangan terbang sebagai satu strategi bahagian korporat pengangkutan udara. Akhbar tempatan pada 26.3.2000 telah menyiarkan berita mengenai kes-kes kecurian dari kargo di Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang (KLIA) sejak ia beroperasi daripada Jun 1998 hingga Februari 2000.

Dalam tempoh tersebut seramai 200 orang ditangkap termasuk kakitangan kargo MAS dan ejen penghantaran. Dalam enam bulan awal operasi tahun 1998, dilaporkan 22 kes kecurian dengan kerugian bernilai sebanyak RM4 juta. Bagi tahun 1999 dilaporkan 89 kes kecurian dengan kerugian bernilai sebanyak RM10 juta.

Dalam tempoh dua bulan bagi tahun 2000 dilaporkan 15 kes kecurian dengan kerugian sebanyak RM500,000 dan dari keseluruhan jumlah kes kecurian yang saya sebut sebanyak 126 kes dengan jumlah barang-barang import dan eksport yang hilang bernilai RM14.5 juta. Antara barang-barang yang dilaporkan hilang ialah permata bernilai RM2 juta.

Kes yang terbaru ialah mengenai dengan kehilangan chip komputer bernilai RM1 juta dan seramai 30 orang telah ditangkap. Saya ingin bertanya kepada kementerian apakah langkah-langkah proaktif yang dibuat oleh Bahagian Kargo, Lapangan Terbang Antarabangsa (KLIA) mengenai langkah-langkah pencegahan. Keraguan seluruh masyarakat di negara ini dan masyarakat antarabangsa meragui keselamatan kargo di KLIA kerana bagaimana sindiket yang melibatkan seramai 80% orang dalam boleh bertahan begitu lama sejak KLIA ditubuhkan dan saya yakin bahawa sindiket ini masih bergerak kerana setakat ini pihak polis hanya dapat menyelesaikan 70% daripada kes yang dilaporkan.

Perkara kedua, saya ingin menyentuh Bekalan B.47, Butiran 060500 – Penguatkuasaan Undang-Undang. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian Pengangkutan dan Polis Diraja Malaysia kerana sentiasa menjalankan usaha-usaha pemantauan bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya dan kemalangan maut di negara kita. Walaupun terdapat penurunan peratus kadar kemalangan di negara kita bagi tahun-tahun kebelakangan ini tetapi angka yang ditunjukkan masih perlu kedua-dua agensi yang dipertanggungjawabkan berusaha bagi memberi kesedaran yang tinggi kepada semua pengguna jalan raya melalui konsep penguatkuasaan yang boleh memberi kesedaran dan tanggungjawab bersama kepada semua pengguna jalan raya.

Seperti yang kita maklum bahawa 94% daripada jumlah kemalangan di negara kita adalah berpunca daripada sikap pemandu sendiri. Sementara 3% berpunca daripada keadaan jalan raya, 2% keadaan kenderaan dan 1% berpunca daripada keadaan cuaca. Saya mencadangkan supaya Kementerian Pengangkutan memberi tumpuan yang sepenuhnya mengenai cara bagaimana masalah kemalangan dapat dikurangkan seperti di negara-negara maju seperti USA, Great Britain, German, Finland dan lain-lain lagi.

Apa yang saya lihat dengan tindakan penguatkuasaan secara lebih berkesan merupakan cara yang paling sesuai untuk memberi pengajaran kepada pemandu-

pemandu di negara kita. Sebagai contoh, sekiranya seseorang pemandu berada di sebuah republik negara jiran mereka begitu tertib dan bersopan tetapi apabila masuk ke negara kita, ketertiban dan kesopanan hilang dari amalan ketika memandu di jalan raya. Cara pemanduan seperti ini termasuk kebanyakan pemandu di negara kita wujud kerana kurangnya tindakan penguatkuasaan secara lebih berkesan. Operasi-operasi kebanyakannya tertumpu kepada musim-musim perayaan tertentu sahaja. Kurangnya penguatkuasaan sepadu antara pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Polis Diraja Malaysia adalah antara penyebab kenapa kita lihat penguatkuasaan tidak dapat berjalan be gitu teratur dan berkesan.

Mengikut pengalaman saya, anggota penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan dapat menjalankan penguatkuasaan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 tetapi anggota penguat kuasa Polis Diraja Malaysia hanya menjalankan tugas penguatkuasaan mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987 sahaja. Kurangnya pengetahuan mengenai Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987 menyebabkan penguatkuasaan Polis Diraja Malaysia kurang mengambil tindakan terhadap kenderaan-kenderaan perkhidmatan awam seperti bas-bas ekspres, bas berhenti-henti, bas pelancong, bas kilang, kereta sewa dan teksi.

Saya ingin mencadangkan kepada Bahagian Penguat Kuasa, Jabatan Pengangkutan Jalan yang mempunyai jumlah anggota seramai 928 anggota sahaja supaya dapat dipertingkatkan bilangan anggotanya dan mutu anggota hendaklah dipertingkatkan dengan mengadakan kursus-kursus yang lebih efektif, yang lebih memberi penekanan terhadap soal amanah dan tanggungjawab ke arah kemantapan JPJ sendiri.

Seperti yang saya katakan tadi Unit Penguat Kuasa, Jabatan Pengangkutan Jalan yang hanya mengandungi 928 orang anggota seluruh negara menanggung banyak beban tugas harian. Bahagian Penguat Kuasa juga dikehendaki menjalankan tugas-tugas pengujian memandu termasuk ujian-ujian kurikulum baru sekolah memandu,

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batu Pahat,

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin:tugas-tugas pendakwaan di mahkamah.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa, [Disampuk]

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Sedikit lagi ya.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sila gulung.

Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin: Ya. ...di mahkamah, siasatan dan tugas-tugas penguatkuasaan rondaan dan sekatan jalan raya selain daripada tugas-tugas yang berkaitan dengan kerja-kerja di pejabat seperti mengemaskinikan segala data-data kerja ke dalam komputer. Segala beban kerja yang dibuat tidak dapat dilaksanakan dalam masa waktu pejabat apatah lagi sekarang hari bekerja telah berkurang daripada masa-masa yang lalu.

Tuan Pengerusi, saya ingin mencadangkan kepada kementerian selain daripada usaha-usaha menambah jumlah kakitangan penguatkuasaan, saya juga mencadangkan lain-lain intensif patut diberi kepada anggota-anggota penguat kuasa:

- (i) elaun kerja lebih masa mengikut kiraan jam hendaklah diberi kepada anggota-anggota penguatkuasa yang bertugas di luar masa waktu pejabat. Amalan yang dibuat sekarang hanya diberi cuti gantian. Cuti gantian ini pula sekiranya diamalkan menyebabkan pada sesuatu ketika Bahagian Penguat Kuasa ketiadaan anggota terutama sekali apabila waktu-waktu kerja di hujung dan di awal bulan; dan
- (ii) sagu hati sebanyak 5% hingga 10% daripada jumlah denda yang diperolehi daripada tugas-tugas penguatkuasaan yang dibuat oleh mana-mana anggota penguat kuasa JPJ seperti yang diamalkan oleh Bahagian Pencegah, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kemaman.

2.50 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Yusof: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan Anggaran Belanjawan 2000 Maksud Bekalan B.47 Butiran 03601 dan 04900 iaitu Kerja-kerja Pengorekan Pelabuhan Kemaman dan Pembinaan Jeti Kargo Bahaya Pelabuhan Kemaman.

Pelabuhan Kemaman merupakan sebuah pelabuhan semula jadi yang merupakan pelabuhan yang digunakan sejak zaman berzaman lagi dan keputusan Kerajaan Pusat membina Pelabuhan Kuantan merupakan sebuah keputusan yang tidak perlu dipertikaikan lagi dan harapan kita semoga ia berjaya dan memenuhi kehendak pelabuhan tersebut dibina.

Walau bagaimanapun, saya ingin tahu justifikasi kementerian mengehendkan kegunaan Pelabuhan Kemaman untuk kegunaan kapal-kapal yang membawa kargo-kargo untuk industri tertentu sahaja, sedangkan potensi kegunaannya cukup besar kerana ianya merupakan pelabuhan terdalam di Malaysia. Akibat daripada keputusan ini dan tindakan kerajaan meletakkan Pelabuhan Kemaman di bawah pengelolaan Lembaga Pelabuhan Kuantan banyak kemudahan yang sepatutnya dimajukan di Pelabuhan Kemaman tidak dilaksanakan dan akibatnya kegunaan Pelabuhan Kemaman merosot akhir-akhir ini.

Ini merupakan kerugian besar kepada negara kerana kemudahan yang semula jadi tidak dimanfaatkan dengan semaksimum mungkin. Apakah tidak lebih baik sekiranya Pelabuhan Kemaman dibenarkan untuk dipromosikan sebagai pelabuhan pelbagai guna dan tidak terhad kepada kegunaan kepada industri-industri tertentu sahaja agar potensi semua pelabuhan di Pantai Timur sama ada Pelabuhan Kemaman dan Kuantan dapat dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Ini boleh mempercepatkan lagi pertumbuhan perindustrian di koridor Pantai Timur terutamanya di kawasan Kemaman dan di Gebeng, Kuantan.

Tuan Pengerusi, satu landasan kereta api akan dibina yang menghubungkan bandar Kertih iaitu pusat pemerosesan petroleum dan petrokimia di Kemaman Terengganu dan Pelabuhan Kuantan. Saya terkejut juga pada mulanya apabila diberitahu bahawa landasan kereta api ini tidak menghubungkan ke Pelabuhan Kemaman, mengapa berlaku sedemikian? Apakah kementerian atau pihak terbabit sedar bahawa untuk menghubungkan ke Pelabuhan Kemaman hanya memerlukan pembinaan landasan simpang tidak sampai sepuluh kilometer sahaja dan dengan pembinaan landasan ini akan meningkatkan lagi potensi kegunaan Pelabuhan Kemaman dan memberi keuntungan besar kepada negara. Harapan saya kementerian dapat memberi perhatian yang serius akan perkara ini dan membina simpang ke Pelabuhan Kemaman.

Bercakap pasal kereta api ini saya hendak tahu mengenai kedudukan muktahir mengenai tanah-tanah Keretapi Tanah Melayu di Singapura terutamanya di Tanjong Pagar dan di Woodland. Apakah kerajaan sudah mencapai persetujuan dengan kerajaan Singapura untuk membangunkan kawasan-kawasan tersebut. Apakah jenis pembangunan yang akan dilaksanakan dan apakah kedua-dua kerajaan bersetuju dengan pembangunan tersebut.

Tuan Pengerusi, perhubungan jalan raya di antara Kertih dan Kuantan amat merbahaya kerana banyak lori yang membawa bahan-bahan petroleum dan petrokimia menggunakan jalan tersebut dan jalan tersebut hanyalah *two-way street* sahaja. Saya cadangkan supaya jalan di antara Kertih ke Pelabuhan Kemaman dan daripada Pelabuhan Kemaman ke Pelabuhan Kuantan dan ke Gebeng mestilah mempunyai *double carriage highway* kerana jalan tersebut cukup-cukup bahaya kerana saya tiap-tiap minggu menggunakan jalan tersebut dan mendapati untuk sampai dari Kertih ke Kuantan itu terpaksa memotong banyak lori yang membawa bahan-bahan kargo yang merbahaya.

Tuan Pengerusi, kerajaan banyak bercakap mengenai kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh negara hasil dari tindakan tidak mengikut kaedah yang dicadangkan oleh IMF. Di antara kejayaan yang digembar-gemburkan ialah syarikat-syarikat tempatan tidak diambil alih oleh syarikat-syarikat asing. Walau bagaimanapun, kedengaran akhir-akhir ini Penerbangan Malaysia (MAS) akan menjual sebahagian daripada ekuitinya kepada syarikat asing.

Saya hendak tahu mengapa MAS bertindak demikian dan apakah tindakan ini menunjukkan bahawa kaedah yang digunakan oleh kerajaan dalam menangani kegawatan ekonomi menemui kegagalan. Saya juga ingin tahu syarikat mana yang akan membeli ekuiti Malaysian Airlines dan melibatkan jumlah *consideration* yang sebanyak mana dan berapa peratus ekuiti yang MAS akan lupuskan.

Tuan Pengerusi, bercakap pasal mengenai penerbangan MAS ini, saya hendak tahu kenapa Malaysian Airlines tidak mengadakan penerbangannya ke Kertih iaitu lapangan terbang di kawasan Kemaman kerana keperluannya amat tinggi dan kegunaannya oleh orang-orang yang melibatkan diri dalam industri petroleum cukup ramai dan banyak. Penerbangan yang ada sekarang tidak *consistent* dan masanya tidak menentu dan banyak gangguan di dalam jadual-jadual penerbangannya dan saya percaya sekiranya penerbangan yang berjadual yang tetap dan ada masa yang

sesuai, saya percaya penerbangan ke Kertih amat menguntungkan dan saya cadangkan supaya Malaysian Airlines dapat mengadakan penerbangannya ke Kertih. Sekian.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, ada satu usul untuk dikemukakan.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.45 malam.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 12(1) yang berbunyi: *“Provided that a Minister may without notice move at any time a motion.....”* Saya tidak bantah supaya kita lanjutkan masa persidangan tetapi mengikut peraturan ini cuma seorang menteri boleh membuat usul sedemikian dan sepanjang masa saya ada di Dewan ini tidak pernah dilakukan seorang Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen. Jadi saya minta satu ruling, bolehkah seorang Timbalan Menteri membuat usul sedemikian. Kalau boleh semua ayat di mana nama Menteri timbul itu bermakna kita boleh tukar tetapi saya tahu tidak boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat kata tidak pernah, memang ini tidak benarlah, ada pernah dikemukakan oleh Timbalan Menteri di Dewan ini juga.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini cuma berlaku pada persidangan ini di mana saya tidak ada dan saya tahu bahawa ini sudah bercanggah, maksud saya dahulu tidak pernah berlaku dan hari itu berlaku saya tidak ada di sini sebab itu saya sekarang dengan cepat saya berdiri sebab saya tahu. *So you cannot use what was wrong on that day to justify what is wrong today.* Tidak boleh, di mana boleh kita tukarkan, kalau

ini boleh digunakan ‘Minister’, ini bermakna lain-lain seperti Peraturan 43 dan sebagainya, semua boleh digantikan dengan Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya Menteri atau Timbalan Menteri boleh

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak apa, saya tidak mahu gaduh, saya cuma hendak tahu adakah ini bermakna bagi tiap-tiap perkataan ‘Menteri’ yang timbul dalam semua peraturan ini.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuasa kepada Menteri, Timbalan Menteri adalah sama untuk Dewan ini.

Tuan Kerk Kim Hock: Dahulu satu kali apabila usul hendak dibuat untuk menghalau Lim Kit Siang keluar dari Dewan ini, Dewan ini ditangguhkan sehingga Menteri sampai, tidak pernah, sekarang Menteri ada dia boleh cadangkan, tidak apa, kita ikut peraturan, tidak pernah berlaku. *You misinterpreting the* peraturan, ini merbahaya sebab lain kali tiap-tiap semua perkataan boleh disalahgunakan. Sekarang sudah ada Menteri kita beri dia cadangkan, kita ikut peraturan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sebenarnya keputusan ini pernah dibuat, jadi Timbalan Menteri berhak. Sipitang.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat di bawah peraturan muka surat 123, Peraturan 98.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sembilan?

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: 98.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: 98.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Perkataan “Menteri” hendaklah difahamkan termasuk Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang keputusan pernah dibuat oleh Tuan Speaker sendiri. Saya kekalkan keputusan ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.45 malam.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Beluran, sila.

3.03 ptg.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil peluang untuk membahas Butiran 05000 – Penerbangan Udara bagi Perbelanjaan P.47 ini.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada MAS kerana telah diiktiraf sebagai penerbangan yang memberi khidmat paling utama sekali bagi kabin business class dan juga first class. Namun pada saya masih banyak yang perlu dibuat oleh MAS untuk penerbangan domestik terutamanya bagi sektor-sektor domestik yang melibatkan penerbangan Kuala Lumpur dan juga Kota Kinabalu. Saya ingin membuat perbandingan tambang-tambang yang dikenakan oleh MAS dengan penerbangan-penerbangan lain seperti Air Asia dan juga Transmile Air.

Bagi penerbangan MAS, *standard fare* MAS mengenakan RM847 bagi penerbangan Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dan sebaliknya. Sementara Air Asia mengenakan tambang sebanyak RM699 bagi sektor yang sama. Ini menunjukkan perbezaan antara MAS dan Air Asia adalah sebanyak RM175 ataupun 20% daripada tambang-tambang yang dikenakan. Bagi tambang *special* ataupun *economy flight*, MAS mengenakan RM689 bagi sektor yang sama. Sementara Air Asia mengenakan RM555 menunjukkan perbezaan sebanyak RM134 ataupun 19.44%.

Jika saya bandingkan dengan tambang MAS dan Transmile Air bagi sektor yang sama. MAS mengenakan tambang RM699, sementara Transmile Air mengenakan tambang RM518 ataupun perbezaan sebanyak 25.89%. Ini menunjukkan Tuan Pengerusi, bahawa terdapat sekurang-kurangnya perbezaan 20% tambang antara MAS dengan Transmile Air dan MAS dengan Air Asia bagi sektor Kuala Lumpur-Kota Kinabalu dan sebaliknya.

Saya ingin tahu jika kita melihat daripada sektor *economy of scale*, tentu sekali MAS mempunyai *position* yang amat kukuh untuk bersaing tambang dengan syarikat-syarikat penerbangan yang kecil seperti Air Asia dan juga Transmile Air tetapi hakikat sebenarnya keadaan sebaliknya berlaku di mana syarikat-syarikat penerbangan kecil ini mampu mengenakan tambang yang lebih murah daripada

syarikat penerbangan MAS yang telah kukuh, besar dan juga mempunyai operasi yang besar.

Saya ingin tahu apa sebenarnya rasional di sebalik perbezaan tambang yang begini besar ini sehingga mencapai kepada 20% perbezaan antara ketiga-tiga syarikat penerbangan. Saya yakin soalan ini ada berkaitan dengan kedudukan bahawa MAS akan bercadang untuk menaikkan lagi tambang penerbangan domestik yang ada sekarang. Jadi, saya tidak nampak apa rasional MAS terhadap perkara ini. Jika dibandingkan MAS sekarang ini merupakan satu-satunya penerbangan yang nampak memonopoli di sektor penerbangan udara bagi negara kita.

Untuk Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur, MAS mempunyai penerbangan sebanyak 12 kali sehari, sementara Air Asia mempunyai dua penerbangan sehari dan Transmile Air cuma satu penerbangan sehari tetapi dari segi pulangan, MAS mendakwa domestic sector merupakan satu sektor yang merugikan bagi MAS dan keuntungan hanya didapati daripada *international sector*. Saya ingin tahu apa rasional MAS – di mana sektor yang merugikan ini kerana saya dapati jika sektor Kuala Lumpur-Kota Kinabalu begitu menguntungkan dan juga sektor-sektor lain di Sabah dan Sarawak menguntungkan dan tidak adil bagi penduduk, penumpang-penumpang Kota Kinabalu, Sabah dan Sarawak ini untuk menampung sektor-sektor domestik yang rugi.

Saya mencadangkan agar MAS mencari langkah, jalan untuk memperhebatkan perkhidmatan di sektor –sektor domestik yang rugi dan tidak mengenakan tambang yang berbeza besar dengan penumpang-penumpang daripada Sabah dan Sarawak. Saya ingin membuat perbandingan MAS mengadakan kadar kilometer tambang untuk Penerbangan ke Phuket dan Bali, jauh lebih kecil dibandingkan dengan penerbangan ringgit per kilometer untuk Kota Kinabalu dan juga Kuala Lumpur.

Saya membuat kajian bahawa kadar sekarang adalah pada peringkat RM0.26 per kilometer untuk sektor Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur tetapi MAS cuma mengenakan RM0.19 per kilometer untuk Bali dan juga lebih kurang RM0.18 per kilometer untuk Phuket. Jadi, nampak sekali perbezaan tambang ini yang dikenakan antara Kuala Lumpur-Kota Kinabalu dan juga Phuket dan juga Bali. Saya ingin tahu mengapa perkara ini berlaku dan adakah ini bertujuan untuk mengadakan tambang yang lebih bagi penumpang-penumpang daripada Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang ingin saya sentuh adalah kenyataan bahawa terdapat lebih kurang RM233,000 penumpang dari luar yang melawat terutama daripada Jepun yang melawat Kuala Lumpur, Malaysia. Tetapi hanya lebih kurang 10,000 yang melawat ke Sabah. Jadi, saya perlu mencadangkan di sini agar MAS membuat *direct flight, foreign international flight* yang lebih banyak ke sektor Kinabalu dan juga di sektor Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya menyentuh tentang perbezaan tambang ini dan perlunya MAS mengurangkan tambang penerbangan daripada Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu kerana melihat bahawa sebahagian besar daripada penumpang-penumpang Kuala Lumpur-Kota Kinabalu ini merupakan penumpang-penumpang tempatan. Daripada data 1999 yang saya perolehi, daripada 216,000 penumpang-penumpang yang menaiki penerbangan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur pada tahun 1999, seramai 109,000 ataupun lebih daripada 50% adalah merupakan penumpang-penumpang tempatan dan cuma lebih kurang 45% merupakan penumpang daripada luar negara yang melawat Kota Kinabalu menerusi MAS.

Jadi, beban tambang mahal yang dikenakan oleh MAS pada peringkat sekarang ini dibebani lebih besar oleh penumpang-penumpang tempatan daripada Sabah dan Sarawak dan ianya tidak dibebani oleh *foreigner*. Jadi, saya ingin mencadangkan agar MAS mengambil inisiatif ataupun langkah pendekatan untuk sama ada mengenakan perbezaan tambang untuk penumpang tempatan dan juga pelancong-pelancong luar negeri. Saya kira ini merupakan satu cadangan yang boleh diambil kira oleh MAS untuk mengimbangi kedudukan kenyataan bahawa *domestic sector* tidak menguntungkan bagi syarikat penerbangan ini.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan perkara-perkara ini untuk mengadakan *direct flight* daripada luar negara dan juga untuk menimbang mengurangkan tambang MAS untuk *domestic flight* kerana mengambil kira bahawa MAS merupakan satu-satunya penerbangan udara yang sudah sekian lama merupakan penerbangan yang memonopoli kawasan penerbangan udara kita. Jadi, untuk soal sosial, integrasi nasional, soal kepentingan rakyat Malaysia itu sendiri haruslah diambil kira oleh MAS dalam menentukan kadar tambang yang seimbang bagi penduduk Malaysia di Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupar.

3.10 ptg.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya pun ingin menyokong kawan saya daripada Beluran soal tambang MAS walaupun saya mengatakan terima kasih juga kepada MAS oleh kerana memberi kita 25% turun tambang, tapi dalam masa yang sama bukan semua Ahli Parlimen daripada Sarawak, Sabah cuma hampir tiga juta rakyat Malaysia di Sarawak, Sabah itu perlu datang ke Kuala Lumpur dan masyarakat daripada Kuala Lumpur Semenanjung ini hendak pergi ke Sarawak. Persoalan yang dibangkit selalu ialah soal tambang begitu mahal sekali. Sebagaimana yang disebut Yang Berhormat bagi Beluran tadi iaitu tambang kalau kira sen ke London, 24 sen sebatu dan ke Sarawak, Sabah ialah 68 sen. Maknanya, jauh lebih mahal, tiga kali ganda mahalnya untuk pergi ke Kuching, kalau kena Kota Kinabalu daripada Kuala Lumpur pergi ke London, ke Hong Kong, Japan ini masuk Phuket dan Bali juga jauh lebih murah. Jadi, ini patut dilihat secara total bukan saja soal integrasi nasional yang mungkin tidak boleh diberi nilainya, tapi mestilah dilihat juga keuntungan masyarakat yang tidak ada pilihan lain untuk pergi ke Semenanjung melainkan menaiki kapal terbang.

Jadi, oleh kerana saya tidak hendak mengulangkan Yang Berhormat tadi dah cukup lengkap yang disebutkan, ingin saya cerita perkara yang lebih mundane, perkara yang mungkin down to earth lagi Tuan Pengerusi, iaitu berhubung dengan Butiran 060100 - Pengangkutan Darat. Yang saya hendak sebut di sini ialah persoalan teksi. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian dan kerajaan kerana telah meluluskan iaitu teksi permit akan diberi kepada individu sebagaimana yang dipraktis dahulu, tidak semata-mata kepada kompeni yang mungkin mendatangkan hasil dan keuntungan kepada segelintir yang kecil sahaja. Ini saya bagi pihak masyarakat keseluruhannya yang nak jadi pemandu teksi, saya mengucapkan terima kasih kerana salah satu perkara-perkara yang selalu saya sebutkan di Dewan ini selama ini selama dua tahun.

Sebaliknya juga Tuan Pengerusi, saya banyak menggunakan teksi dan limousin. Persoalan teksi ini ialah front liner dalam aktiviti pelancongan dan orang datang ke negara kita. Tetapi banyak pada masa sekarang iaitu teksi, mengikut tip daripada taxi driver kalau kita nampak dua orang dalam teksi, jangan masuk teksi kerana pengguna teksi itu akan merompak penumpang selepas itu. Banyak laporan

dan tidak ada laporan pun ada juga iaitu teksi itu merompak penumpangnya sendiri. Jadi, saya tidak tahu mungkin Kementerian ada perancangan dan tindakan yang mungkin akan diambilkan supaya penumpang teksi di seluruh negara kita ini tidak menjadi mangsa kepada teksi-teksi yang mengambil penumpangnya di mana-mana. Ini banyak berlaku, saya banyak menerima laporan kerana walaupun laporan ini tidak dilapor pada polis oleh kerana kadang-kadang dia sudah kena tipu ataupun kena rompak, dia tidak hendak melapor oleh kerana kalau dia lapor pun hilang RM100, RM200 umpamanya takkan polis dapat cari perompak ini kata dia. Apa yang rugi, dia sendiri yang rugi kerana terpaksa jumpa dengan polis, lapor polis, buat statement dengan polis dan sebagainya dan formality polis ini makin panjang dan lebar dan membuang masa dia. Jadi, itulah sebabnya mengapa teksi-teksi yang terlibat tidak melapor perkara ini kepada pihak polis dengan sebanyak mungkin. Jadi, saya berharap pihak kementerian mengambil satu tindakan yang positif berjumpa dengan teksi-teksi ini dan membangkitkan persoalan-persoalan negatif ini kerana teksi adalah orang yang pertama sekali dijumpa oleh pihak-pihak pelancong ke negara ini. Jadi, kalau pihak pelancong ini terlibat dengan persoalan ini....

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ...

Tuan Mohamad bin Sabu: Teksi di bawah perusahaan Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduk, duduk dulu.

Tuan Mohamad bin Sabu: Yang ini lain. Tuan Pengerusi tak jaga topik.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Lupa tak bagi laluan

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Duduklah, duduk.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Jadi, Yang Berhormat balik kepada tajuk.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Nanti saya habis dulu lepas tu saya berpindah tempat lain. Saya berharap pihak kementerian membawa perkara ini ke hadapan supaya perkara-perkara teksi ini tidak menjadi negative factor dalam negara kita sebagai titik-titik hitam. Sudahlah PAS jadi titik hitam, jadi ini pun jadi titik hitam di negara kita juga kerana membawa

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ...

Tuan Mohamad bin Sabu: Teksi di bawah Perusahaan Awam, ini Pengangkutan...

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini pasal pelesenan, bacalah muka berapa? Tengok muka ni muka berapa? Tengoklah muka 501

Tuan Mohamad bin Sabu: Itu saja teguran saya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ini di bawah Butiran apa?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Muka 501, bacalah sendiri dulu Tuan Pengerusi, bukan saya bercakap dengan Tuan Pengerusi, saya cakap dengan dia ni. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kurang faham itu. Saya baca sendiri - Butiran 060100 - Pengurusan Pejabat/Pelesenan Perdagangan, Butiran 060200 - Pendaftaran dan Pelesenan Kereta Motor, Yang Berhormat, bacalah dulu. Jadi, saya tahulah memang dah jadi budaya ni, salah-salahkan tu. Jadi, saya berharap persoalan teksi ini, persoalan teksi yang merompak orang, orang dirompak dalam teksi ini dibuat dengan seberapa segera yang boleh oleh kerana kita bimbang ini akan mencemarkan nama baik Malaysia. Kita sudah pergi ke mana-mana di luar negara Yang Berhormat. Kita tunjukkan bagaimana indahnya Malaysia, bagaimana harmoninya Malaysia, begitu baiknya Malaysia walaupun banyak orang nak gunakan kekecohan, rusuhan dan sebagainya macam-macam hendak mencemarkan nama Malaysia, tapi kita bagi pihak kerajaan masih mempromosikan Malaysia ini negara yang indah, negara yang harmoni, negara yang baik. Jadi, kita tak nak, macam politik juga, hendak mencemarkan dalaman negara, orang pelancong datang ke sini dia tunjukkan tak baik ataupun budaya -budaya yang tidak baik. Jadi, saya berharap pihak kementerian mengambil perkara yang khusus agar perkara ini tidak berlaku dan seterusnya berlaku sebagai kelaziman di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucap kepada kementerian ini tahniah kerana Kementerian Pengangkutan dengan usaha mereka telah mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara kita. Saya seorang yang peka dengan hal kemalangan di jalan raya Yang Berhormat, ialah semenjak tahun 70-an lagi, saya pernah menjadi ahli dalam Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia dan pernah menjadi pegawai traffic dan kita telah membincangkan perkara ini dari dulu lagi.

Dulunya Malaysia adalah sebuah negara yang terburuk sekali soalan kemalangan jalan raya sama dengan peringkat Jepun, Itali, Paris pada tahun 60-an juga selepas peperangan Jepun. Tetapi sekarang kita dah mencapai tahap yang begitu baik sekali sama dengan negara-negara maju, bahkan salah satu negara yang terbaik sekali daripada faktor-faktor kemalangan jalan raya, keselamatan di jalan raya.

Tapi dalam masa yang sama Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, dulu saya sendiri pernah menyarankan supaya semua fakta kemalangan, orang mati di jalan raya, benda yang negeri ditunjuk dalam televisyen, surat khabar dan sebagainya. So menggerunkan pihak masyarakat di negara ini supaya berjaga-jaga masa berada di jalan raya. Ini adalah satu fakta untuk membuat kesedaran kepada masyarakat Malaysia terutama pemandu supaya berjaga-jaga apabila masa dia marah.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ha, nak dekat nak gulung ni. Bila saya nak gulung, kadang-kadang train of thought terlepas, minta maaf. Jadi, kemalangan ini telah begitu berjaya sekali dijalankan oleh pihak kementerian dan kami ucapkan tahniah dan turun sampai hingga menjadi salah sebuah negara yang terbaik dari segi keselamatan jalar raya. Jadi, satu fakta Yang Berhormat, kita rekomen pada tahun 70-an itu, gunakan televisyen dan sebagainya. Ini apa yang saya sebut pada ketika itu ialah satu shock factor supaya orang tengok, dia terkejut tengok ini macam mana hodoh (gruesome) perbuatan di jalan raya itu. Jadi, pada masa sekarang oleh kerana fakta keselamatan ini telah baik, kita tarik semula pertunjukan dalam televisyen itu supaya jangan menggerunkan orang nak datang ke Malaysia, pelancong datang takut dia dengar di Malaysia ini banyak membunuh orang di jalan raya. Perkara negatif dia tunjuk kita di jalan raya, padahal jalan raya kita lebih selamat daripada banyak negara yang maju pun di seluruh dunia termasuk yang di Eropah dan di England dan juga termasuk di Australia...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Batang Lupar, cukuplah

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Jadi, tak payah tunjuk lagi benda yang gruesome, benda yang dahsyat, benda yang teruk, Tuan Pengerusi, saya minta maaf, sebelum habis sentence dan terima kasih saya menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Tanjong.

3.20 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima Tuan Pengerusi. Sukacita saya menyentuh Maksud B.47, Butiran 060000 - Pengangkutan Darat.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Badan Pencegah Rasuah telah menandatangani satu Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan Jabatan Pengangkutan Jalan. Matlamat bekerjasama untuk menangani masalah amalan korupsi di jabatan berkenaan. Mengikut Pengarah, Badan Pencegah Rasuah bahawa JPJ adalah satu jabatan kerajaan yang paling terdedah kepada amalan rasuah kerana sering ada urusan wang dan juga kuasa-kuasa untuk menentukan pemberian lesen dan lain-lain perkara di bawah jabatan ini.

Saya sangat mengalu-alukan perkara ini kerana Jabatan Pengangkutan Jalan memanglah dikenali sebagai sebuah jabatan kerajaan yang paling terdedah kepada amalan korupsi di mana orang-orang yang ada urusan dengan jabatan berkenaan sering mengadu bahawa kalau tidak ada wang sogokan memang susah untuk mendapat sesuatu daripada jabatan ini ataupun menerima perkhidmatan yang memuaskan.

Saya juga memerhatikan bahawa Ketua Setiausaha baru jabatan ini pun berikrar bahawa jabatan ini akan memberi kerjasama yang sepenuhnya kepada Badan Pencegah Rasuah sampai membongkarkan pegawai-pegawai yang terlibat, kawasan-kawasan ataupun pejabat-pejabat yang terlibat yang senantiasa boleh dianggap sebagai sasaran di mana amalan korupsi akan berlaku dan juga penyelewengan kuasa akan berlaku.

Saya mengalu-alukan komitmen dari Dato' Mohd. Sahar ini. Tetapi saya rasa ini tidak mencukupi Tuan Pengerusi, sebab saya rasa untuk menangani masalah korupsi di Jabatan Pengangkutan Jalan, menteri, timbalan menteri, dan setiausaha Parlimen juga haruslah memberi komitmen yang sama, kalau tidak lebih untuk menangani satu masalah yang sudah berlarutan begitu lama, sudah berdekad-dekad kita mendengar amalan korupsi dan penyelewengan kuasa di Jabatan Pengangkutan Jalan di mana saya berharap menteri yang sudah memegang jawatan ini melebihi 10 tahun ini memberi komitmen yang sama untuk menangani masalah amalan korupsi di JPJ supaya perkhidmatan yang cemerlang boleh diperolehi oleh rakyat Malaysia tanpa memberi sebarang wang sogokan.

Saya rasa Jabatan Pengangkutan Jalan seringkali dapat liputan di surat khabar. Ini antara lain, dasar-dasar yang akan dilaksanakan oleh jabatan ini tetapi banyak kali

apabila liputan mengenai JPJ, ini adalah berkenaan dengan penyelewengan ataupun amalan korupsi ataupun ada sesuatu yang tidak betul dilakukan oleh jabatan ini. Misalnya, baru-baru ini ada banyak kes yang membabitkan pegawai-pegawai JPJ yang memanipulasikan rekod-rekod pendaftaran, kenderaan-kenderaan yang sudah dicuri tetapi didaftar semula kepada orang-orang yang tidak syak tentang perbuatan ini.

Baru-baru ini ada laporan bahawa seramai 14 orang pembeli kenderaan yang sudah membeli kereta-kereta yang sudah dicuri tetapi dapat didaftar semula dengan JPJ ini berhasrat untuk mengambil tindakan terhadap JPJ kerana cuai dalam perkara ini, membenarkan kereta-kereta ataupun kenderaan-kenderaan yang sudah dicuri didaftar semula di atas nama yang baru. Mengikut laporan kejadian ini cuma, walaupun ada 14 orang sahaja yang telah dilaporkan baru-baru ini seperti dikatakan dalam laporan ini, perkara ini cuma “just the tips of the iceberg” satu quotation yang sering suka digunakan oleh Setiausaha Parlimen mengenai apa-apa yang terjadi di bawah kementerian beliau.

Jadi, saya rasa bukan sahaja JPJ tetapi menteri, timbalan menteri dan juga setiausaha Parlimen beliau perlulah melihat ini sebagai satu perkara yang sangat genting untuk memulihkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan, JPJ perlulah mengambil satu sikap yang tegas untuk menangani masalah korupsi di Jabatan Pengangkutan Jalan.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini ada juga laporan mengenai cadangan untuk menswastakan beberapa fungsi yang sekian lama dijalankan oleh JPJ seperti juga diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian. Apabila kita melihat siapakah yang akan mendapat projek penswastaaan ini kita akan menghubungkait seperti yang dituduhkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian bahawa memang ini satu usaha untuk memberi manfaat kepada syarikat-syarikat yang mempunyai kepentingan politik dengan orang-orang yang tertentu di mana mengikut cadangan penswastaaan ini selama 15 tahun diberikan kepada Urus Daftar Automatik Berkomputer Sdn Bhd, iaitu sebuah anak syarikat DRB Hicom Berhad.

Jadi, mengikut apa yang dihujah oleh Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian, saya bersetuju dengan pendapat beliau bahawa sebagai sebuah jabatan kerajaan yang boleh mengaut hasil yang begitu banyak, cadangan untuk menswastakan JPJ ini, fungsi-fungsi seperti mendaftar kenderaan, mengeluarkan lesen

pemandu dan juga lesen kenderaan komersial dan juga bahagian maklumat (information technology) ini adalah dilihat sebagai satu cadangan yang tidak dapat memenuhi syarat-syarat penswastan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan sendiri.

Jadi, saya haraplah kementerian berkenaan tidak mengambil jalan yang senang keluar dari menangani masalah-masalah di JPJ seperti yang saya utarakan tadi, masalah korupsi dan penyelewengan kuasa dengan menswastakan bahagian-bahagian ini. Sama ada kerajaan boleh memberi jaminan bahawa ekoran penswastan fungsi-fungsi utama JPJ ini ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Chow Kon Yeow: Ya, terima kasih.kita akan dapat perkhidmatan yang lebih baik ataupun penswastan ini akan terus melihat gejala-gejala amalan korupsi dan penyelewengan kuasa di mana pada akhirnya pengguna-pengguna dan rakyat jelata tidak mendapat perkhidmatan yang memuaskan melainkan memberi wang sogokan. Saya berharap kementerian berkenaan akan mengambil serius tentang perkara yang saya utarakan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Sipitang.

3.30 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang singkat yang diberikan ini. Saya ingin mengambil bahagian di bawah B.47 butiran 030000 iaitu Pengangkutan Laut Sabah di bawah program 030300, Hal Ehwal Pelaut dan Pelabuhan Sabah.

Tuan Pengerusi, pada masa ini pelabuhan Kota Kinabalu telah mula sesak dan kedudukannya adalah terletak betul-betul di tengah Bandaraya Kota Kinabalu. Jadi sesuai dengan kedudukan Kota Kinabalu yang telah diisytiharkan sebagai bandar raya pertama alaf baru pada Februari tahun ini, pelabuhan ini saya merasakan tidak lagi begitu sesuai untuk tempat memunggah barang-barang khususnya barang-barang yang berasaskan pukal yang begitu banyak kerana kedudukannya bersebelahan dengan bandar raya ini. Pelabuhan ini memang lebih sesuai untuk terminal penumpang. Saya difahamkan bahawa pelabuhan baru di Teluk Sempagar dan pelabuhan baru di kawasan Taman Perindustrian Kota Kinabalu iaitu KKIP akan dirancang. Bolehkah kementerian memberi penjelasan kedudukan pelabuhan Kota Kinabalu ini walaupun di bawah Lembaga Pelabuhan-pelabuhan Sabah dan apakah rancangan masa depan tentang pelabuhan Kota Kinabalu ini yang semakin sehari semakin

banyak permintaan. Ditambah pula dengan kedudukan Kota Kinabalu iaitu di Teluk Sempagar akan ada terminal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) yang mana rancangan masa panjang akan menempatkan banyak kapal-kapal perang dan juga terminal kapal selam di kawasan tersebut. Apakah ada rancangan untuk mengubahsuai ataupun melihat tempat lain yang lebih sesuai untuk pelabuhan Sabah dalam jangka masa yang panjang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, juga Sabah merupakan kalau kita lihat daripada segi strategik kedudukan ia adalah di tengah-tengah di kawasan Asean ini iaitu pada masa ini kerajaan telah pun berunding mengenai dengan mempromosikan program pertumbuhan ekonomi kawasan timur ini iaitu BIMP-EAGA yang melibatkan Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina. Jadi Sabah ini sesuai kedudukannya di tengah-tengah. Apakah ada usaha-usaha atau apakah usaha kementerian untuk mempromosikan Kota Kinabalu ini sebagai satu pusat yang boleh berkembang supaya ia boleh digunakan oleh negara-negara jiran di dalam BIMP ini dan juga supaya tahu kepada pelabur-pelabur asing khususnya daripada Jepun dan juga Korea dan juga negara-negara Eropah yang mana boleh memberikan peluang kepada mereka untuk memindahkan barangkali kilang-kilang mereka, industri mereka dengan keadaan di Sabah yang mana kedudukan yang strategik dan juga buruh yang banyak dan murah.

Tuan Pengerusi, juga saya ingin bertanya dari segi kedudukan pelabuhan-pelabuhan di Sabah ini. Apakah ada penyelarasan supaya mengguna pakai keseluruhan pelabuhan di Sabah ini diselaraskan iaitu di Tawau, Sandakan, Kota Kinabalu dan ada satu lagi pelabuhan iaitu pelabuhan di kawasan saya iaitu di Sipitang yang pada masa ini pelabuhan ini walaupun kedudukannya juga strategik iaitu yang paling sela tan sekali terletak di antara Sabah dengan Sarawak berjiran dengan Wilayah Persekutuan Labuan, berjiran dengan negara Brunei Darussalam. Pelabuhan ini begitu dalam dan boleh memasukkan kapal-kapal yang berat sehingga 20,000 atau 30,000 tan barangkali. Apakah pelabuhan ini tidak akan dipromosikan dengan kedudukan yang begitu strategik kerana pada masa ini pelabuhan ini cuma dikawal ataupun dikendalikan oleh kilang Sabah Forest Industries iaitu di bawah Lion Group.

Tuan Pengerusi, jikalau pelabuhan Sipitang ini dipromosikan dan juga diberi pendedahan kepada negara lain ataupun pengguna-pengguna pengangkutan laut ini,

pelabuhan ini boleh digunakan sebagai port of entry untuk memasukkan ataupun mengeluarkan barang-barang daripada kawasan pedalaman Sabah, Sarawak dan juga sebagai jalan masuk daripada luar negeri ke Sabah dan Sarawak. Dan sudah tentu kos untuk pengangkutan jalan untuk mengangkut barang-barang kalau dimuat daripada Kota Kinabalu akan lebih murah jikalau dimasukkan melalui Sipitang. Begitu juga dengan hasil-hasil kawasan pedalaman seperti Lawas, kawasan Limbang, Tenom, Keningau, hasil-hasil ini boleh diturunkan di Sipitang sebelum dieksport kerana kedudukan Sipitang yang strategik dan juga dalam ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di bawah program butiran 070000 iaitu Jabatan Keretapi. Tadi juga disentuh tentang kedudukan tanah KTM di Singapura dan Woodlands. Apakah telah selesai dibincang dengan kerajaan negara jiran kerana sejak akhir-akhir ini kerajaan negara jiran ini tidak begitu sensitif dan tidak begitu bersimpati dengan kita, tidak memihak kepada kita. Seperti yang dikeluarkan dalam dua artikel di surat khabar mereka iaitu yang pertama isu tentang campur tangan mereka terhadap urusan negara kita iaitu meminta Perdana Menteri ditukar sedangkan ini adalah urusan negara kita. Yang kedua iaitu isu kalau dibaca surat khabar iaitu membesarkan isu wabak penyakit kuku dan mulut yang mereka mengatakan bahawa kita mempunyai wabak di Malaysia sedangkan kes ini tidak ada lena mengena. Ia cuma adalah sporadic cases seperti yang dijelaskan oleh Menteri Kesihatan. Saya minta penjelasan daripada kementerian kedudukan perkara ini dan sebolehnya perkara ini diselesaikan secepat mungkin dan apakah rancangan kita untuk menyelesaikan perkara ini.

Tuan Pengerusi, saya juga minta penjelasan tentang kedudukan rancangan Keretapi Lintas Asia yang dibuat daripada Singapura melalui Malaysia, Thailand, Kemboja, Laos, Vietnam dan juga negara China. Apakah kedudukan program ini pada masa ini dan apakah keuntungan program ini kepada negara kita jikalau kita melibatkan projek ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, minta gulung Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Gulung ini, Tuan Pengerusi. Saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai dengan isu di bawah Pengangkutan Darat secara menyeluruh iaitu isu keselamatan jalan raya. Kita ucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan yang menangani masalah ini dengan baik dan juga

beberapa usaha untuk mengurangkan kadar kemalangan jalan raya. Saya melihat di televisyen setiap hari, Tuan Pengerusi, saya begitu gerun melihat bahawa kadar kemalangan jalan raya di negara kita ini walaupun sudah ada kempen tetapi masih berlaku kemalangan lebih kurang 700 hingga 1,000 kemalangan setiap hari dengan kemalangan maut yang agak tinggi juga dan mengorbankan tidak kurang daripada 7 hingga 10 orang mati setiap hari. Tetapi mengikut data yang saya perolehi, Tuan Pengerusi, kerajaan telah bertindak baik. Pada tahun 1990 misalnya jumlah kenderaan di negara kita ialah 5,462,792. Bilangan kemalangan ialah 146,747 dan bilangan kemalangan adalah 87,999 dengan kematian 4,048. Jadi ini bererti kalau kita congakkan 7.4 kematian setiap 10,000 kenderaan. Dan pada tahun 1999 (tahun sudah) dua kali ganda pertambahan kenderaan. Kita ada 9,929,951 kenderaan. Tetapi kenderaan yang terlibat cuma 331,861 dan bilangan kemalangan adalah 223,116. Tetapi kematian tidak banyak berbeza dengan apa yang berlaku 1990 hasil daripada kempen kita ini iaitu kematian sebanyak 5,791 dengan kadar kematian 5.8 kematian setiap 10,000 kenderaan.

Jadi saya ucap tahniah kepada kementerian atas usaha ini walaupun usaha telah dibuat tetapi masih juga berlaku kemalangan ini. Jadi apakah sebenarnya punca yang dikenal pasti benar-benar menjadi punca kemalangan ini. Saya harap kementerian dapat menjelaskan. Dan untuk ini, mengikut pemerhatian saya juga bahawa faktor kenderaan yang pertama adalah menjadi punca; yang kedua, faktor jalan raya; yang ketiga, faktor pemandu ataupun manusia itu sendiri; yang keempat, peraturan-peraturan yang ada.

Saya minta penjelasan daripada kementerian usaha-usaha yang dibuat sekarang ini apakah aspek keselamatan jalan raya ini ditekankan supaya kenderaan-kenderaan kita ini disemak setiap tahun. Memang Puspakom ada membuat pemeriksaan kenderaan, tetapi cuma kenderaan-kenderaan perdagangan, apakah tidak boleh kenderaan awam juga diperiksa supaya, dengan izin, Tuan Pengerusi, *fit all the times* dengan kos yang begitu minimum.

Yang kedua, mengenai penguatkuasaan (enforcement). Apakah dasar yang kita ada sekarang ini memastikan bahawa keadaan keselamatan negara kita ini terjamin dengan penguatkuasaan ini, kalau boleh kementerian memberi penjelasan.

Yang ketiga, faktor pemandu ini, apakah pemandu yang ada sekarang ini sudah diajar secukupnya atau diberi penerangan secukupnya ataupun perkara yang

lebih lagi dibuat untuk mendidik pemandu kita ini supaya menjadi pemandu yang berhemah.

Tuan Pengerusi, kalau boleh juga saya minta kementerian memberi sedikit penerangan mengenai dengan research, dengan izin, ataupun penyelidikan yang dibuat mengenai dengan pelaksanaan (enforcemen) ataupun penguatkuasaan pendidikan dan cara-cara lain untuk mempromosikan keselamatan di jalan raya ini. Kalau boleh dapat kementerian memberi penjelasan.

Yang akhir, Tuan Pengerusi, kalau boleh,apakah lagi yang akan dibuat oleh kementerian supaya negara kita ini betul-betul selamat seperti negara-negara lain di dunia ini. Walaupun sekarang kedudukan kita begitu baik kalau kita bandingkan Malaysia ini setimpal dengan negara Belgium. Belgium misalnya kematian setiap 10,000 kenderaan adalah 5.3, Malaysia 5.8, tetapi kalau boleh kita hendak sama dengan yang ada di Amerika iaitu 1.9 kematian setiap 10,000 kenderaan dan juga di Great Britain 1.8 kematian setiap 10,000 kenderaan.

Kita tidak mahu ikut negara-negara lain seperti di negara Afrika yang 190 kematian setiap 10,000 kenderaan. Jadi apakah.....

Tuan Pengerusi: Cukuplah ,Yang Berhormat .

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:rancangan kementerian supaya dapat ini dicapai. Jadi saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

3.43 ptg.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, Saya ingin bercakap juga di bawah B 47 Kementerian Pengangkutan dan khususnya di bawah Kepala 43001 Lapangan Terbang Kota Bharu yang diperuntukkan sebanyak RM6,000,000 di sini.

Pertamanya hendak diperbetulkan di sini ialah Lapangan Terbang Kota Bharu ialah Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra namanya. Peruntukan telah diberikan sebanyak RM6,000,000 itu sebenarnya pada pandangan saya ialah peruntukan yang terlalu kecil dan barangkali ianya hanya peruntukan untuk kegunaan menara kawalan sahaja, ataupun dengan izin, *control tower* untuk DCA. Sepatutnya perkara-perkara yang lebih mustahak didahulukan dahulu iaitu terutamanya untuk pembinaan terminal dan pembinaan landasan. Tetapi saya pun tidak dapat pastikan

apakah menara kawalan itu didahulukan dan terminal serta landasan di kemudiannya.

Yang paling penting sekarang ini ialah kalau kita lihat dan perhatikan sebahagian besar di kalangan rakyat khususnya penumpang-penumpang kapal terbang ini merungut tentang landasan itu sendiri, kerana semua yang menaiki kapal terbang ke Kota Bharu sentiasa merasai cemas apabila kapal terbang landing, dengan izin, ataupun mendarat di lapangan terbang tersebut kerana landasannya yang terlalu pendek iaitu kira-kira 6,500 kaki sahaja sekarang ini, yang menyebabkan barangkali boleh dikatakan keseluruhan penumpangnya apabila sahaja kapal terbang ini landing atau mendarat semuanya terhinggut-hinggut, boleh dikatakan demikian.

Saya dimaklumkan landasan ini sebenarnya tidak selamat mengikut pandangan ILS (Instrument Landing System) dan dengan itu saya juga terlalu bimbang, barangkali sahabat-sahabat yang lain juga terlalu bimbang, takut-takut perkara ini akan berlaku sewaktu pendaratan ini akan berlaku sepertimana yang berlaku di Lapangan Terbang Kuching dan di Surat Tani Thailand, di mana kapal terbang terbabas dan merempuh pagar di hadapan landasan tersebut, kerana barangkali landasan ini terlalu pendek.

Di sini saya mencadangkan paling kurangnya landasan ini ditambah lebih kurang 2,000 kaki lagi jumlahnya, lebih kurang 8,500 kaki panjangnya bagi membolehkan kapal terbang jenis yang besar mendarat iaitu seperti Air bus dan juga Boeing 747. Bagi membuktikan kerajaan Kelantan dan rakyat Kelantan begitu bersungguh-sungguh untuk mendapat perhatian Kerajaan Persekutuan maka kerajaan Kelantan lebih kurang 15 tahun yang lepas telahpun mengambil tanah ataupun acquire tanah tersebut untuk dipanjangkan landasan ini, tetapi hingga sekarang ini nampaknya hanya pagar sahaja yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan bagi memagar kawasan yang telah Kerajaan Kelantan mengambil alih daripada rakyat itu dan dan diberikan kepada pihak DCA.

Perkara ini patut kita ambil perhatian oleh kerana Kelantan akan berdepan dengan pintu masuk daripada Thailand apabila AFTA nanti akan dilaksanakan. Kita yakin dan percaya penambahan kargo di lapangan terbang ini akan boleh meningkat dengan begitu tinggi kerana barang-barang daripada Thailand juga merupakan pintu masuk daripada Pantai Timur ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian khususnya Menteri, penerbangan berulang-alik daripada Kota Bahru-Kuala Lumpur, Kuala Lumpur-Kota Bahru sekarang ini ialah sebanyak lebih kurang 610 kali setiap bulan dan saya yakin dan percaya di Pantai Timur ini memang inilah di antara Lapangan Terbang yang paling sibuk. Purata penerbangan ialah 20 penerbangan setiap hari. Kadang-kadang terpaksa ditambahkan daripada 20 ke-30 penerbangan setiap hari terutama sekali di musim-musim perayaan dan musim-musim haji.

Dari rekod penumpang pula ialah seperti berikut iaitu pada tahun 1998 seramai 551,124 orang penumpang dan dalam tahun 1999 seramai 471,631 orang penumpang. Ini ada sedikit pengurangan dari segi penumpangnya kerana pada tahun ini juga berlaku Pelangi Air tidak lagi beroperasi di sini dan juga dengan terbukanya lapangan terbang KLIA menyebabkan sebahagian penumpang merasai terjejas penerbangan ke Kuala Lumpur ini. Itu ada sedikit perbezaan di antara 1998 dan tahun 1999.

Tuan Mohamad bin Sabu: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Apakah pihak Rantau Panjang bersetuju untuk memohon kepada kerajaan pulihkan semula penerbangan Kuala Lumpur -Penang-Kota Bahru dan Kuala Lumpur -Alor Setar-Kota Bahru yang telah dihentikan begitu lama bila Pelangi Air mengambil alih. Sekarang Pelangi Air menghentikan operasinya maka penumpang daripada Penang ke Kota Bahru amat susah sekarang. Pulihkan semula khidmat MAS antara Kuala Lumpur-Penang-Kota Bharu dan Kuala Lumpur-Alor Setar- Kota Bahru. Apakah setuju minta kerajaan pulihkan semula penerbangan itu?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Ya, pihak Rantau Panjang khususnya memang terlalu bersetuju dengan pandangan yang diberikan oleh Kuala Kedah sebentar tadi. Untuk makluman, sebenarnya MAS memberhentikan penerbangan Kota Bahru- Alor Setar ini kerana pihak Pelangi Air pada awalnya membuat penerbangan. Tetapi sayangnya oleh kerana hayat Pelangi Air daripada Kota Bahru-Alor Setar ini tidak begitu panjang, maka mereka memberhentikan operasinya. MAS juga sehingga sekarang ini masih tidak boleh diteruskan. Saya mengharapkan supaya pihak kementerian ini memberi laluan balik kepada MAS

untuk meneruskan penerbangan daripada Kota Bahru-Alor Setar, Alor Setar-Kota Bahru.

Menyentuh masalah kargo, kargo pula sekarang ini pada tahun 1990 Kargo sebanyak 317,000 kilo ataupun kira-kira 317 tan dan pada bulan Mei pula ialah 205,000 kilogram dan setahun sekali kita bertemu dengan kesesakan penerbangan. Ini ialah apabila musim haji dan Kelantan tahun 1999 dahulu lebih kurang 3,000 penumpang haji bertolak daripada Kota Bahru ke Kuala Lumpur ini. Dan hasil pada itu, kita yakin apabila landasan ini ditambah dipanjangkan, maka Boeing 747 ataupun Airbus akan dapat turun di Kota Bharu ataupun mendarat di Kota Bharu dan saya percaya pihak Tabung Haji juga akan membuat urusan supaya penerbangan terus dari Kota Bharu ke Jeddah bagi dilaksanakan pada masa hadapan ini apabila landasan ini dipanjangkan.

Dan di atas sebab-sebab itulah, saya yakin dan percaya dan saya minta kepada pihak kementerian supaya mengambil kira yang manakah lebih dahulu ataupun yang manakah yang patut didahulukan di antara terminal, di antara tower dan di antara landasan ini. Dan saya pun tidak faham dengan cara pemikiran ataupun cara memikir oleh pihak kerajaan, di mana apa yang diminta oleh kerajaan ialah untuk memanjangkan landasan dan Kerajaan Kelantan sendiri pun telah mengambil tanah rakyat ini dan sudah pun dibayar dan telah diserahkan kepada DCA. Tetapi yang diluluskan oleh kerajaan ialah hanya tower, walaupun tower baru, tower yang lebih 'bermampu' tetapi kalau landasan itu pendek, maka kapal terbang yang lebih besar tidak akan dapat mendarat juga.

Jadi, di atas alasan apakah perhitungan dibuat oleh pihak kementerian ini. Demikian juga barangkali saya dimaklumkan ura-uranya RM40,000 diminta untuk dibina dengan terminal baru, itu pun juga kalau digunakan terminal yang lama pun tidak menjadi masalah, kalau landasan itu dipanjangkan. Jadi, saya mintalah pihak kementerian supaya memberi jawapan kepada saya dan khususnya rakyat sedang menunggu untuk mendengar jawapan logiknya daripada kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat, minta gulung ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Menyentuh masalah Butiran 08700 – Penswastaaan Pelabuhan Kuantan yang diperuntukkan sebanyak RM96 juta. Ini juga menjadi satu pertanyaan kepada saya, terutamanya ialah apa alasan yang sebenarnya Pelabuhan Kuantan ini hendak diswastakan, sedangkan kerajaan telah

menanggung beban malu kepada umum di mana pelabuhan ini peringkat awal dahulunya dimaklumkan tidak sempurna iaitu berlaku keretakan di atas pelabuhan tersebut, kemudian dimaklumkan kepada rakyat seluruhnya mengatakan pelabuhan ini tidak maju kerana sebahagian besar di kalangan pemimpin tidak bertanggungjawab untuk mengusahakan memajukannya dan banyak lagi alasan-alasannya. Tetapi akhirnya nampaknya kerajaan terpaksa surrender dan kerajaan nampaknya hendak menswastakan pelabuhan ini.

Persoalannya ialah kenapakah sebanyak RM96 juta diperuntukkan sedangkan ianya hendak diswastakan dan barangkali kalau saya meletakkan satu pertanyaan, saya rasa tidak begitu keterlaluan kalau saya mengatakan, saya mengandaikan bahawasanya peruntukan diberikan sebanyak RM96 juta kepada pelabuhan ini oleh kerana ianya akan diswastakan kepada kroni-kroni tertentu barangkali, untuk memudahkan mengaut untung pada kroni tertentu ataupun untuk memudahkan syarikat-syarikat yang akan mengambil alih pelabuhan ini menjalankan tugasnya dengan sempurna oleh kerana kerajaan telah pun memperuntukkan sebanyak wang tersebut. Itulah sahaja Tuan Pengerusi, dan saya sekali lagi menyeru kepada pihak kementerian ini supaya berhati-hati di dalam memperuntukkan peruntukan yang diberikan ke kepala-kepala yang saya sebutkan sebentar tadi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka.

3.54 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya merujuk kepada Butiran 080000 – ‘One Off’ program, 080300 – Program Pengawasan dan Masalah Keselamatan Jalan Raya (Pengangkutan Darat).

Tuan Pengerusi, mengikut angka yang dikeluarkan oleh Kementerian Pengangkutan bagi tempoh daripada tahun 1996 kepada tahun 2000, jumlah orang yang mati dalam Operasi Statik semasa Operasi Statik dijalankan adalah setiap tahun iaitu tahun 1996 – 321 orang, tahun 1997 – 262 orang, tahun 1998 – 274 orang dan tahun 1999 – 203 orang dan pada tahun ini 220 orang.

Dan angka ini telah dijadikan sebagai satu bukti bahawa kempen ini telah berjaya dan pada tempoh hari Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri semasa menjawab satu soalan telah berkata bahawa kekurangan saman yang dikeluarkan pada tempoh Operasi Statik di jalankan itu menunjukkan juga bahawa kempen ini telah berjaya. Saya tidak bersetuju bahawa kempen ini telah berjaya oleh

kerana kalau kita lihat secara keseluruhannya, jumlah orang yang mati dalam nahas jalan raya sebenarnya telah meningkat.

Pada tahun 1997 ialah 6,302 orang, tahun 1998 ialah 5,744 orang dan pada tahun 1999 adalah 5,791 orang dan saya masih ingat dalam tahun 1992 Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah berkata bahawa purata orang yang mati dalam kemalangan jalan raya pada tahun 1992 ialah 358 orang sebulan. Ini bermakna pada tahun 1992 jumlah orang yang mati dalam nahas jalan raya adalah dekat dengan angka 4,300. Jadi, kalau kita masih ingat, saya juga hendak mengingatkan Dewan yang mulia ini, iaitu pada tahun 1992 Yang Berhormat Menteri Pengangkutan telah berkata bahawa, "*Kerajaan telah berazam ingin mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya kita sebanyak 30% pada tahun 2000.*" Adakah kita telah capai atau kalau kita lihat angka ini, angka ini telah meningkat dan angka ini adalah angka yang begitu dahsyat oleh kerana pada tahun 1992 apabila purata orang yang mati dalam nahas jalan raya adalah 358 sebulan, kerajaan sendiri telah berkata bahawa kadar kemalangan di Malaysia adalah yang paling tinggi dalam dunia dan apabila angka itu telah meningkat menjadi de kat 6,000 bagaimana kita boleh kata bahawa kempen yang dijalankan oleh kerajaan adalah berjaya.

Jadi, saya tidak bersetuju dan mengikut strategi yang telah digunakan oleh kementerian ialah 3E iaitu (enforcement, engineering dan education). Dan saya telah kata bahawa 3E telah menjadi 3A iaitu 'accident, accident, accident'. Dan mungkin kita kena tambah satu E lagi iaitu 'expulsion', orang yang tidak cekap itu kita harus buang dan saya kesallah setiap tahun apabila kita membahaskan Usul ini atau mengenai perbelanjaan, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan tidak pernah hadir di sini.

Tuan Pengerusi, yang kedua, kerajaan juga sentiasa berkata bahawa punca utama kemalangan berlaku di Malaysia ialah kecuaiian atau sikap buruk pemandu-pemandu dan kerajaan juga telah membuat kesimpulan bahawa kalau saya tidak silap 95% kemalangan adalah berpunca dari sikap orang yang tidak baik. Saya juga tidak bersetuju, kalau betul-betul ini adalah satu kesimpulan yang saintifik, apakah sebabnya 94% kemalangan berlaku di jalan-jalan bukan jalan raya, ini bermakna bahawa jalan-jalan yang baik akan mengurangkan kemalangan jalan raya. Jadi, kita tidak boleh buat kesimpulan yang begitu simple sahaja.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:
Boleh?

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti sekejap sahaja, saya akan beri. Jadi, saya tidak bersetuju sebab kalau express ways kalau kemalangan berlaku begitu rendah, ini memang bermakna bahawa ada banyak faktor, quality of the roads, hujankah ataupun ada faktor-faktor yang lain.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat bagi Kota Melaka sedar bahawa Yang Berhormat sebutkan tadi bahawa perancangan jalan-jalan yang baru, jalan-jalan yang moden, terutama pembinaan highway, lebu-lebuh raya adalah faktor-faktor yang mengurangkan Di highwaylah, di lebu rayalah, jumlah accident atau kemalangan amat berkurangan berbanding dengan jalan-jalan lain, tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam masa kerajaan merancang untuk membina jalan-jalan raya dan lebu-lebuh raya, DAP adalah orang yang pertama, yang lantang menentang mengatakan ini membazir dan itu membazir, tetapi hari ini menunjukkan lebu raya telah menunjukkan penurunan ataupun pengurangan accident yang hampir-hampir, saya tidak berani kata sifar, tetapi jumlahnya amat kurang, bermaknanya tentangan yang dibuat oleh DAP dahulu tidak memikirkan secara terperinci apa yang hendak dicapai, bahkan pada masa mereka membuat penentangan dahulu, mereka hanya membuat penentangan kerana kerajaan merancangnya, dan kerana DAP itu hanya menentang.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Pengerusi, apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sebenarnya adalah tiruan apa yang telah diperkatakan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Arau, saya pernah dengar. Ini semua cerita tak benar, saya harap Yang Berhormat dari Barisan Nasional jangan baca akhbar-akhbar yang dikawal oleh kerajaan sahaja.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti saya cakap dahulu, saya belum habiskan. Cerita yang sebenarnya, kita tidak tentang pembinaan lebu raya, kita tentang tol yang tidak berpatutan, kita tentang concession ang diberikan kepada pihak kontraktor ini semua tanpa ketelusan. Saya tidak tahu di mana Yang Berhormat dapat maklumat yang tidak betul, boleh masuk baca kita punya home page, kita ada archive, semua kita press statement kita ada, sila pergi baca press statement yang betul yang dikeluarkan oleh DAP, jangan sebut semua yang tidak betul.

Dan saya sebab masa tidak mengizinkan, saya akan memetik lagi satu, pengumuman yang pernah dikeluarkan oleh Dr. Aminuddin Adnan dari Fakulti Kejuruteraan, Universiti Malaya, kalau saya tidak silap, dia pernah menjadi pengerusi Jawatankuasa Kempen Keselamatan dan beliau berkata, saya quote, Tuan Pengerusi. *“Such roads in Malaysia are nice and quiet to drive on in dry weather but dangerous beyond certain speeds in wet weather. Comparing our road surfacing today with those in Britain, it would be probable that some of our trunk roads or even express ways may be relegated to 65 kilometers per hour speed limit road.”*

Saya pernah timbulkan soalan ini pada tahun 1992 tetapi Menteri tidak jawab, Timbalan Menteri tidak jawab. Ini daripada pakar yang pernah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan. Jadi, saya harap pihak kementerian dapat memberi satu jawapan.

Sekarang saya beralih kepada Butiran 06000 Pengangkutan Darat berkenaan dengan Program 060500 Penguatkuasaan Undang-undang. Saya masih ingat pada tahun lalu, 4 November, Yang Berhormat Menteri pernah menjawab satu soalan daripada Yang Berhormat bagi Alor Gajah dan Yang Berhormat Menteri mengatakan pada masa itu sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri bahawa tindakan pihak JPJ menyenaraihitamkan pemandu-pemandu atau pemilik-pemilik kereta yang tidak menjelaskan bayaran adalah tidak adil. Boleh ingat ya, Yang Berhormat Menteri? *[Merujuk kepada Yang Berhormat bagi Padang Besar]* Jangan nafikan, saya ada keratan surat khabar di sini ya. *[Menunjukkan keratan akhbar tersebut]* Nama pun ada, Dato' Haji Azmi bin Khalid....

Jadi, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan itu dia tidak faham perasaan pemilik-pemilik kereta, jadi saya harap Yang Berhormat Menteri tolong bisik dengan dia, apakah perasaan, apakah ketidakadilan yang telah dikenakan kepada pemilik-pemilik kereta dan betapa susahnyanya mereka apabila kereta mereka disenaraihitamkan. Saya berharap supaya kementerian dapat menghapuskan tindakan yang tidak adil ini seperti juga dipersetujui oleh kawan saya sana.

Lagi satu, berkenaan dengan cermin gelap. Saya tidak faham apakah sebabnya cermin gelap itu kita kenakan syarat yang begitu ketat sekali, sedangkan menteri-menteri boleh pakai kereta yang ada cermin gelap. Kalau mereka ada masalah kulit, carilah Dr. Tan Seng Giaw – dia pakar kulit! *[Ketawa]* Apakah sebab orang atasan boleh gunakan cermin gelap sedangkan orang bawah tidak boleh, rakyat pun tidak

bolehkah? Kita semua tahu bahawa cuaca di Malaysia ini memang begitu teruk sekali, begitu panas sekali. Jadi, saya juga harap supaya kementerian jangan mengadakan cara-cara yang akan menyusahkan rakyat. Sebenarnya saya tahu sesiapa yang telah ditangkap kerana memasang cermin gelap yang tidak mengikut peraturan kena RM300. RM300 itu mahal ya.

Lagi satu, yang akhir sekali Tuan Pengerusi, telah begitu banyak kali kementerian menundakan keputusan untuk memaksakan syarikat bas ekspres untuk memasang kotak hitam dan saya tidak tahu apakah sebabnya. Adakah desakan atau kena pressure tetapi baru-baru ini, tidak lama dahulu, saya ada keratan surat khabar di sini, Menteri Pengangkutan berkata bahawa kemungkinan kementerian akan mengkaji balik sama ada hendak memaksa syarikat bas ekspres untuk memasang kotak hitam (black box). Saya juga tidak faham rasional sebab bas-bas ekspres ini. Kalau kita pandu kereta di atas jalan raya, kadang-kadang teruk – dia boleh lawan dengan kereta lain, Mercedes pun dia boleh lawan! Jadi, kalau kita betul-betul hendak menjayakan Kempen Keselamatan Jalan Raya, saya rasa keputusan yang pernah dibuat beberapa tahun lalu hendaklah dilaksanakan. Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya Tanah Merah, lepas itu kementerian menjawab. Sila
4.05 ptg.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Berhubung dengan Kementerian Pengangkutan di bawah B.47, kita lihat kepada objektif ringkas kementerian ini sendiri iaitu untuk memajukan sistem pengangkutan, sama ada pengangkutan darat, laut dan udara supaya lebih selamat, cekap dan seimbang. Jadi, saya ingin menyentuh beberapa aspek dari segi keselamatan dan kecekapan.

Di bawah Butiran 06000 iaitu di bawah Pengangkutan Darat. Saya telah menerima aduan dan juga perbincangan dengan beberapa orang mewakili persatuan motosikal besar ataupun motosikal berkuasa tinggi di sekitar Kuala Lumpur ini yang telah menyatakan masalah yang mereka hadapi kerana kita tahu penunggang-penunggang motosikal pada hari ini bukan lagi terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah tetapi terdiri daripada golongan-golongan yang mempunyai kewangan yang lebih daripada kemampuan. Jadi, selain daripada mengelakkan kesesakan dan juga perkara lain, mereka juga menyuarakan bahawa mereka juga adalah terdiri daripada mereka yang membayar road-tax dari segi penggunaan jalan

raya tetapi masalah mereka kurang diambil tindakan. Umpamanya, laluan motosikal yang sedia ada adalah terlalu sempit dan jalannya adalah berlopak-lopak terutama sekali bila musim sekarang ini musim hujan, mereka terpaksa mencari arah-arah atau laluan yang selamat, sedangkan mereka menggunakan motosikal yang besar sampai 1,000 cc lebih, agak sukar untuk menggunakan jalan yang seperti ini.

Yang ketiganya, terdapat corners ataupun selekoh-selekoh yang masih bahaya sampai ada yang 90 darjah dan kadang-kadang mereka terpaksa terserempak dengan motosikal lain dan seterusnya terdapat juga terowong-terowong yang gelap dan tidak dipasang lampu secukupnya dan kadangkala di sini juga berlaku samun di mana pengguna-pengguna motosikal yang tidak bertanggungjawab mungkin menyamun mereka yang berjalan kaki yang terpaksa menggunakan terowong, laluan bawah tanah yang sama. Itu dari segi motosikal yang hendak saya utarakan kepada pihak kementerian.

Yang seterusnya ialah mengenai pengangkutan darat ini juga, saya lihat di Parlimen saya sendiri – di kawasan Tanah Merah, masih terdapat jalan yang menghubungkan rancangan pemulihan tanah ataupun RPT Prala dan juga RPT Ulu Bertam ke kawasan Kuala Tiga di mana jalannya bukan panjang – lebih kurang 15 kilometer sahaja tetapi pembinaannya telah dimulakan pada tahun 1990 lagi, sampai sekarang belum siap dan saya pernah meninjau keadaan jalan ini. Kerja-kerja pelaksanaan yang dibuat hanya lebih kurang tidak sampai 50% dan sudah pun dua kali sebut harga semula ataupun tender semula (re-tender) dibuat untuk jalan ini dan keadaannya agak sukar dan menyusahkan penduduk-penduduk terutama sekali peneroka.

Pernah berlaku satu peristiwa pada tahun ini - dua peristiwa yang rasanya menyayat hati kita di mana isteri peneroka pada bulan Januari dan bulan Februari yang lepas tidak dapat ke hospital untuk bersalin tetapi terpaksa bersalin di atas Land Rover kerana jalan yang berlopak mungkin. Tuan Pengerusi tahulah, bersalin ini tidak boleh hendak control, jadi jalan berlopak itu menyebabkan dia bersalin di atas Land Rover dan yang kedua seorang lagi terpaksa bersalin di atas wakaf kerana tidak tahan, tidak sampai hendak keluar ke jalan besar terpaksa berhenti di tengah jalan dan bersalin di wakaf. Jadi, keadaannya kita lihat, ini juga saya mintalah Menteri, sudah keluar dah Menteri Pembangunan Luar Bandar juga terlibat sama di dalam program ini, dalam pelaksanaan ini. Kita mintalah supaya pelaksanaan jalan-jalan ini bukan

sahaja ditumpukan di kawasan bandar tetapi pengangkutan ini penting bagi penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Seterusnya kita lihat pada hari ini perbezaan standard di antara jalan lebuhraya dengan jalan Persekutuan. Kita pernah bertanya di Dewan yang mulia ini, mengapa jalan-jalan di lebuhraya lebih baik dan jalan Persekutuan begitu tertinggal, tetapi jawapannya kita tahu, pihak kerajaan telah jawab, “.....kerana itu telah diswastakan dan kutipan tol dibuat.”

Saya ingin bertanya, adakah pihak kementerian masih tidak mencukupi dengan bayaran road tax yang telah dibayar oleh pengguna-pengguna jalan raya untuk membaiki jalan-jalan persekutuan ini. Kerana bila disebut, kita tahu kadar kematian terlalu tinggi di jalan persekutuan, tetapi bila diminta supaya membaiki dan meninggikan taraf jalan-jalan persekutuan ini perbandingan selalu dibuat di antara jalan persekutuan dengan jalan lebuhraya. Jadi, di sini saya mintalah kementerian supaya lebih mementingkan, bukan mementingkan keuntungan tetapi lebih mementingkan keselamatan pengguna kerana kita tahu masih banyak jalan-jalan persekutuan ini yang keadaannya berlubang-lubang, tidak ada pembahagian jalan ataupun road divider dan tidak ada tanda-tanda jalan yang selamat yang boleh dipatuhi sepenuhnya.

Selain dari itu, berhubung dengan butiran 060400 – Pengujian dan Perlesenan Pemandu. Setakat hari ini, ramai daripada rakyat Malaysia yang mengadu, saya rasa kita semua pun bersetuju, kita ada anak-anak ramai, apabila anak-anak kita yang mencapai umur untuk mendapatkan sama ada lesen motor ataupun lesen kereta ataupun diambil sekali lesen kereta motor, mereka ini terpaksa membayar di dalam lingkungan RM600 hingga RM800 untuk mendapat satu lesen. Kadangkala kalau tidak lulus ataupun gagal, terpaksa mengulangi dan membayar lagi. Jadi, hari ini, motif kita, motif kerajaan adakah kita ingin melihat rakyat kita mempunyai lesen iaitu memandu secara betul, memandu secara yang dapat pengesahan ataupun kita lebih menitikberatkan keuntungan. Kerana saya tahu dengan adanya institut latihan memandu untuk melahirkan pemandu berhemah tetapi sebenarnya bila diselidiki dan saya tengok apa yang dibuat oleh institut-institut latihan ini, motifnya lebih mementingkan keuntungan dan mengaut keuntungan daripada peserta-peserta ataupun daripada pemandu-pemandu yang ingin mendapatkan lesen.

Dan, malang sekali apabila kita pergi membuat tinjauan di luar bandar, ramai yang mengaku bahawa mereka tidak mempunyai lesen sama ada motosikal ataupun kereta kerana tidak mampu untuk membayar ataupun mendapatkan lesen tersebut. Bukan kerana mereka tidak mahu tetapi kerana mereka tidak mampu. Cuba bayangkan kalau kita sendiri pun hendak mengeluarkan duit sebanyak RM600, RM700 untuk mendapatkan satu lesen memandu, agak sukar jugalah kalau di dalam keadaan kegawatan. Jadi, saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan supaya adakah pihak kerajaan bersedia untuk mengkaji semula langkah-langkah yang dibuat oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan ini supaya untuk melahirkan pemandu berhempah ini, bukan ini caranya. Kita minta kalau kita hendak melihat supaya pemandu kita ramai yang mempunyai lesen dan mereka juga tahu bahawa resiko yang tinggi sekiranya mereka ditangkap tidak mempunyai lesen, maka kita galakkanlah rakyat kita mempunyai lesen dengan cara menurunkan kadar bayaran sebenar sebagaimana yang berlaku pada waktu-waktu yang lalu.

Seterusnya, saya ingin juga menyentuh satu lagi iaitu mengenai Pengangkutan Udara di bawah Butiran 050000, tadi telah diperkatakan oleh sahabat saya daripada Rantau Panjang. Saya cuma ingin menambah bahawa adakah pihak Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) bercadang supaya setiap kali penerbangan yang dilakukan oleh MAS hendaklah dimulakan dengan membaca doa. Sebabnya saya pernah menaiki pesawat daripada Pakistan Airline untuk ke tanah suci Mekah, di mana penerbangan yang dilakukan oleh Pakistan Airline, sebelum ia memulakan penerbangan, diminta supaya semua yang ada di atas pesawat membaca doa dan dia yang membaca doa. Jadi, apatah salahnya kiranya MAS sendiri membaca doa sebelum memulakan penerbangan ataupun perjalanan ke sesuatu destinasi kerana lebih yakin dan kita rasa, Tuan Pengerusi sendiri pun yakin dan percaya, kita di Dewan yang mulia ini sekali pun, setiap kali kita hendak memulakan mesyuarat kita pada sebelah paginya pada pukul 10.00 kita juga membaca doa untuk memberkati dan mendoakan supaya perjalanan mesyuarat kita di dalam keadaan selamat dan baik. Jadi, saya ingin mencadangkan kepada pihak kementerian supaya memandang serius juga terhadap perkara ini.

Akhir sekali saya ingin menyentuh iaitu perkara di bawah butiran 070000 – Jabatan Keretapi. Semalam saya pergi melihat sendiri di kawasan Stesen Kereta Api Kuala Lumpur, malangnya kalau kita pergi di sebelah belakang stesen – saya lupa

jalan apa, d sebelah belakang, mungkin di terminal 2, keadaannya gelap, di mana saya sendiri tidak percaya bahawa di belakang itu terdapat parking lot, kerana pokok-pokok yang ada di belakang Stesen Kereta Api Kuala Lumpur itu, dahannya sampai mencecah lantai ataupun minyak tar. Jadi, macam mana orang hendak parking kereta, macam mana? Seheinggakan ada orang, dia tidak percaya ada jalan raya, dia tidak percaya dia hendak pergi seolah-olah kawasan itu dianggap macam berhantu dan sebagainya. Sebab apa? Dahan pokok itu sampai ke minyak tar. Jadi, sudahlah gelap tetapi dahannya tidak terurus.

Saya bangkitkan perkara ini kerana pada minggu yang lepas sahaja, pada suatu malam terdapat 7 rompakan yang dilakukan oleh perompak-perompak di sekitar Kuala Lumpur ini, di mana melibatkan kawasan-kawasan parking yang gelap termasuklah sebuah kereta anak saudara saya, di mana sedang telefon tetapi di dalam kawasan parking yang gelap telah dirompak. Jadi, saya minta kerjasama daripada Jabatan Keretapi dan juga kementerian yang berkenaan supaya mengambil berat perkara ini supaya kita sendiri ingin melihat bahawa pengangkutan darat, laut dan udara yang ada di Malaysia ini mendapat sambutan dan mendapat kecekapan.

Maka saya memohon kepada pihak kementerian berkenaan melihat apa-apa perkara yang saya sebutkan tadi sebagai satu pandangan yang serius. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Kementerian menjawab.

4.17 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Ramli bin Ngah Talib]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih dan setinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyertai perbahasan Belanjawan 2000 iaitu mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Ini termasuklah Yang Berhormat terutama sekali Yang Berhormat daripada Barisan Nasional dan juga Yang Berhormat daripada pihak pembangkang. Walaupun ada teguran-teguran yang agak bernas akan tetapi banyak daripada persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada pihak pembangkang menjerus kepada meraih keuntungan politik dengan kata-kata seperti masih lagi kedengaran sebagai *echo* rakan-rakan mereka agaknya, kroni, menjual negara, korupsi dan pelbagai kata yang berbentuk slogan. Yang lain-lainnya saya mengucapkan setinggi penghargaan atas cadangan dan juga atas teguran yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat bagi Tambun telah membangkitkan mengenai perangkaan nasional ataupun Dasar Pengangkutan Nasional Yang Bersepadu. Ingin saya menjelaskan di sini bahawa tidaklah begitu tepat jikalau Malaysia tidak ada dasar pengangkutan. Memang kerajaan mempunyai dasar terhadap setiap isu pengangkutan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat termasuk *intermodelism*, isu persaingan domestik antarabangsa, isu tarif atau tambang, pelaburan asing dan cabaran-cabaran globalisasi dan selainnya.

Dasar-dasar ini boleh didapati dalam pelbagai dokumen kerajaan seperti keputusan-keputusan Jemaah Menteri, Rancangan Malaysia Lima Tahun dan sebagainya. Apa yang kita tidak ada ialah satu dokumen yang menyeluruh, namun demikian cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan satu dokumen dasar pengangkutan supaya memudahkan semua pihak untuk menyuarakan, merujuk akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Kementerian Pengangkutan sememangnya telah merealisasikan sektor pengangkutan udara domestik ke arah peningkatan tahap persaingan ataupun *competitiveness* industri tersebut. Dalam hal ini, selain dari syarikat penerbangan kebangsaan MAS terdapat juga empat syarikat penerbangan yang lain iaitu Air Asia, Pelangi Air, Transmile Air yang telah diberi lesen untuk menjalankan penerbangan mereka.

Di samping itu, pada masa sekarang terdapat sebanyak 30 syarikat penerbangan tempatan lain yang mempunyai *air operating permit* yang membenarkan mereka menjalankan aktiviti-aktiviti udara secara tidak berjadual dalam negeri seperti penerbangan tidak berjadual – *chartered aerial, aerial photography* dan sebagainya.

Bagi pengangkutan darat pula peringkat serantau (regional), langkah telah diambil untuk memudahkan pengendalian pengangkutan melalui perjanjian-perjanjian yang telah ditandatangani oleh negara-negara dari Asia ditandatangani, selain mengiktiraf atau memberi recognition lesen memandu dan juga saling mengiktiraf Sijil Pemeriksaan Kenderaan dan yang lain-lain.

Juga, Tuan Pengerusi, dengan adanya ketrampilan di bidang sektor pengangkutan menunjukkan bahawa perancangan-perancangan yang telah dilakukan oleh kerajaan telah berjaya. Umpamanya, dalam sektor pelabuhan, pembinaan pelabuhan umpamanya dan juga usaha-usaha mempromosikan pelabuhan negara kita telah dijalankan sehinggakan sekarang ini pelabuhan kita, Pelabuhan Kelang

umpamanya merupakan pelabuhan yang ke-14 terbesarnya dalam dunia ini dan ini adalah selaras dengan negara kita merupakan sebagai negara yang ke-14 terbesar sebagai negara yang berdagang.

Begitu juga dengan anugerah-anugerah yang lain yang diperolehi oleh sektor-sektor lain, umpamanya oleh pihak MAS yang telah meraih pelbagai anugerah dalam usahanya untuk meningkatkan mutu penerbangan sejak daripada tahun 1996, 1997, 1998, 1999. Hampir setiap tahun pihak MAS telah dapat meraih anugerah atas usaha-usaha untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan juga mutu penerbangan.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian pula telah membangkitkan beberapa perkara yang menyatakan kos yang ditawarkan kepada Mitsui sebanyak RM3 bilion untuk projek Rawang–Ipoh adalah tidak benar. Anggaran kos projek landasan berkembar elektrifikasi Rawang–Ipoh adalah berjumlah RM4 bilion. Daripada jumlah ini RM1.588 bilion adalah untuk komponen sistem iaitu persemboyanan dan elektrifikasi. Bagi komponen sistem ianya ditawarkan kepada pihak Mitsui berdasarkan kepada perjanjian pinjaman EXXIM Bank dan Kerajaan Malaysia sebanyak USD380 juta ataupun RM1.5 bilion yang mensyaratkan bahawa kerja-kerja sistem perlu ditawarkan kepada syarikat dari Jepun. Bagi komponen infrastruktur ianya ditawarkan kepada kontraktor tempatan yang mana anggaran kos adalah sebanyak RM2.4 bilion.

Keretapi Tanah Melayu pula tidak diberi kebebasan di dalam menjalankan rundingan harga, sebaliknya rundingan harga dianggotai oleh satu jawatankuasa yang terdiri daripada wakil-wakil Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Infrastruktur, Unit Penyelarasan, Jabatan Kerja Raya Malaysia, KTMB dan juru-juruperunding daripada kerajaan.

Proses rundingan harga dengan Mitsui melibatkan perbincangan mengenai terma dan syarat kontrak keperluan teknikal yang ditetapkan oleh KTMB. Bagi rundingan harga Kementerian Pengangkutan mendapat nasihat dan bantuan daripada KTMB dan juruperunding-juruperunding Samudera Kinta Careless mengenai harga yang wajar ditawarkan kepada Mitsui. Dalam mesyuarat rundingan terakhir pada 10 Mac 2000, Kementerian Pengangkutan telah menerima harga tawaran sebanyak RM1.588 juta berbanding dengan harga asal sebanyak RM1.9 juta yang dikemukakan oleh pihak Mitsui.

Jadi, Tuan Pengerusi, semua proses yang dibuat dalam membiayai projek ektrifikasi berkembar dari Rawang ke Ipoh adalah dibuat mengikut peraturan dan ketelusan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Telah sahlah bahawa Mitsui dapat kontrak ini. Saya tadi agak sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dalam buku Budget ini kita lihat bahawa untuk landasan berkembar daripada Ipoh ke Johor Bahru keseluruhannya, bukan setakat Rawang–Ipoh, 00905 – Persembayanan Komunikasi dan 00906 – Landasan Berkembar Elektrifikasi KTM, jumlah peruntukan untuk projek ini ialah RM210 juta sahaja tetapi elektrifikasi yang diperolehi oleh Mitsui daripada Rawang ke Ipoh RM1.558 bilion.

Peruntukan RM4 bilion yang saya sebut dalam ucapan saya sebelum ini ialah untuk keseluruhan landasan berkembar daripada Ipoh ke Johor Bahru untuk strukturnya. Saya tahu bahawa ada dua komponen daripada projek ini - satu untuk struktur dan satu untuk elektrifikasi tetapi elektrifikasi untuk Rawang–Ipoh sudah RM1.558 bilion dan Yang Berhormat telah sebut bahawa projek ini diberikan secara perundingan dan menjadi syarat bahawa firma Jepun mesti diberikan kontrak untuk projek ini tetapi yang saya persoalkan ialah bahawa mengapakah tidak diberikan satu tender terbuka dan firma Jepun yang lain boleh sama-sama masuk. Kita baru sahaja dapat satu isu bahawa Mitsui telah memberikan sogokan dan semua latar belakang ini menguatkan sangkaan kita bahawa harga sebenar projek ini adalah jauh lebih rendah daripada apa yang telah diberikan kepada Mitsui.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Tuan Pengerusi, saya menafikan sama sekali adanya unsur-unsur sogokan dalam usaha kerajaan untuk membina kereta api berkembar, ratifikasi daripada Rawang kepada Ipoh. Seperti yang telah saya beritahu dengan sejasasnya tadi bahawa dalam mesyuarat rundingan terakhir pada 10 Mac 2000 Kementerian Pengangkutan telah menerima harga tawaran sebanyak RM1.588 juta berbanding dengan harga asal sebanyak RM1.9 juta yang dikemukakan oleh

Mitsui. Jadi, bererti di sini bahawa adanya saving ataupun keuntungan daripada kerajaan dalam kiraan ini tadi.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga telah membuat pendakwaan kerajaan kehilangan punca pendapatan yang lumayan akibat daripada penswastaaan JPJ. Sebenarnya, JPJ tidak diswastakan, hanya bahagian-bahagian pelesenan yang tertentu sahaja diswastakan. Pendapatan kerajaan dari aktiviti-aktiviti pelesenan JPJ adalah tidak terjejas akibat penswastaaan, malah bertambah baik. Syarikat konsesi akan menyerahkan keseluruhan kutipan yang dipungut dengan mengenakan 5% sahaja sebagai kos pengurusannya. Jumlah kos pada kadar 5% itu adalah bersamaan dengan kos pengendalian JPJ bagi aktiviti-aktiviti yang sama.

Di samping itu, syarikat konsesi akan dikenakan bayaran cukai korporat sebanyak 30% dan di samping itu juga syarikat konsesi akan dikenakan syarat-syarat yang tertentu dalam penswastaaan seperti yang diikuti amalan yang diikuti untuk menswastakan jabatan-jabatan ataupun badan-badan kerajaan yang lain.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga telah membangkitkan.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian berdiri lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Beri saya habiskan dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak habiskan dahulu Yang Berhormat.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Laporan Consultant, 'Paul Buchnan' yang menyatakan jumlah penumpang LRT-STAR dan sebagainya dan juga PUTRA 40% daripada unjuran penumpang yang diperolehi. Jumlah penumpang LRT adalah lebih rendah berbanding dengan unjuran kerana unjuran yang dibuat pada masa tersebut berdasarkan pertumbuhan ekonomi yang pesat. Walau bagaimanapun, jumlah bagi syarikat LRT-STAR dan LRT-PUTRA telah meningkat dengan pemulihan ekonomi dan dengan promosi-promosi yang telah diadakan dari masa ke semasa.

Penumpang LRT-PUTRA telah meningkat seperti berikut:

Tahun		Penumpang
1998	-	1.5 juta (September dan Disember)
1999	-	17.3 juta
2000	-	46.7 juta (unjuran)

LRT-STAR pula juga telah meningkat penumpangnya iaitu:

Tahun		Penumpang
1997	-	17 juta
1998	-	18 juta
1999	-	23 juta
2000	-	28 juta (unjuran)

Syarikat LRT-PUTRA mengadakan promosi seperti berikut:

- Potongan harga sebanyak 66% .
- Travel Card berharga RM60 sebulan.
- Integrated Travel Card dengan syarikat Park May bernilai RM80.
- Tiket konsesi bagi kanak-kanak sekolah dan orang dewasa sebanyak 50% dari harga tiket.

Bagi STAR diskaun 5%, 10% dan 10 % pelajar sekolah mendapat 50% potongan dari stor value ticket RM50 dan RM20.

Tuan Pengerusi, ini menunjukkan bahawa walaupun adanya kerugian di sini tidak dinafikan pada mulanya tetapi kerajaan apabila mengadakan infrastruktur seperti ini adalah mempunyai tujuan utama untuk menjadikan negara kita ini sebagai satu negara yang kompetitif dan berketerampilan dan dengan adanya infrastruktur-infrastruktur seperti ini bukan sahaja moden tetapi dengan izin, futuristik, ianya akan membawa lebih banyak lagi pelabur-pelabur asing dan meningkatkan keyakinan orang dalam negeri mahupun luar negara untuk datang bukan sahaja melancong tetapi melabur dan dengan itu pada akhirnya negara juga akan menjadi maju dan kaya walaupun pada mulanya kerajaan ataupun operasi-operasi ini mengalami kerugian.

Dalam pada itu juga saya pasti bahawa dengan ada nya tindakan-tindakan.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rantau Panjang berdiri Yang Berhormat.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Berbalik kepada jawapan Yang Berhormat sebentar tadi mengatakan JPJ hanya swastakan beberapa bahagian sahaja di dalamnya terutama sekali bahagian pelesenan. Apakah Yang Berhormat sedar ataupun bolehkah Yang Berhormat beritahu kepada saya bahagian mana di antara yang paling untung dalam seluruh bahagian-bahagian dalam JPJ itu sendiri?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Tuan Pengerusi, bukannya untung tetapi pendapatan kerajaan yang terbanyak sekali adalah dari bayaran untuk lesen-lesen ini -

lesen-lesen jalan, lesen-lesen motor, lesen memandu dan sebagainya, ini yang hendak diswastakan.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Saya hendak habiskan dahulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia hendak habiskan dahulu.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Walaupun ini yang mendatangkan hasil yang terbanyak sekali, akan tetapi dengan menswastakan perkhidmatan ini kerajaan berharap dan mempunyai yakin yang penuh bahawa bukan sahaja kerajaan dapat wang balik kepada kerajaan dan dengan hasil-hasil yang lain, manfaat yang lain seperti pekerjaan, keefisienan dan juga pengurusan yang baik, cost effectiveness, dengan izin, dan dengan itu semua pihak akan mendapat keuntungan, bukan sahaja pihak swasta, syarikat swasta yang akan diswastakan nanti tetapi juga daripada pihak kerajaan. Jadi, bermakna kerajaan mengharapkan lebih banyak lagi manfaat yang akan diperolehi daripada penswastakan.

Yang Berhormat bagi....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Sudah masuk tajuk lain. Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta maaf saya ingin mendapat penjelasan sekali lagi. RM1.9 dan RM1.558 bilion yang ditawarkan oleh Mitsui tadi, kedua-dua adalah tawaran Mitsui....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah lepas itu Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Memang sudah lepas, sebab saya hendak bangun tadi lagi, tidak apa, undur sedikit tidak apa...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kita undur, lamalah. Jangan panjang sangat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Adakah kerajaan tidak buka kepada firma lain untuk buat sebutan dan kenapa kerajaan hanya terima Mitsui dan adakah kerajaan tidak rasa 'seriau' bila beri kepada Mitsui sekali lagi.

Yang kedua, penswastakan JPJ. Saya belum terang dan jelas apakah sebab yang mendesak kerajaan untuk menswastakan JPJ. Adakah dasar kerajaan, semua

perkara yang ada dalam kerajaan ini akan diswastakan. Jadi, kita telah dapat jawapan Yang Berhormat bahawa yang diswastakan itu ialah yang mendatangkan pendapatan yang tinggi kepada kerajaan. Dan saya hendak tahu, adakah syarikat tertentu telah dikenalpasti dan adakah satu tender terbuka diberikan kepada mana-mana syarikat yang berminat untuk mendapatkan perawastakan bagi perkara yang hendak diswastakan dalam JPJ.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat, cukup.

Tuan Husam bin Musa: Yang akhir sekali, Tuan Pengerusi, satu sahaja. Apa nama ini...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Soalan tambahan lebih panjang daripada Yang Berhormat bercakap nampak. *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Musa: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, cukup.

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib: Tuan Pengerusi, saya rasa semua persoalan yang dibangkitkan tadi telah saya bangkitkan....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sudah jawab.

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib: ... dan telah saya beri maklumat. Dan tugas saya di sini ialah untuk memberi maklumat supaya Yang Berhormat daripada pihak pembangkang bermaklumat seperti Yang Berhormat daripada Barisan Nasional *[Tepuk]* Saya harap bahawa

Tuan Husam bin Musa: Saya hendak tanya balik, sebab saya tidak berapa

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti dulu, dia jawab dulu.

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib:barang-barang yang lepas itu janganlah dikenang lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau dikenang merana diri.

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib: Yang Berhormat daripada....

Tuan Husam bin Musa: Ini RM4 bilion dan ini melibatkan satu skandal yang telah melibatkan ...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi, Yang Berhormat. Dia tengah berdiri tu.

Tuan Husam bin Musa: Cara jawapan tadi tidak seronok.

Dr. Maximus Johnity Ongkili : *[Bangun]*

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib: Yang Berhormat daripada....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia menteri macam ini. Duduk, duduk, Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Musa: Ha, duduk, duduk. Saya duduk?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk, duduk, yang Kubang Kerian pun duduk jugalah. Dia menteri, dia menjawab apa yang dia patut boleh jawab. Kalau kita keluarkan soalan yang sama, menteri pun dia jawab yang itu juga. Jadi, kita sampai bila-bila pun berterusan jawab benda yang satu. Kalau katalah menteri itu sahaja yang saya hendak jawab, maka itulah setakat yang dia boleh jawab. Teruskan menteri menjawab.

Tuan Husam bin Musa: *[Menyampuk]*

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib: Yang Berhormat bagi Batu Pahat telah membangkitkan perkara-perkara

Dr. Maximus Johnity Ongkili : Di sini saya ingin....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bandau, Bandau. Mengenai apa tu Bandau?

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tentang soal penswastaaan, Tuan Pengerusi. Sekejap sahaja, pendek sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya minta penjelasan sebab awal tadi dikatakan bahawa syarikat konsesi ini sekadar mengenakan caj 5% bagi pengurusan dan tidak dijelaskan seterusnya berapa peratusan daripada keuntungan dibahagi kepada kerajaan, walaupun disentuh tadi bahawa 30% dikenakan seperti cukai biasalah.

Dan daripada bahagian kerajaan ini, berapakah sebenarnya peratusan yang diserahkan kepada kerajaan oleh syarikat konsesi ini dan adakah bayaran kepada kerajaan ini dibayar dengan izin, *on time*, kerana ini telah disentuh dalam PAC 1998 punya laporankah, saya tidak ingat, bahawa syarikat-syarikat konsesi ini begitu lewat sekali menyerahkan kepada kerajaan, apa yang patutnya kerajaan punya bahagian, saya minta penjelasan apakah kedudukan terkini.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah soal akibat daripada pengswastaan ini, walaupun dikatakan tidak ada rugi bagi kerajaan bahkan kemungkinan mendapatkan hasil yang lebih tinggi daripada dahulu tetapi adakah *efficiency*, dengan izin, itu di peringkat pelaksanaan perlesenan itu meningkat atau tidak, mengikut laporan kita, orang kampung bilang “dua kali lima”, Tuan Pengerusi, iaitu *queue* masih panjang dan kadang-kadang sudah membuat tempahan tetapi tidak mendapatkan tempahan tersebut kerana bekalan elektrik tidak ada dan seterusnya, kalau di Kota Kinabalu. Saya minta penjelasan apakah kedudukan terkini. Terima kasih.

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya sendiri telah melawat beberapa Jabatan Pengangkutan Jalan di seluruh negara. Hanya beberapa negeri sahaja, belum dilawat lagi. Saya dapati bahawa usaha-usaha yang dijalankan sekarang ini menunjukkan bahawa adanya trend untuk meningkatkan lagi keupayaan dan juga standard JPJ bahagian yang berkenaan iaitu Bahagian Perlesenan.

Maka dengan adanya trend yang sedemikian dan apabila jabatan yang sedemikian diswastakan, ianya akan dapat dipertingkatkan lagi. Trendnya sudah pun dilakukan sekarang. Dan dengan itu, kerajaan berpuas hati dan yakin bahawa dengan adanya perswastaan ini, ianya akan membawa keuntungan yang lebih lagi kepada kerajaan dan juga kepada orang ramai serta kepada syarikat yang berkenaan juga.

Tuan Husam bin Musa [*Bangun*]

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib: Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Batu Pahat....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kubang Kerian bangun. Dia bangun sekali lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib: Kementerian Pengangkutan.... Saya sudah bagi peluang.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia tidak bagi.

Tuan Husam bin Musa Lain, lain, perkara lain.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi dah tu.

Tuan Husam bin Musa Soalan lain, bukan soalan tadi.

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib: Selepas ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, dia bagi selepas ini.

Tan Sri Ramli Ngah bin Talib: Selepas ini ya. Kementerian Pengangkutan dan MAS sentiasa memberi perhatian berat terhadap segala aspek keselamatan penumpang dan kargo. Berhubung dengan kes-kes kecurian kargo, pihak polis telah berjaya menyelesaikan secara keseluruhannya setakat ini yang menjadi rungutan, bukan sahaja rungutan orang ramai tetapi juga rungutan daripada pihak kerajaan sendiri di mana seperti yang dikatakan tadi juga, pihak polis telah menangkap dan menyoyal selidik hampir 200 anggota yang berkenaan dan selain daripada itu, ini sendiri menunjukkan kejayaan bukan keburukan walaupun ada perkara itu berlaku tetapi dengan adanya perkara berlaku diambil tindakan tegas dan positif oleh kerajaan.

Dengan adanya penangkapan ini dan pembongkaran kelompok yang mencuri ini tadi, menunjukkan bahawa usaha-usaha positif kerajaan telah menampakkan hasil. Selain daripada itu, pihak pengurusan yang berkenaan akan mengambil langkah-langkah yang lain seperti mengadakan kamera-kamera di tempat yang tertentu dan juga adanya floodlight dan juga pagar dan juga amalan-amalan pengurusan yang boleh meningkatkan lagi keselamatan kargo-kargo yang ada di sana.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat juga membangkitkan perkara-perkara lain iaitu penguatkuasaan undang-undang dan sebagainya. Sejak tahun 1998, operasi bersepadu penguatkuasaan telah dilaksanakan oleh JPJ dan juga Polis Diraja Malaysia dan pihak berkuasa tempatan serta majlis bandaran. Operasi penguatkuasaan dijalankan sepanjang tahun dan bukan semasa musim perayaan sahaja. Bilangan anggota JPJ dan juga PDRM telah juga dipertingkatkan sebanyak dua kali ganda.

Saya ingin menjelaskan di sini bahawa kenyataan Yang Berhormat bagi Batu Pahat yang menyatakan bahawa pihak polis tidak membuat penguatkuasaan undang-undang kenderaan pengangkutan adalah tidak tepat. Cuma ada persefahaman antara pihak JPJ dan pihak PDRM bahawa penguatkuasaan ke atas kenderaan perdagangan diberi keutamaan oleh JPJ dan pihak PDRM masih menguatkuasakannya, cuma isu ini diberi keutamaan oleh JPJ.

Mengenai penguatkuasaan serta juga tindakan pendidikan serta kejuruteraan yang bersepadu, saya juga ingin menyatakan di sini bahawa usaha-usaha yang dijalankan oleh kerajaan ke arah menjaga keselamatan, mengurangkan kemalangan di jalan raya telah mendapat kejayaan seperti dikatakan tadi oleh Yang Berhormat sendiri pada tahun 1997 kemalangan adalah seperti berikut, 1997 – 6,302, 1998 – 5,744 dan 1999- 5,791. Ini menunjukkan pengurangan yang agak ketara sekali

walaupun kenderaan telah meningkat daripada tahun ke setahun. Perkara ini juga telah dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat termasuklah Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Selain daripada itu, saya ingin menyatakan di sini di dalam Dewan yang mulia ini bahawa usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan kemalangan dan juga kematian akibat daripada kemalangan telah pun mendapat kejayaan dengan adanya pihak negara kita menduduki tempat yang kedua dalam negara ASEAN ini iaitu nombor dua daripada Singapura.

Dari segi kematian, akibat daripada kemalangan nombor dua, walaupun kalau kita ambil umpamanya bilangan motosikal yang ada hampir 60% motosikal di negara kita ini, hampir 60% dan juga hampir 50% terlibat dalam kemalangan. Kalau kita ambil kira itu saya rasa rekod kita, prestasi kita adalah lebih baik lagi daripada negara yang pertama tadi yang disebut-sebutkan tadi kerana negara itu tidak mempunyai kadar ataupun bilangan motosikal seperti banyaknya motosikal yang ada di negara kita ini hampir 60%.

Yang Berhormat bagi Batu Pahat juga telah membangkitkan perkara penguatkuasaan yang bersepadu antara pihak dan sebagainya, serupa juga dengan yang saya katakan tadi. Tetapi sebagai menjawab selanjutnya untuk makluman Yang Berhormat, pada masa sekarang sememangnya sudah wujud kerjasama antara pihak JPJ dengan pihak polis dalam menjalankan operasi penguatkuasaan dan pada masa-masa hadapan pihak JPJ bercadang untuk memperbanyakkan lagi operasi penguatkuasaan bersepadu untuk mengurangkan kemalangan jalan raya.

Yang Berhormat bagi Kemaman telah membangkitkan perkara pelabuhan, mengenai Pelabuhan Kemaman dan juga perkara-perkara yang lain, landasan keretapi. Projek landasan keretapi Kerteh-Kuantan merupakan projek yang dilaksanakan oleh pihak Petronas. Pihak Petronas bercadang untuk menyambungkan landasan Kerteh-Kuantan ke Pelabuhan Kemaman di dalam Fasa II yang akan dibina kelak, Insya–Allah, jadi ada bukan tidak ada, untuk menyambungkan landasan keretapi itu kepada Kerteh ke Pelabuhan Kemaman....

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Minta penjelasan sedikit. Mengapa tidak dibuat dalam phase yang pertama sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Kemaman, nantilah dulu Kalau nak minta penjelasan pun, [Ketawa] Janganlah begitu. Timbalan Menteri nak bagi? Bagi dia nak minta penjelasan? Sila.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Saya nak tanya mengapa tidak dibuat dalam phase yang pertama saja sebab ini melibatkan landasan yang pendek sahaja, taklah panjang.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Kerana ini tidak dibuat dulu dalam fasa yang pertama kerana objektifnya tujuan untuk mengadakan landasan ini daripada Kerteh ke Kuantan adalah untuk tujuan-tujuan tertentu iaitu untuk mengangkut kargo-kargo yang tertentu daripada Kerteh ke Kuantan dan yang lain itu boleh dibuat fasa yang kedua iaitu ke Kemaman. Jadi itu merupakan priority keutamaan, itu yang dibuat dahulu.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga membangkitkan keluasan tanah di KTMB di Singapura adalah seluas 174 ekar semuanya iaitu di Woodlands, Keranji dan Tanjung Pagar dan isu mengenai tanah KTMB ini akan diselesaikan secara bersepadu, diselaraskan dengan isu-isu yang lain sebagai satu pakej yang akan dibincangkan nanti seperti bekalan air dengan Singapura, masalah tanah operasi KTM Singapura ya tadi, penggunaan ruang udara Malaysia dan juga Central Provident Fund. Jadi semuanya ini diharap akan dapat dibincangkan sebagai satu pakej, tidak hanya untuk menyelesaikan masalah KTMB sahaja.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga membangkitkan perkara kedua iaitu mengapa MAS ingin menjual ekuitinya kepada pihak asing, mengapa MAS tidak mengadakan penerbangan ke Kerteh. Yang pertamanya, sehingga sekarang pihak Kementerian Pengangkutan belum menerima apa-apa cadangan permohonan secara rasmi daripada MAS atau mana-mana pihak untuk menjual atau mengambil ekuiti MAS kepada pihak asing. Yang kedua, pada masa sekarang walaupun MAS tidak mengadakan penerbangan ke Kerteh tetapi perkhidmatan udara sekarang adalah dibuat oleh pihak Pelangi.

Yang Berhormat bagi Batang Lepar membangkitkan beberapa perkara termasuk jugalah perkara keselamatan jalan raya, kemalangan jalan raya yang sudah pun saya jawab dan walaupun Yang Berhormat tadi membangkitkan perkara-perkara kurangnya kemalangan di United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan sebagainya tetapi kita juga harus berbangga dengan usaha-usaha yang dijalankan kita telah menduduki tempat yang kedua di ASEAN di rantau ini dan ini adalah satu perkara yang kita boleh banggakan usaha yang dibuat oleh kerajaan dan bukan saja setakat itu tetapi kita akan terus meningkatkan usaha-usaha kita supaya kita dapat

mempertingkatkan lagi standard kita dan mengurangkan lagi kemalangan daripada setahun ke setahun.

Mengenai perlakuan jenayah oleh pemandu teksi terhadap penumpang. Kelakuan jenayah, merompak dan lain-lainnya pemandu teksi terhadap penumpang telah pun mendapat perhatian serius oleh kementerian dan agensi masing-masing yang berkaitan. Satu jawatankuasa iaitu Harbing Committee KLIA telah pun ditubuhkan untuk cuba menangani masalah ini.

Yang Berhormat bagi Beluran telah membangkitkan perkara-perkara seperti perbezaan tambang antara MAS dan TRANSMAIL, Air Asia walaupun MAS ada economic of skills mengapa syarikat MAS ada memonopoli perkhidmatan dan sebagainya.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin menyatakan di sini bahawa tambang MAS ke Kuching dan Kota Kinabalu sememangnya lebih sedikit jikalau dibandingkan dengan penerbangan-penerbangan yang saya sebutkan tadi, beberapa syarikat penerbangan, akan tetapi pihak MAS menjalankan servis atau perkhidmatan yang komprehensif yang menyeluruh dan bersepadu kepada penumpang-penumpang dengan mengadakan penerbangan yang berjadual. Bermakna adanya penentuan, adanya certainty, ini adalah satu servis yang besar kepada penumpang-penumpang pada hal syarikat-syarikat yang lain tidak mengadakan penerbangan yang berjadual seperti itu dan oleh kerana itulah dan juga servis-servis perkhidmatan yang ada pada MAS ianya adalah kalau dipandang dari segi perbezaan lebih tinggi sikit daripada tambang ataupun bayaran yang dikenakan kepada penumpang oleh syarikat-syarikat yang lainnya tadi. Walau bagaimanapun, sekarang ini pihak MAS sedang berunding dan telah pun berunding dengan pihak Kerajaan Sabah dan akan berunding dengan Kerajaan Sarawak bagaimanakah hendak mengurangkan tambang ini.

Hasil daripada perundingan dengan Sabah, pihak MAS dan Sabah telah dapat satu ketetapan di mana adanya pakej-pakej yang tertentu seperti pakej dua hari, pakej tiga hari, pakej extension, pakej *night flight* dan sebagainya yang mana jikalau diambilkira dan diambil kesempatan akan mengenakan bayaran yang kurang lagi daripada tambang yang dikenakan oleh pihak MAS sekarang ini. Jadi, dengan itu diharapkan bahawa dengan adanya pakej-pakej yang berkenaan....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dua orang berdiri. Yang mana seorang hendak beri?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Tuan Pengerusi [Dat o' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kinabatangan, sila.

Tuan Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat. Ini berbalik dengan tambang kapal terbang daripada Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu dan juga Kuching. Saya concentrate Kota Kinabalulah sebab saya dari sana. Jadi, saya rasa sudah tiba masanya MAS menurunkan kadar tambang kerana kadang-kadang ada di antara penumpang daripada Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu domestik ini pergi berulang-alik. Kalau dari segi servis pula, saya telah beberapa kali tegur pihak MAS dalam kapal terbang ini. Servisnya tidak ada langsung macam dulu. Tambangnya naik, servisnya berkurangan. Kadang-kadang makanannya pun tidak menentu, macam di gerai-gerai makanannya. Ia tidak boleh berbangga dengan servis makanan yang baik.

Jadi, saya harap kementerian ini dapatlah memberi - bukan penekanan tetapi meminta pihak pentadbiran MAS ini dapat mengurangkan serta-merta pembayaran tiket kapal terbang dan ikutilah syarikat-syarikat lain seperti Air Asia dan Transmile kerana mereka mengadakan tambang yang begitu murah dan memudahkan, servisnya pun lebih kurang. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, seperti yang telah saya nyatakan tadi bahawa adalah jauh bezanya di antara pemberian perkhidmatan yang berjadual dengan perkhidmatan penerbangan yang tidak berjadual. Oleh itu kosnya sudah tentu lebih tinggi lagi dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang tertentu dan juga adanya certainty ataupun penentuan kepada penumpang; penumpang dengan adanya penerbangan yang berjadual. Walau bagaimanapun, seperti juga saya katakan tadi, ingin saya tegaskan untuk kefahaman saudara saya Yang Berhormat bagi Kinabatangan bahawa sudah ada perundingan pihak Kerajaan Negeri Sabah berkenaan penurunan tambang itu walaupun penurunan tambang berjadual tidak terlibat tetapi ianya akan diturunkan jikalau penumpang-penumpang mengikuti penerbangan pakej seperti yang saya katakan tadi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Beluran berdiri, Yang Berhormat. Ya, sila.

Tuan Ronald Kiandee: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menerima baik cadangan untuk mengadakan pakej, tetapi pakej merupakan temporary measures. Ia tidak *suit* kepada sebahagian besar penumpang, pakej dalam masa dua hari, tiga hari

dua malam. Tetapi sebahagian besar daripada penumpang-penumpang tinggal kurang daripada itu ataupun tinggal lebih daripada jadual. Jadi, pakej merupakan satu temporary measures.

Saya kurang pasti dengan alasan yang diberi bahawa MAS mengadakan sistem penerbangan berjadual maka ianya sukar untuk mengurangkan tambang. Kalau kita lihat volume passengers, pada tahun 1999 sahaja terdapat 216,778 penumpang-penumpang yang mengikuti penerbangan MAS ini. Satu volume yang agak besar dan tentu sekali ianya menguntungkan bagi MAS. Jadi, soal berjadual tidak boleh menurunkan tambang saya kira bukan alasan yang konkrit.

Saya takut Tuan Pengerusi, penumpang-penumpang Sabah, Sarawak ini terpaksa membayar lebih untuk menampung obligation MAS untuk mengadakan penerbangan domestik yang lain yang kurang merugikan seperti Kuala Lumpur-Ipoh, Kuala Lumpur -Kuantan dan sebagainya. Kalau ini yang berlaku, ini alasan MAS ataupun social obligation MAS, saya rasa tidak adil bagi penumpang-penumpang Sabah dan Sarawak. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sekian.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya berpegang kepada apa yang telah saya nyatakan tadi mengenai penerbangan berjadual MAS yang mengenakan pembayaran seperti yang dilakukan sekarang adalah setakat ini munasabah dilakukan.

Juga, tentang kedudukan tindakan wajar yang diambil oleh pihak MAS untuk mengurangkan bayaran tambang yang akhirnya kurang daripada bayaran yang dilakukan oleh penerbangan berjadual MAS sekarang jikalau diikuti pakej-pakej yang tertentu dan pakej-pakej ini pula.....

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Yang Berhormat

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sekejap.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib:bukan sahaja sekadar untuk memberi kepuasan ataupun memberi servis kepada pengguna-pengguna biasa tetapi juga ia akan meningkatkan lagi keupayaan dan akan menarik lagi pelancong-pelancong asing datang ke Malaysia dan ke Sabah.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yan berdiri, Yang Berhormat.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Jadi, dengan itu membawa manfaat kepada negeri Sabah dan juga kepada negara. Ya, Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mana dulu yang hendak bagi Yang Berhormat?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Wanita dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Timbalan Menteri hendak beri Arau dulu, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Depan dulu, Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Timbalan Menteri memberi peluang kepada saya. Saya amat tertarik dengan perbincangan tadi mengenai MAS yang merupakan satu-satunya syarikat penerbangan di negara kita. Kita memang mengharapkan supaya syarikat penerbangan ini menjadi syarikat penerbangan yang maju dan boleh kita banggakan.

Soal mengenai tambang ini memang sering kita dengar dan saya berpendapat bahawa dari segi volume, saya rasa MAS patut membesarkan volume of business supaya kita dapat menjadi satu syarikat yang dalam *cost operation* yang sedia ada tetapi mendapat nilai jualan ataupun perniagaan yang besar, kemungkinan kita boleh dapat menurunkan ataupun mengurangkan harga sebagaimana yang disebutkan oleh rakan-rakan yang lain.

Saya dapat tahu daripada luar negara, mereka tidak dapat datang ke negara kita kerana masalah penerbangan, tidak cukup penerbangan. Misalnya di London sekarang ini, kita membuat penerbangan dua kali dalam sehari. Itu pun tidak mencukupi. Apabila kami melalui penggalakan pelancongan, pergi ke Amsterdam, masalahnya mereka terpaksa menunggu tiga bulan untuk mendapatkan tempat ataupun mendapatkan seat untuk datang ke Malaysia. Ini merugikan bukan sahaja merugikan syarikat penerbangan di mana kita *lost of opportunity* ataupun dari segi kos melepasi di mana peluang kita dapat perniagaan tetapi tidak dapat kita gunakan dan saya faham ia adalah daripada soal pendaratan.

Saya rasa sudah lama soal pendaratan ini berlaku dan mengikut syarikat penerbangan MAS menyatakan bahawa soal pendaratan ini adalah soal 'G-to-G atau Kerajaan kepada Kerajaan. Jadi, saya ingin dapat penjelasanlah daripada Yang Berhormat, bagaimana soal ini dapat diselesaikan, kerana nampaknya peluang ada,

begitu juga dengan India, pelancong-pelancong daripada India hendak datang ke Malaysia tetapi tidak ada penerbangan yang mencukupi. Dan....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Dan saya rasa soalan bagaimana hendak dapatkan peluang pendaratan ataupun bagaimana MAS dapat cooperate dengan syarikat penerbangan yang lain supaya kita dapat besarkan *volume of business* dan mungkin kita dapat mengurangkan kadar tambang dalam negara. Pada pandangan saya sepatutnya rakyat di negara kita dapat menikmati tambang yang lebih baik dan biarlah caj itu kepada mereka yang di luar negara yang value of money, dengan izin, itu bagi mereka bayaran yang mungkin bagi kita mahal tetapi bagi mereka tidak mahal. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengambil baik atas saranan dan pandangan Yang Berhormat bagi Arau tadi. Tetapi untuk makluman lanjut, saya ingin menyatakan di sini bahawa MAS sentiasa mengorak langkah mengikut keadaan dan masa. Dan sekarang ini MAS telah pun mengadakan penerbangan dan destinasi sebanyak lebih kurang 116 destinasi, kalau tidak silap saya dan akan mempertingkatkan lagi destinasi itu dan juga *frequency* ataupun kerap kali penerbangan itu dilakukan juga diambil tindakan dari masa ke semasa, umpamanya

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yan berdiri, Yang Berhormat.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: ...*frequency*, dengan izin, ke Madras umpamanya telah pun diperbanyakkan. Walau bagaimanapun, saya mengambil pandangan dan masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Arau tadi dan ini akan dilanjutkan kepada pihak yang berkenaan untuk tindakan selanjutnya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yan berdiri Yang Berhormat. Ya.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin menyentuh tentang perkhidmatan MAS tadi. Kinabatangan ada menyebut tentang makanan. Tetapi concern saya bukan hanya pada makanan dan minuman tetapi concern saya adalah tentang satu perkara yang telah banyak kali disentuh yang berkaitan dengan

perkhidmatan MAS ini adalah tentang pemberitahuan di dalam pesawat yang dilakukan oleh Ketua Pramugara khususnya yang tidak menggunakan bahasa yang betul sama ada dengan slang English ataupun sebutan-sebutan yang tidak tepat. Jadi harap dapat sekiranya kementerian memberikan perhatian kepada perkara ini kerana ini memalukan orang Malaysia, orang Melayu tidak boleh bercakap Melayu dengan betul, 'tuan-tuan' jadi 'thuan-thuan'. Jadi, 'T' jadi 'thee'. Begitu juga dengan sebutan Bahasa Inggeris. Jadi kawalan haruslah diberikan supaya ini juga adalah merupakan imej kalau kita bandingkan dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain yang menggunakan Bahasa Melayu sebutan mereka jauh lebih baik daripada sebahagian besar daripada pramugari dan pramugara kita yang ada di atas pesawat.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, kena kursus bahasa, Yang Berhormat.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mengambil ingatan atas ucapan yang diberi tadi.

Mengenai perkhidmatan, saya ingin menyatakan di sini bahawa perkhidmatan yang diberi oleh pihak MAS adalah saya tengok pada pendapat saya begitu berketerampilan sekali. Oleh kerana adanya recognition ataupun penganugerahan yang telah diberi kepada MAS menunjukkan bahawa adanya peningkatan daripada segi perkhidmatan walaupun ada beberapa Yang Berhormat telah menunjukkan tentang beberapa kelemahan, silap pandang dan sebagainya itu berlaku di mana-mana syarikat penerbangan antarabangsa. Umpamanya di Syarikat Penerbangan MAS dari segi anugerah yang diperolehi, dengan izin, 1998 – tiga empat kali, 1999 umpamanya akhirnya Quality Award for Best Cabin Staff Service, World First Class Survey. Ini dilakukan oleh In-flight Research Services (IRS) United Kingdom. Dan juga tahun 1998 - Best Asean Airline, World Best Cabin Staff Service dan juga banyak lagi dekat satu dozen lagi award dan anugerah yang diberikan kepada MAS.

Dan juga mengenai tambang adalah tidak begitu tepat

Dr. Maximus Johnity Ongkili: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bandau berkaitan dengan itu?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib:ataupun tidak benar...

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bandau berdiri Yang Berhormat.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Nanti saya habis dulu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia hendak habis kan dulu, Yang Berhormat.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: ...mengatakan bahawa adanya cross subsidy di antara tambang ataupun pendapatan ke Kuching dan ke Kota Kinabalu dengan penerbangan domestik yang lain-lain. Saya rasa ini tidak begitu tepat. Mengenai kadar tambang juga, tambang-tambang domestik MAS secara cent per mile adalah umpamanya yang terendah sekali berbanding dengan negara-negara lain dan dalam hal ini kita haruslah mengambil maklum bahawa tambang-tambang domestik tidak pernah dinaikkan sejak daripada tahun 1992. Perbandingan dengan Phuket, Bali dikaji dalam konteks jarak destinasi itu, secara amnya berdasarkan kepada persaingan hebat dan adanya, dengan izin, under cutting of fares oleh setengah-setengah syarikat-syarikat penerbangan. Mungkin boleh berlaku juga keadaan di mana tambang atas sektor-sektor antarabangsa tertentu adalah lebih rendah berbanding dengan sektor-sektor domestik bagi jarak yang agak sama. MAS sememangnya akan mengkaji kemungkinan kedudukan direct flight ke Kota Kinabalu dan juga destinasi-destinasi. Kalau dapat justifikasi-justifikasi yang tertentu nanti kita harap akan dapat mengkaji semula tentang tambang dan bayaran yang dikenakan ke destinasi-destinasi domestik termasuklah ke Kuching dan juga Kota Kinabalu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bandau.

Dr. Maximus Johnity Ongkili: Tuan Pengerusi, perkara yang berkaitan iaitu soal tambang ini antara khususnya Kuala Lumpur dan Kuching dan Kota Kinabalu. Memang perkara tambang ini sudah lama kita bahas dan tambang ini dalam bahasa Kadazandusun ini 'payau' ataupun 'rusa' tetapi ini memang soal tambang kapal terbang. Jadi, Tuan Pengerusi, apa yang kita sentuhkan di sini ialah route ini perjalanan antara Kuala Lumpur dan Sabah dan Kuching ini adalah sebenarnya apa yang kita sebut captive market, dengan izin. Dan syukurlah pada masa sekarang ini Air Asia dan juga Transmile mengadakan penerbangan secara terjadual tetapi bukannya begitu kerap kali. Dan kita berpendapat bahawa MAS masih dalam keadaan boleh mengurangkan kadar tambang yang ada dan bukan mengurangkannya dengan menentukan jadual-jadual yang sukar misalnya pukul 4.20 pagi. Siapa mahu terbang kalau pelancong biasa pukul 4.20 pagi ataupun pukul 12.45 tengah malam.

Jadi demi dengan nama, satu, integrasi national dan juga kedua, dari segi menambahkan pelancong-pelancong khususnya daripada luar negeri, saya rasa sampai masa untuk pihak MAS mengambil tindakan yang lebih munasabah dalam perkara ini. Dan khususnya disentuh tadi juga kita inginkan kalau ada pakej-pakej pun ataupun yang berjadual dengan kadar yang murah bukan pukul 4.00 pagi, Tuan Pengerusi. Kami ahli Parlimen kadang-kadang mahu supaya tidak payah tinggal satu malam lebih awal hendak datang ke Parlimen. Dulu 6.30 boleh check-in lagi, pukul 10.00 sudah sampai. Sekarang pukul 4.30 yang terawal. Dan sampai ini dua tiga jam permulaan mengantuk, Tuan Pengerusi.

Dalam soal makanan ini juga kalau di business class itu already, dengan izin, memorize. Pagi tadi saya duduk sama Saratok, tidak payah sebutlah ahli Parlimen Barisan, datang pramugari, dia bilang dia sebut menu, kita tidak payah sebut apa menu itu. Kalau awal pagi itu basalah itu omelet, mee goreng dengan beef dan apa lagi yang satu itu, nasi lemak. Kita terbang dua kali seminggu sahaja pun boleh memorize. So, something to be done, untuk supaya we don't, dengan izin, take advantage of the captive market.

Saya harap pihak MAS mengambil cadangan-cadangan kita ini dengan baik demi menambahkan volume. I think the key word oleh Yang Berhormat Arau is volume. You can cope on the volume walaupun tambang itu murah. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, berbangkit lagi perkara mengenai tambang ke Kuching dan Kota Kinabalu. Saya pasti bahawa pihak yang berkenaan juga, pihak MAS ada mendengar seperti saya mendengar rungutan-rungutan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada hari ini mengenai tambang. Tetapi juga saya ingin sekali lagi menambah juga di sini bahawa dari segi kekerapan penerbangan MAS mengadakan penerbangan 50 penerbangan, cukup kerap sekali ke Kota Kinabalu dan 61 penerbangan ke Kuching. Jadi setakat di dalam keadaan sekarang ini sudah cukup bukan sahaja untuk memberi perkhidmatan tetapi juga untuk mengeratkan lagi integrasi nasional.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 60 kali dalam seminggukah?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: 61

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Seminggu?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Seminggu saya rasa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Yang Berhormat bagi Tanjong membangkitkan beberapa perkara te rmasuklah penyelewengan-penyelewengan yang dikatakan oleh beliau di jabatan-jabatan tertentu, termasuklah Jabatan Pengangkutan Jalan. Dengan adanya kita mengenal kemungkinan masalah ini ada berlaku di sana, JPJ telah mengambil langkah-langkah yang tertentu:

- (i) menyemak dari masa ke semasa dan mempertingkatkan kecekapan urusan dalam semua aktiviti yang melibatkan orang awam mengatasi kelemahan yang masih ada dan menutup ruang yang menjurus kepada perlakuan penyelewengan;
- (ii) pengistiharan harta bagi semua pegawai dan anggota Jabatan Pengangkutan Jalan;
- (iii) meningkatkan kesedaran kepada pegawai/kakitangan melalui pengedaran risalah dan tayangan video dan nasihat di majlis perhimpunan rasmi jabatan, seperti perhimpunan setia, mesyuarat pengurusan, mesyuarat pagi dan perjumpaan pegawai dengan kakitangan;
- (iv) kursus Keutuhan dan Motivasi bagi memantapkan lagi kecekapan; dan
- (v) memperketatkan prosedur dan tatacara permohonan untuk membeli kenderaan bermotor seperti arahan yang dibuat.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga meminta supaya kerajaan mempromosikan Pelabuhan Kemaman sebagai pelabuhan pelbagai. Untuk makluman, mengenai Pelabuhan Kemaman, kerajaan sememangnya mempromosikan pelabuhan ini sebagai pelabuhan yang pelbagai Di antara jenis kargo yang dikendalikan di pelabuhan ini adalah pukal kering (liquid buck), dan juga kargo am (general cargo), dengan izin.

Yang Berhormat bagi Sipitang membangkitkan perkara-perkara mengenai punca kemalangan di jalan raya yang beliau kata telah meningkat tetapi kita telah pun memberikan perangkaan-perangkaan ataupun sebagai kenyataan bahawa adanya kekurangan bukannya peningkatan kemalangan dan kematian akibat kemalangan di

jalan raya, dan juga beliau membangkitkan perkara tentang punca kemalangan. Ingin saya menyatakan di sini bahawa punca kemalangan bukannya kerana kenderaan sebahagian besarnya, tetapi sebahagian besarnya adalah kerana pemandu ataupun kita sendiri. 94% kemalangan berlaku kerana kesilapan dan sebagainya oleh pemandu.

Keduanya, keadaan jalan 3%, kenderaan sendiri 2%, cuaca 1%. Adalah wajib untuk kenderaan perdagangan dan tidak wajib untuk kenderaan persendirian tetapi digalakkan secara sukarela iaitu pemeriksaan oleh Puspakom. Walaupun pemeriksaan diwajibkan untuk kenderaan perdagangan tetapi ianya tidak diwajibkan untuk kenderaan biasa tetapi digalakkan kerana jikalau diwajibkan sekarang kepada kenderaan biasa yang semua kenderaan sekarang ini hampir 10 juta kenderaan termasuk motosikal, kalau diwajibkan ini bermaknalah bahawa semua kenderaan itu diwajibkan untuk diperiksa akan tetapi hanya 1% atau 2% sahaja kenderaan terlibat dalam kemalangan kerana kecacatan dari segi teknikalnya, dari segi keretanya.

Jadi dengan itu bermaknalah 98% ataupun 99% daripada 10 juta kenderaan itu akan membayar semua.....

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada dua Yang Berhormat berdiri, pilih antara dua.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib:terpaksa....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri belakakah atau macam mana?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Ini susah hendak pilih, Tuan Pengerusi. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak beri ya, Yang Berhormat Kubang Kerian ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Yang Berhormat bagi Rompin baru masuk dia mengigau lagi tu. Yang Berhormat, mengenai lampu motor ini, siang hari kena pasang lampu motosikal ini. Adakah selepas lampu dipasang kemalangan motosikal ini sudah berkurang atau bertambah dan adakah kerajaan mengkaji untuk memadamkan semula lampu ini?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Mengikut kajian yang dibuat, yang diuruskan oleh pihak kementerian sendiri adanya kekurangan dari segi kemalangan dengan penggunaan lampu oleh motosikal.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Arau bangun lagi, Ya sila, sila. Dua-dua dapat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Saya tadi mendengar Yang Berhormat menyebut bahawa punca kemalangan yang pertamanya pemandu, itu mungkin mengikut kriteria penyusunan itu, faktor pemandu itu yang penting. Saya hendak bangkitkan di sini dari segi pengambilan pemandu-pemandu yang bekerja dalam syarikat-syarikat seperti bas, lori pengangkutan dan sebagainya. Kita dapati bahawa mereka yang bekerja yang saya sebutkan tadi memandu sebagai satu tugas, bukan memandu sebagai memandu kereta sendiri, membawa keluarga dan sebagainya. Banyak juga yang menyebabkan kemalangan, kadang-kadang kita kasihan dengan yang menaiki motosikal, bila jumpa dengan lori, dan lori pula bergerak dengan begitu laju, di 'highway' pun kita tengok bas pun laju.

Jadi ini merupakan satu perkara yang saya harap kementerian dapat memberikan penjelasan bagaimana syarat-syarat pengambilan. Adakah kita mempunyai satu syarat pengambilan dan adakah pihak kerajaan sekarang ini menjadikan sebagai kerja memandu itu satu kerja profesional yang perlu diberikan garis panduan, perlu dikaji, ada peraturan-peraturan yang ditentukan kepada syarikat-syarikat yang mengambil, sebab syarikat ini dia mendapat keuntungan tetapi dengan cara dia mendapat keuntungan kemungkinan pemandu juga mengejar pendapatan yang lebih, insentif dan sebagainya, yang menyebabkan orang lain kemalangan.

Jadi, saya ingin bertanya adakah pihak kerajaan menjalankan kajian dan adakah pihak kerajaan bercadang untuk menjadikan pemandu ini sebagai satu kerja, karier pekerjaan yang harus dimantau dan juga mempunyai syarat-syarat tertentu. Terima kasih.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sememangnya untuk menjadi pemandu itu ada syarat-syarat tertentu, pertamanya orang yang demikian mestilah ada minat. Yang keduanya, dia mestilah ada lesen untuk memandu kenderaan yang tertentu dan sekarang ini jikalau pemandu-pemandu yang memandu kenderaan yang berat umpamanya dan berjalan jauh, *interstate* dan

sebagainya, dengan izin, pemandu-pemandu yang berkenaan terpaksa menjalani pemeriksaan yang tertentu, latihan dan juga terpaksa melalui training, latihan yang tertentu dan sekolah-sekolah memandu dan institut memandu sekarang ini telah diperketatkan lagi kurikulumnya, dengan mengadakan bukan sahaja ketat tetapi dengan adanya lesen memandu, lesen 'P' dan juga kurikulumnya diketatkan dengan mengadakan subjek-subjek seperti bercermat, berhemah dan juga selalu memikirkan pengguna jalan raya yang lain.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Jadi, ini adalah antara perkara-perkara yang boleh menjadikan seorang pemandu itu sebagai pemandu yang cekap Itu sahaja nampaknya sekarang ini dapat dilakukan dan setakat ini, inilah sebaik yang boleh dilakukan kepada pemandu-pemandu, bakal pemandu termasuklah pemandu kenderaan yang berat, bukan sekadar siapa sahaja yang boleh menjadi pemandu dan juga memandu kenderaan yang berat dan kenderaan-kenderaan yang tertentu.

Ahli Yang Berhormat bagi Sipitang membangkitkan langkah-langkah keselamatan jalan raya. Penyeliaan ditingkatkan dengan tindakan kerajaan untuk melantik Unit Kajian Keselamatan di Universiti Putra Malaysia sebagai juruperunding kerajaan dalam hal-hal keselamatan jalan raya di mana penyelidikan dibuat dan hasil daripada penyelidikan itu diutarakan, dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Jalan Raya dan juga kepada kementerian dan seterusnya kepada agensi-agensi dalam kementerian untuk dilaksanakan jikalau didapati ianya baik dan kempen-kempen multimedia juga dijalankan melalui televisyen, radio dan juga paparan di papan iklan dan juga akhbar-akhbar tempatan, pendidikan kepada pemandu dipertingkatkan melalui....

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tebrau bangun.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Sekejap, saya habiskan, sekejap sahaja. Pendidikan pemandu juga dipertingkatkan melalui kurikulum baru yang meliputi pandangan berhemah dan juga seperti pengeluaran lesen seperti Lesen P iaitu lesen pemandu dahulu, ujian dahulu untuk pemandu yang baru dan juga piawaian kejuruteraan juga telah dipertingkatkan. Jalan raya - banyak jalan raya di tempat-

tempat yang tertentu, dengan izin, accident prune area diperkenal, ditentukan dan tindakan-tindakan yang tertentu untuk memperbaiki keadaan, memperbaiki jalan telah dijalankan dan akan dijalankan dari semasa ke semasa. Ya, sila.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya mohon sedikit penjelasan berhubung dengan kemalangan jalan terutama di lebuh raya. Dalam kajian saya dan juga penjelasan, ini masalah sepanjang lebuh raya ini ada ditanam pokok dan ada sebahagian tidak ada ditanam pokok, jadi nampak kemalangan ini berlaku di mana yang tidak ada pokok itu banyak dilanggar penghalang, oleh sebab terutama waktu malam, bila waktu malam lampu yang datang itu menyuluh kepada kita, walaupun lampu itu tidak dibesarkan (*dideemkan*), kita tersilau, jadi kalau orang yang berlari sedikit, terlalu mengganggu di antara jalan ke depan dengan kita yang hendak pergi ke hadapan, jadi bertembung itu lampu kereta itu mengganggu. Soalannya, adakah kementerian bercadang supaya sepanjang lebuh raya ini ditanam pokok semua. Kedua, cantik dan elok, dan saya hairan kenapa sebahagian ditanam pokok, lepas itu besi dan sebagainya. Jadi, nampak kemalangan ini lampu pun sebahagian daripada yang boleh menyilaukan mata pemandu pada waktu malam, ini saya pernah balik waktu malam, kadang dia saja deem. Jadi, bila kita terkejut itu, kalau tak betul-betul kontrol, itulah langgar besi penghalang jalan. Jadi, adakah kementerian kalau tanam pokok sepanjang lebuh raya kita nampak indah dan cantik. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Tuan Pengerusi, sememangnya menjadi dasar pada mulanya untuk menanam pokok di tepi kiri kanan lebuh raya dengan tujuan untuk mempercantikkan lagi, mengadakan keadaan alam sekitar yang baik, nyaman dan sebagainya untuk pemandu-pemandu. Tetapi ada setengah tempat-tempat yang tertentu di mana difikirkan bahawa penanaman pokok tidak sesuai, maka tidak ditanam pokok sama ada sekarang ataupun di masa yang akan datang. Mengenai perkataan Yang Berhormat

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Saya maksudkan tengah-tengah, bukan tepi.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Pokok tengah-tengah?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ha, tengah, ada yang macam antara Pagoh dengan nu..., tengah pokok dia, lepas tu besi, tengah-tengah jalan itu antara dua, sebelah kiri dan sebelah kanan. Jadi, yang datang masalah itu lampu,

menyuluh kepada yang sebelah jalan itu, kalau pokok jadi ia terlindung lampu kita tengah malam, bukan saya maksudkan tepi jalan, tengah-tengah.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Ya, ialah nampaknya pokok itu memberi manfaat kalau ada pokok tidak ada silauan, jadi ini tidak mengganggu pemandu-pemandu. Jadi, bererti di tempat-tempat yang lain nanti jikalau dipandang, kalau difikirkan mena nam pokok akan membawa kebaikan maka pokok akan ditanam nanti di masa yang akan datang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, banyak lagikah?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Ya?

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Banyak lagikah?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Tuan Pengerusi, banyak sangat soalan! Sedikit lagi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, baik.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Kalau hendak tangguh, boleh juga.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Oh, tidak, saya hendak tahu sama ada jawapan panjang lagi.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Ini terpulang kepada kalau Ahli Yang Berhormat hendak bertanya, kalau ini sahaja dalam 15 minit akan selesai.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ini terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri juga. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri fikir tidak payah layan pun bolehlah, ini terpulang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteriilah.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Saya ikut Tuan Pengerusi sahajalah.
[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kerana kesuntukan masa.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Ya. Yang Berhormat daripada Sipitang, isu berhubung dengan tanah KTM sudah dijawab, kedudukan kajian rel Singapura-Kun Ming dan keuntungan projek ini. Kajian kemungkinan pembinaan rel Singapura-Kun Ming baru sahaja selesai dibuat dan pada masa ini pihak kerajaan sedang mengkaji kajian tersebut. Dari segi keuntungannya yang akan diperolehi oleh Malaysia adalah pada jangka panjangnya bukan sahaja ianya akan mengeratkan dan mendekatkan lagi negara-negara di Asia ini, dengan itu membawa lagi banyak para pedagang ke rantau

ini terutama sekali di Malaysia dan dengan itu keuntungan yang boleh diperolehi dalam jangka masa panjang.

Ahli Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menara kawalan baru sedang dibina oleh kerajaan dan dijadualkan siap pada penghujung tahun ini. Manakala pembinaan bangunan terminal akan dilaksanakan oleh Malaysia Airport. Menara kawalan dibina terlebih dahulu untuk tujuan mempertingkatkan lagi keselamatan operasi penerbangan Landasan yang sedia ada adalah selaras dengan piawaian antarabangsa dan adalah sesuai dan wajar berada sedemikian dan mencukupi untuk menampung operasi pesawat 737. Pada ketika ini kerajaan tiada rancangan untuk memanjangkan lapangan terbang ini untuk operasi kapal terbang yang lebih besar lagi kerana apa yang ada sekarang ini adalah sesuai memadai, jikalau banyak penumpang maka kita akan pertimbangkan untuk mempertingkatkan penerbangan ke sana. Walaupun lapangan terbang ini tidak dilengkapi dengan Instrument Landing System (ILS), dengan izin, tetapi ianya mempunyai peralatan-peralatan yang lain yang juga boleh hampir-hampir menyerupai kemudahan yang diberi oleh instrument yang lain ini seperti VOR, DME dan juga NDB untuk membantu juruterbang membuat pendaratan dengan selamat seperti yang telah dilakukan selama ini.

Yang Berhormat bagi Rantau Panjang juga – mengenai penswastaan Pelabuhan Kuantan. Operasi pelabuhan telah diswastakan kepada Kuantan Port Konsortium. Di bawah perjanjian konsesi penswastaan ini, pihak Kuantan Port Konsortium perlu menjalankan kerja-kerja mengorek dalam usaha meningkatkan kemudahan Pelabuhan Kuantan di mana kos pengorekan sebanyak RM153 juta perlu dibelanjakan oleh Kuantan Port Konsortium terlebih dahulu dan kemudiannya dibayar balik oleh kerajaan, menunjukkan peruntukan RM91 juta dalam anggaran tahun 2000 merupakan sebahagian daripada reimbursable untuk maksud ini yang akan dibayar balik kepada Kuantan Port authority.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, adalah tidak benar kerana kerja-kerja ini dijalankan untuk menguntungkan pihak swasta. Kerajaan menjalankan usaha-usaha untuk mengorek dan membesarkan lagi Kuantan Port ini supaya ianya menjadi satu pelabuhan yang berketerampilan dan juga menjadikan negara kita berkeupayaan, bukan sahaja ada satu pelabuhan tetapi banyak pelabuhan termasuklah Pelabuhan

Kuantan dan juga untuk memberi perkhidmatan khususnya untuk Pantai Timur. Jikalau dilakukan kerja-kerja RM153 juta ini yang dilakukan oleh pihak.....

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Marang..

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Sekejap, sekejap ya. Dilakukan oleh pihak swasta sudah tentulah mereka tidak akan boleh berbuat demikian. Makna swasta pun tidak boleh berbuat demikian tanpa bantuan daripada kerajaan dan kerajaan membantu kerana ini adalah sebagai salah satu pembinaan infrastruktur untuk menjadikan negara kita sebagai negara yang kompetitif, berdaya maju.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyedari dan berada dalam maklumat Yang Berhormat bahawa pembinaan Pelabuhan Kuantan itu sendiri pada awalnya adalah tidak sesuai sebagai satu pelabuhan yang boleh didatangi oleh kapal-kapal yang lebih besar dengan sebab keadaan semula jadi yang pada asalnya dan di sana ada kawasan yang lebih sesuai di Terengganu dan telah dijadikan pelabuhan oleh Petronas. Berlakunya demikian ialah kerana di masa itu oleh kerana yang mengepalai negara adalah orang Pahang, maka pelabuhan dibuat di Pahang dan telah menelan belanja yang begitu besar dan berlaku beberapa perkara yang memerlukan tambahan. Padahal, di sana ada pelabuhan yang lebih dalam iaitu pelabuhan di Kemaman yang digunakan oleh Petronas. Adakah kerajaan mengambil kira dan menyedari perkara ini.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, adalah tidak benar bagi Yang Berhormat untuk mengatakan bahawa Pelabuhan Kuantan dibina oleh kerana motif-motif yang tertentu. Ia dibina adalah untuk memberi perkhidmatan kepada hinterland, dengan izin, Pantai Timur. Yang pertamanya kerana kedudukannya di tengah-tengah di antara Kota Bharu dan Johor kedudukannya lebih kurang tengah-tengah. Jadi, ini akan menjadikannya sebagai satu pelabuhan yang bersesuaian untuk memberi perkhidmatan kepada hinterland ini iaitu kawasan di sekitarnya, memberi perkhidmatan di kawasan sekitarnya.

Yang keduanya, pelabuhan ini setelah dibina menunjukkan kemajuan dan telah menunjukkan bahawa ianya viable sebagai satu pelabuhan dan perangkaan yang ada sekarang ini menjadikannya sebagai kenyataan yang ada sekarang ini iaitu pelabuhan ini telah pun meningkat prestasinya dan meningkat dari segi

pertumbuhannya, menunjukkan bahawa keputusan kerajaan untuk menjadikan Kuantan Port ini sebagai satu pelabuhan di Pantai Timur adalah wajar dan yang keduanya, kita...

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Pendang.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Saya belum habis lagi, sekejap ya. Saya beri peluang kepada semua kalau Tuan Pengerusi berilah, izinkan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Cuma jimatkan sedikit masa.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Ya, yang keduanya, Pelabuhan Kemaman tidak diabaikan, ianya dipertingkatkan lagi. Pada tahun ini, kalau pengingatan saya masih ada lagi, RM6 juta lagi akan dilaburkan untuk Pelabuhan Kemaman untuk mempertingkatkan lagi keupayaannya kerana tradenya ataupun perdagangan sudah meningkat, ia sudah mampu mengendalikan pelbagai kargo, pelbagai barangan dagang dan sudah meningkat hampir lebih daripada 11%. Jadi, kedua-dua ini kita tidak anaktirikan di mana-mana, kedua-dua ini mempunyai keistimewaan dan perlu dibangun, bukan satu sahaja dibangun tetapi kedua-duanya dibangun. Sila, Yang Berhormat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Terima kasih, Tuan Pengerusi dan terima kasih Tan Sri. Saya ingin mendapat penjelasan iaitu mengenai dengan cadangan ataupun satu kenyataan yang pernah dibuat sebelum PAS mengambil alih Kelantan pada tahun 1990 bahawa satu pelabuhan untuk pendaratan bot-bot laut dalam akan dibuat di pantai Bachok tetapi sekarang ini nampaknya projek itu tidak diteruskan walaupun beberapa kali dalam pertemuan antara Menteri Besar Kelantan dengan Perdana Menteri, Menteri Besar Kelantan membangkitkan semula mengenai dengan cadangan pembinaan pelabuhan untuk pendaratan bot-bot laut dalam ini di Bachok, sedangkan pengusaha-pengusaha bot laut dalam ini menggunakan pelabuhan di Thailand untuk pendaratan. Jadi, apakah kerajaan bercadang untuk menghidupkan semula program ataupun rancangan ini atau projek pembinaan pelabuhan untuk pendaratan bot-bot laut dalam di pantai Bachok. Terima kasih.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pembinaan pelabuhan dan kemajuan kepada pelabuhan di negara kita adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan di tempat-tempat yang tertentu tidak termasuk Pelabuhan Kota

Kinabalu dan sebagainya, adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Jadi, kerana ia merupakan sebahagian daripada infrastruktur kita dan jikalau kita bangunkan, maka keuntungan bukan pergi kepada negeri sahaja tetapi juga kepada pihak Persekutuan. Oleh itu, tidak ada keuntungan Kerajaan Persekutuan untuk menganaktirikan mana-mana tempat atau mana-mana pelabuhan, sama ada dimaju atau tidak dimajukan.

Mengenai Pelabuhan Bachok, jikalau ianya mempunyai potensi yang tinggi, maka kita akan buat kajian sekali lagi dan akan pertimbangkan jikalau ia mempunyai potensi seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Seterusnya, Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah membangkitkan perkara senarai hitam kenderaan. Tujuan utama senarai hitam kenderaan diwujudkan ke atas pemandu yang melakukan kesalahan adalah untuk memastikan pesalah-pesalah yang membayar kompaun ke atas kesalahan mereka. Selain itu, senarai hitam juga diwujudkan untuk mengurangkan atau mengeluarkan sebarang penipuan, contohnya, pendaftaran semula kenderaan curi dan sebagainya. Senarai hitam tidak dikenakan ke atas pemandu-pemandu dan pemilik-pemilik kenderaan yang tidak melakukan kesalahan.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya rasa setakat itu sahajalah yang saya dapat huraikan ataupun memberi jawapan, penjelasan ataupun maklumat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bekerjasama dan menunjukkan minat, membincangkan perkara-perkara yang berbangkit yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dalam membahaskan Belanjawan....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tanah Merah...

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Saya hendak habis nafas pun ada lagi. Okay.

Tuan Saupi bin Daud: Saya masih menunggu jawapan sebab saya tadi bertanya banyak juga soalan dengan kementerian. Jadi, saya ingat selepas Kota Melaka bercakap tadi, saya yang terakhir bercakap. Jadi, belum ada mendapat apa-apa jawapan dan saya lihat Timbalan Menteri sudah hendak....jadi, mintalah....ke soalan saya tadi tidak dipakai?

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: *[Menyelak nyelak kertas]* Ini yang melambatkan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Atau Yang Berhormat fikir hendak jawab kemudian, secara bertulis.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Tanah Merah - Keadaan jalan. Ini adalah perkara-perkara – sebenarnya saya ‘taruh’ – bukan hendak memperkecilkan tetapi memang saya letakkan di tempat yang kurang priority sikit oleh kerana ia membangkitkan perkara-perkara seperti jalan yang berlopak-lopak dan sebagainya. Jadi, perkara ini boleh dijawab dengan jawapan ataupun ayat yang am sahaja, yang saya juga hendak bangkitkan, yang akan saya sebutkan dalam perenggan mutakhir saya untuk menggulung jawapan saya.

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas Ahli-ahli Yang Berhormat kedua-dua pihak, daripada Barisan Nasional mahupun dari pihak pembangkang yang telah memberi teguran dan juga pandangan serta nasihat kepada kementerian ini dalam membahaskan Belanjawan 2000 berkaitan perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan. Banyak juga perkara-perkara yang tidak dapat saya sebutkan oleh kerana ianya membangkitkan perkara-perkara yang seperti yang saya katakan tadi di mana kementerian ini, saya bagi pihak kementerian akan mengambil perhatian dan di mana tempat-tempat yang sesuai diadakan tindakan yang tertentu mengenainya. Dengan itu saya menggulung ucapan saya ini dengan ucapan terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Tanah Merah, apa ada?

Tuan Saupi bin Daud: Saya nyatakan, biarlah Timbalan Menteri tidak mahu jawab pun tidak apa, memang saya sudah jangka.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab,

Tuan Saupi bin Daud: Tidak.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: ...ini perkara-perkara yang tidak dapat dijawab akan dia mbil perhatian.

Tuan Saupi bin Daud: Bukan. Jawapan yang diberi oleh Timbalan Menteri, persoalan yang saya kemukakan benda yang kecil sebab memang itulah saya kata, kita ini memang betul, kalau rakyat ...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, okay. Sebab Timbalan Menteri sudah maklumkan dalam perhatian kementerian, jadi sebenarnya jawapan pun diberikanlah.

Tuan Saupi bin Daud: Tidak. Saya minta begini sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila ...

Tuan Saupi bin Daud: Bukan. Saya minta lain. Cara Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tadi, soalan saya tadi, dia kata diketepikan. Jadi, kalau itulah sikap kementerian

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, cukuplah, cukuplah.

Tuan Saupi bin Daud: Tidak apalah. Saya harap pun lain kali kalau Timbalan Menteri hendak jawab, cubalah berhati-hati sikit.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Baik-baik.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: Tuan Pengerusi, adalah tidak benar saya hendak ketepikan, saya ka takan, oleh kerana kita kekurangan masa seperti yang Pengerusi telah katakan tadi, ingatkan kepada kita. Jadi, ada setengahnya, bukan sahaja daripada Yang Berhormat tetapi yang lain-lain itu, ada setengahnya saya tidak dapat jawab dengan khusus kerana begitu panjang nanti akan tetapi kesannya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, saya ingat semua fahamalah.

Tan Sri Ramli bin Ngah Talib: kesannya tidak kurang jikalau saya katakan kita ambil perhatian dan juga kita ambil tindakan di mana-mana yang perlu.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya. Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM339,734,500 untuk Maksud B.47 di bawah Kementerian Pengangkutan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM339,734,500 untuk Maksud B.47 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM1,648,315,280 bagi Maksud P.47 yang disebutkan dalam anggaran Pembangunan 2000 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM1,648,315,280 bagi Maksud P.47 diluluskan jadi sebahagian Anggaran Pembangunan 2000.

**Maksud B.48 [Jadual] –
Maksud P.48 [Anggaran Pembangunan 2000] –**

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kepala B.48 dan Pembangunan P.48 di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar terbuka untuk dibahas. Bachok.

5.56 ptg.

Tuan Wan Nik bin Wan Yusoff [Bachok]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sukacita saya mengambil peluang untuk membahas di bawah Jawatankuasa ini dan sukacita saya merujuk kepada Butiran B.48, butiran spesifiknya ialah 010800 yang memperuntukkan RM3,453,000 juta di bawah tajuk Institut Kemajuan Desa (INFRA).

Isu pembangunan luar bandar adalah suatu isu yang diberi perhatian serius oleh pihak Kerajaan Barisan Nasional dan isu ini juga menjadi suatu isu besar dalam setiap kali kempen pilihan raya. Tugas yang dibebankan oleh Institut Kemajuan Desa saya rasa perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian kerana yang berlaku pada hari ini ialah usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan masyarakat luar bandar didapati masih lagi terumbang-ambing dari sudut kesan yang sebaiknya diharapkan oleh semua pihak. Kerana kita tahu luar bandar ialah kilang untuk menghasilkan bahan mentah yang penting kepada pembangunan negara dan di sana juga terdapat kumpulan masyarakat yang masih dalam kesusahan, kemiskinan, terhimpit dengan pelbagai tekanan dan kadangkala mereka juga menjadi mangsa di sebalik pertarungan politik bangsa Melayu. Oleh kerana itu kesedaran daripada pihak kerajaan lebih-lebih lagi, usaha-usaha bagi membantu masyarakat luar bandar mesti diberi perhatian. Di antaranya, saya rasa Institut Kemajuan Desa boleh membantu untuk mempertingkatkan cara-cara yang terbaik dalam usaha ini.

Merujuk kepada B.48, Butiran 020200 – Pembangunan Sumber Manusia Dewasa dan disekalikan dengan Butiran P.48, 00100 – Pendidikan Masyarakat. Kepada saya dua peruntukan ini adalah penting untuk diambil perhatian kerana pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan institusi ataupun agensi yang berkaitan dengannya selalu menggunakan isu pembangunan masyarakat luar bandar ini sebagai

isu untuk mempromosikan program-program bagi membantu memajukan masyarakat. Apa yang penting untuk kita ketahui ialah medium untuk memajukan masyarakat ini perlu dipertingkatkan oleh pihak kementerian. Yang ada hari ini ialah KEMAS ataupun Kelas Kemajuan Masyarakat, institusi pendidikan seperti tadika, kemudian beberapa lagi institusi lain di bawah kementerian ini didapati dari sudut kesannya masih di tahap lama.

Itu suatu kenyataan yang harus kita lihat berdasarkan kepada prestasi misalnya kelas KEMAS yang diwujudkan di luar bandar. Kebanyakannya tidak bermaya dan kalau bermaya pun beberapa kes sahaja dan ini dianggap merugikan masa sekiranya perhatian ke arah mempertingkatkan pencapaian institusi pendidikan masyarakat ini tidak dibuat sesuatu yang lebih baik dalam menyambut alaf baru ini.

Oleh kerana itu, suka saya mencadangkan kepada pihak kementerian untuk berfikir suatu medium yang lebih berkesan lagi iaitu menerusi medium penyiaran. Pihak kementerian sendiri boleh menerajui suatu siaran penyiaran melalui radio atau televisyen ataupun memasukkan unsur-unsur program yang lebih – untuk membantu dari sudut minda dan juga dari sudut maklumat supaya masyarakat luar bandar menerima maklumat-maklumat yang terkini daripada kerajaan dan juga mendapat idea-idea baik kerana kita tahu orang luar bandar sendiri dari sudut masa membacanya adalah terhad dan mereka lebih gemar untuk menonton dan mendengar. Maka di bawah program ini, Program Pembangunan Sumber Manusia untuk golongan dewasa lebih-lebih lagi boleh digunakan media penyiaran seperti radio dan TV untuk memasukkan siaran-siaran ataupun diwujudkan suatu rangkaian radio ataupun saluran TV khusus untuk golongan tani supaya golongan tani ini mendapat beberapa pembaharuan dari sudut gerak kerja, motivasi dan cara-cara bagi mempertingkatkan daya pengeluaran mereka dan di sektor mereka

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Yan bangun.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Sila.

Tuan Nasharudin bin Mat Isa: Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada perhatian Dewan tentang jumlah kuorum ahli-ahli Majlis Mesyuarat.

[Ahli-ahli dikira - 21 Ahli hadir]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Setiausaha – 21, bunyikan loceng.

[Loceng dibunyikan]

[Ahli-ahli dikira - 34 Ahli hadir]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: 34, cukup. Yang Berhormat bagi Bachok teruskan.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussuf: Terima kasih di atas keprihatinan bersama Yang Berhormat untuk meneruskan agenda persidangan kita pada petang ini. Lebih-lebih lagi kepada Yang Berhormat bagi Rompin, Ketua Backbenchers.

Merujuk kepada Butiran di bawah P.48, Butiran 02001 – Bekalan Air Luar Bandar. Untuk Semenanjung Malaysia kita tidak termasuk Sabah dan Sarawak ialah berjumlah RM62,799,300 yang dari sudut peruntukannya agak besar berbanding ataupun daripada keseluruhan jumlah peruntukan di bawah bekalan air luar bandar daripada RM96 juta lebih.

Jadi, daripada peruntukan ini kita yakin dan percaya suatu kenyataan, saya suka menarik perhatian pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar iaitu kenyataan yang pernah dikeluarkan oleh pihak Menteri terdahulu yang telah pun kecundang di Peringat pada pilihan raya 1999 lalu iaitu untuk mencapai satu target bekalan air bersih luar bandar ialah 60% domestik luar bandar mendapat khidmat ini. Apa yang didapati ialah selepas daripada kenyataan itu berlakunya pilihan raya dan sehingga hari ini usaha itu tidak dibuat dan daripada kenyataan bekas Menteri dahulu ialah fokusnya adalah di Kelantan memandangkan Kelantan menghadapi masalah air pada masa itu, kononnya atas alasan untuk membantu kerajaan negeri. Apa yang penting ialah janji yang dikemukakan itu seharusnya pihak kementerian memberi keutamaan dan melaksanakannya meskipun Menterinya bertukar dan wawasan Menteri baru, saya yakin lebih berwibawa daripada Menteri lama yang telah kalah dalam pilihan raya itu. Oleh kerana itu, pihak kementerian seharusnya mengambil satu langkah yang lebih berkesan untuk memulakan gerak kerja ini memandangkan peruntukan yang besar dalam Belanjawan 2000 ini.

Walau bagaimanapun, apa yang penting untuk diberi perhatian lagi keperluan bekalan air bersih di peringkat penduduk luar bandar ini sesuatu yang tidak boleh tidak mesti diwujudkan dan dalam isu ini saya mencadangkan kepada pihak kementerian ketepikan isu politik, sebaliknya membantu rakyat supaya mendapat bekalan air bersih dan dengan bersihnya air itu, insya-Allah fikiran bersih dan kesegaran menerima perubahan untuk membantu kepada kemajuan masyarakat itu

akan lebih berjaya, lebih-lebih lagi dalam usaha untuk menaikkan taraf mereka melepasi garis kemiskinan dan kesusahan yang mereka hadapi.

Di bawah Program Permodenan Kampung, P.48, Butiran 02403, – Program Keindahan Kampung, suatu program yang selalu dipromosikan oleh pihak kementerian ini ialah untuk memastikan suatu pemilihan kampung yang terbaik dan bercirikan suatu nilai kampung yang harmoni, bersatu padu dan pada pandangan saya ianya adalah boleh diteruskan walaupun kita yakin di sebalik program ini ada beberapa perkara yang dari sudut politiknya tidak wajar. Tetapi unsur politik sebagaimana yang saya katakan boleh diketepikan atau asas untuk memajukan kampung-kampung tradisi yang dihuni oleh sebahagian besar bangsa Melayu luar bandar itu sendiri.

Apa yang hendak saya tarik perhatian pada petang ini ialah pemilihan kampung yang dibuat di beberapa kes di Kelantan, berlakunya suatu tindanan dengan usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan negeri. Kerajaan Negeri Kelantan menerusi Program Desa Takwanya telah pun berjaya untuk melepasi suatu status kampung tradisi yang terkebelakang kepada suatu kampung tradisi Melayu yang terkedepan dengan pelbagai usaha. Ada kesnya di Parlimen saya sendiri, pemilihan kampung ini dibuat oleh pihak tertentu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini ialah memilih kampung yang telah pun diusahakan kemajuannya oleh pihak kerajaan di bawah Program Desa Takwa dan menyebabkan kampung tersebut dalam pertandingan itu telah mendapat tempat pertama dan ini suatu kes yang dianggap bertindan, tidak wajar diteruskan.

Saya yakin dengan Program Keindahan Kampung ini banyak input atau banyak perkara baru yang boleh dibawa oleh pihak kementerian dan dengan peruntukan yang ada boleh diperlebar dan perbanyakkan lagi jumlah kampung-kampung yang dimasukkan di bawah Program Keindahan Kampung ini.

Di sebalik program ini kita yakin ianya boleh memberi satu nilai yang positif lagi untuk membuka minda masyarakat luar bandar kepada melihat dunia lebih luas dan mencintai kampung halaman sendiri supaya dengan cara begini mereka akan terkeluar daripada kehidupan yang terhimpit.

Kemudian di bawah P.48, Butiran 023000, peruntukan yang dibekalkan dalam budgetnya ialah RM60,807,000. Daripada peruntukan ini satu lagi kes iaitu melibatkan projek-projek jalan luar bandar. Suka saya menarik perhatian kepada

pihak kementerian iaitu kes-kes tertentu telah berlaku di Kelantan iaitu tindakan projek yang dilaksanakan, jalan-jalan luar bandar yang dilaksanakan bertindan dengan kerajaan negeri dan kesan daripada itu tuntutan projek dibuat di atas atau menumpang projek yang telah pun dibuat oleh pihak kerajaan negeri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Ya, saya hendak tuju kepada menggulung sekarang ini.

Maksudnya ialah, satu jalan yang telah ditentukan projek oleh pihak kerajaan negeri untuk membatu jalan tersebut, untuk menambun batu. Lepas daripada itu pihak JPP telah meluluskan pula untuk projek mengetar ataupun menurap jalan kampung itu tetapi apabila berlaku tuntutan (claim) daripada sumber yang saya dapati daripada pihak Jabatan Pembangunan Persekutuan, claim dibuat sepenuhnya iaitu termasuk dalam membatu dan juga mengetar.

Dalam perkara ini, dukacitalah saya sekiranya pihak kementerian terus membiarkan perkara ini berlaku kerana ini satu nilai penyelewengan dalam projek-projek yang diperuntukkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan itu sendiri. Oleh kerana itu, di bawah peruntukan ini juga banyak sungutan yang tidak puas hati kepada pihak kontraktor kerana menggunakan 'bitumin' ataupun tar yang bermutu rendah dan projek ini di kebanyakan tempat disiapkan waktu malam yang bila siang esoknya didapati kerjanya 'lepas batuk di tangga sahaja' dan tiga bulan selepas daripada itu jalan tadi kembali asal, berlopak-lopak dan menyusahkan lagi lebih daripada susah sebelumnya.

Oleh kerana itu, saya mengharapkan di bawah projek-projek pembangunan luar bandar ini pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar lebih-lebih lagi dengan wawasan Menteri yang baru, saya yakin boleh mengubah dan membaiki segala kelemahan yang ada demi untuk melihat dan memajukan masyarakat luar bandar yang terdiri sebahagian besarnya orang Melayu dan membantu orang Melayu adalah tugas Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan. Itulah, sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Batang Sadong.

Puan Hajah Sukinam binti Domo: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma ingin menyentuh tiga perkara, pertama Perbelanjaan di bawah Kepala P.48 Butiran 01702 – Bekalan Elektrik Luar Bandar Sarawak.

Tuan Pengerusi, walaupun sudah dimaklumi tetapi saya perlu mengulangi Sarawak negeri yang besar dan kawasan luar bandarnya begitu luas dan sebahagian besar luar bandar ini sebenarnya boleh kita kategorikan sebagai pedalaman kerana kawasan luar bandar di Sarawak tidak sama dengan luar bandar di Semenanjung kerana kadang-kadang ada rakan-rakan di Semenanjung mengatakan FELDA luar bandar bagi kami FELDA bukan luar bandar. Oleh kerana kawasan-kawasan luar bandar jauh di pedalaman, jauh dari pekan yang mempunyai bekalan elektrik awam kawasan-kawasan di luar bandar ini bergantung kepada bekalan elektrik menerusi generator ataupun ada sistem solar juga yang diberikan oleh kementerian, kita mengucapkan terima kasih atau tiada bekalan elektrik langsung.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, sekarang ini kita dalam abad ke-21, zaman IT tetapi masih banyak lagi kawasan luar bandar, penduduk luar bandar di Sarawak yang tidak mempunyai bekalan elektrik. Jadi bagaimanalah mereka hendak, kita hendak merapatkan jurang antara luar bandar dan bandar untuk mengetengahkan *computer education*, dengan izin, dan sebagainya, sedangkan mereka tidak mempunyai bekalan elektrik. Memang kementerian ada membekalkan sistem solar tetapi kami dapati sistem solar ini tidak berkesan, tidak berkesan langsung, sudah berapa buah kampung di kawasan saya mahal, kosnya tinggi tetapi cepat rosak dan apabila rosak susah hendak diperbaiki, mengambil masa kadang-kadang sampai satu tahun lebih baru hendak memperbaiki. Jadi saya rasa ini tidak sesuai.

Saya menyarankan supaya kampung-kampung atau rumah panjang ini dibekalkan dengan *gen set*, set generator, ini memang telah kami lakukan juga di setengah kampung dan di rumah panjang, memang kita berikan *gen set* besar supaya mereka dapat berkongsi, beberapa buah pintu, kadang-kadang 50 pintu rumah panjang berkongsi satu *gen set* yang besar. Tetapi bagi kampung-kampung Melayu tidak dapat kita memberikan *gen set* yang besar. Saya timbulkan ini kerana saya difahamkan pihak kementerian tidak bersetuju belum boleh meluluskan *single unit*, dengan izin, *generator set* untuk masyarakat kampung Melayu kerana dikatakan pada masa-masa dahulu ada pernah berlaku apabila diberikan *single unit*, dijual. Saya rasa

ini mungkin *isolated case*, dengan izin, kerana di kawasan saya Yang Berhormat, khususnya kawasan kebun, perkebunan, kebun kelapa jarak antara sebuah rumah dengan sebuah kadang-kadang sampai 200 meter, jauh.

Jikalau kita hendak gunakan satu unit generator set yang besar kos pembinaannya akan tinggi kerana kos wiring akan lebih besar kerana jarak rumah jauh dan apabila berkongsi satu gen set cepat rosak kerana banyak tangan, everybody, dengan izin, hendak jadi electrician, hendak jadi mekanik, cepat rosak. Kalau kita berikan sebuah rumah satu, jadi terserahlah kepada penghuni rumah itu, dia hendak pakai banyak, sikit rosak dia akan tanggungjawab sendiri. Jadi saya merayulah kepada kementerian supaya memberikan *single unit* kepada kampung-kampung yang memang memerlukan tidak dapat kita berikan berkongsi gen set. Ini saya mintalah.

Kemudian, Butiran 03200 hingga ke 03209 iaitu Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Dalam hal ini saya bertanya, saya mengucapkan tahniah dan syabas dan terima kasih kepada kementerian kerana banyak merancang program-program untuk rakyat termiskin, tetapi saya merasakan ada di antara program ini begitu piecemeal, dengan izin, mungkin tidak coordinated dan mungkin tidak ada penilaian, kalau ada pun mungkin saya tidak tahu, saya minta maaf.

Jadi saya ingin bertanya adakah kajian sudah dibuat tentang keberkesanan program-program ini, kalau ada, berapa peratuskah rakyat termiskin yang terlibat dalam program-program ini yang telah terkeluar daripada kategori rakyat termiskin. Kalau jumlahnya besar bermakna program itu berjaya dan sehubungan ini juga saya ingin bertanya adakah usaha dibuat untuk mengemaskinikan senarai rakyat termiskin. Saya persoalkan ini kerana baru-baru ini pada bulan Ramadan yang lalu ada aktiviti KEMAS memberikan hadiah atau sumbangan hari raya kepada golongan rakyat termiskin. Tetapi malangnya niat baik kerajaan dipersoalkan oleh sesetengah pihak kerana senarai itu tidak melambangkan, ada di antara yang dalam senarai itu sebenarnya tidak layak menerima. Apabila saya siasat saya difahamkan senarai itu ialah senarai pada tahun 1990. *So, out of date*, terlalu *out of date*, dengan izin. Jadi saya ingin bertanya adakah pihak KEMAS atau pihak kementerian mengemaskinikan senarai itu dan diberitahu kepada pegawai-pegawai di bawah.

Berkaitan dengan ini juga Program Gerakan Desa Wawasan, pernah saya bertanya di Parlimen dalam sesi soal jawab, apakah kedudukan Program Gerakan Desa Wawasan kerana pernah satu ketika Program Gerakan Desa Wawasan dianggap

sebagai program tayar kerana setiap kali dilancarkan Program Gerakan Desa Wawasan di permukaan kampung itu diletak tayar yang besar, dikatakan projek Gerakan Desa Wawasan. Jadi saya ingin bertanya apakah kemajuan program itu adakah menepati hasrat murni kerajaan untuk meningkatkan, memajukan masyarakat kampung untuk menjadikan mereka berdikari supaya dapat memajukan kampung sendiri.

Kemudian saya ingin menyentuh Bekalan B.48 Butiran 090200 – Pembayaran Ganjaran Kepada Pegawai Lantikan Kontrak KEMAS. Saya dapati, saya bukan menyalahkan pegawai KEMAS, saya dapati banyak program yang dilaksanakan di peringkat luar bandar oleh kementerian mungkin tidak begitu difahami ataupun mungkin tidak dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh pegawai-pegawai KEMAS mungkin kerana kelayakan ataupun kefahaman mereka terhad. Jadi sebab itulah program-program itu tidak dapat dilaksanakan dengan begitu berkesan.

Jadi saya ingin bertanya apakah sebenarnya tugas pegawai-pegawai KEMAS ini kerana saya difahamkan kebanyakan mereka kontrak, secara kontrak dan apa kah kelayakan yang diperlukan. Misalnya kalau kita lihat, saya perhatikan mereka hanya dapat melaksanakan atau membuat apa yang diarah tetapi mereka tidak dapat memikirkan strategi yang berlainan untuk keadaan yang berlainan. Walaupun mungkin satu rancangan sama tetapi strategi pelaksanaannya boleh berbeza-beza mengikut keadaan setempat. Saya merasakan mereka tidak dapat melakukan ini, tidak berupaya mungkin tidak tahulah sama ada kementerian ingin memikirkan semula tentang kategori kelayakan pegawai ini ataupun kita terlalu bergantung kepada seorang hamba Allah di luar bandar itu untuk melakukan macam-macam, jadi penyelia kelas tadika dia juga, jadi penyelidik mengutip data untuk rakyat termiskin dia juga, macam-macam yang dia buat. Adakah dia berkemampuan melakukan semua itu. Are we expecting too much, dengan izin, for a person.

Jadi saya inginlah mendapat, sebelum kita dapat menyalahkan pegawai ini mungkin kita perlu lihat dahulu kelayakan mereka, latihan yang diberikan, program yang diberikan, adakah terlalu banyak. Begitu juga dengan Pegawai Daerah, Pegawai Daerah setiap program pembangunan persekutuan atau state, semuanya dipengerusikan oleh Pegawai Daerah. Jadi seorang Pegawai Daerah dia mempunyai tugas yang terlalu berat, banyak sangat mungkin dia tidak dapat melakukan segala-galanya. Sebab itulah ada di antara program-program kita yang masyarakat luar

bandar memerlukan sangat tetapi itu tidak begitu berkesan. Tetapi peruntukan kewangannya begitu tinggi yang dirasakan oleh masyarakat kampung tidak setimpal dengan kerja-kerja dan sebagainya. Termasuklah program tadika dan yang saya tidak dapat sentuh secara lanjut di sini, sebenarnya saya hendak sentuh sewaktu Kementerian Pendidikan dahulu tetapi tidak diberi peluang iaitu Tadika KEMAS, banyak juga sungutan dan sekolah-sekolah KEMAS dan sebagainya.

Jadi itu sahajalah Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Berapa ramai yang hendak berucap, Yang Berhormat? Tujuh ya. Pasal kita sudah ketinggalan dua hari ini ya, Yang Berhormat. Nak sambung enam hari pun, tak cukup.

Tuan Husam bin Haji Musa: Rompin tak payah bagi dah.

Tuan Pengerusi: Baiklah.

Tuan Husam bin Haji Musa: Dia dah dapat DARA dah.

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Mintalah jangan terlampau lebih dari sepuluh minit ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, ya, lima minit.

Datuk Mohd Ali bin Hassan: Siapa Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Kubang Kerian.

Datuk Mohd Ali bin Hassan: Oh, bukan Tebrau. *[Ketawa]*

Tuan Husam bin Haji Musa: Rompin duduk, Rompin.

6.22 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Terima kasih banyak Tuan Pengerusi. Saya mengambil peluang ini untuk membincangkan tajuk Rancangan Makanan Tambahan (RMT) - 03202, Latihan Asuhan Kanak-kanak- 03203, Program Pemulihan Sikap Keluarga Termiskin - 03201, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah (FELCRA) - 03100, Kemudahan Latihan KEMAS - 00600, Rancangan Desa Wawasan - 00201 dan Butiran 00401 – Taman Bimbingan Kanak-kanak, secara bersama.

Kementerian ini adalah sangat penting kerana berurusan dengan bilangan rakyat yang banyak di seluruh negara dan tema pandangan saya pada petang ini ialah untuk kementerian ini meminimumkan politik dan kemudian menjadikan Islam, *Islamic* dalam pendekatan. Dengan dua pendekatan ini, saya kira kementerian ini

akan lebih berjaya pada masa hadapan. Dua perkara ini ialah juga yang telah menjadi penghalang kepada kemajuan dan kejayaan kementerian ini sepenuhnya.

Dalam masa yang singkat ini, saya akan membawa beberapa bukti secara ringkas terhadap apa yang telah saya sebutkan tadi. Umpamanya instrumen kementerian ini ialah JKK dan kedua ialah KEMAS. Dalam masa yang singkat ini, saya hanya menumpukan kepada dua instrumen ini. Sebagai satu contoh bahawa kementerian ini telah *highly politic*, dengan izin, dan tidak menggunakan satu set yang serasi dengan akidah, budaya majoriti masyarakat bandar luar bandar iaitu orang-orang Melayu yang beragama Islam.

Oleh kerana itu, sukaiah saya cadangkan supaya JKK umpamanya, keanggotaannya menjadi lebih terbuka dan tidak dipilih berasaskan daripada satu parti tertentu dan satu bentuk perwakilan yang lebih *representative*, dengan izin, dapat dibentuk bagi JKK di tiap-tiap kampung supaya satu permuafakatan, pembangunan berasaskan permuafakatan dapat diasaskan. Yang kedua ialah supaya kementerian ini mempunyai satu indikator sosio-ekonomi mengikut mukim dan negeri dan dengan itu keutamaan pengagihan peruntukan dapat dibahagikan dengan lebih saksama, dengan tidak memandang diskriminasi berasaskan kepada sama ada kawasan itu dimiliki oleh pembangkang ataupun sebaliknya.

Dan indikator ini, sosio-ekonomi dan juga jawatankuasa JKK yang *representative* tadi menjadikan masjid sebagai satu pusat pembangunan mukim ataupun pembangunan masyarakat satu-satu kampung dan desa. Ini sangat penting dalam beberapa sudut. Yang pertama ialah supaya pendekatan pembangunan itu sendiri menggunakan Islam yang penuh dengan tenaga kekuatannya untuk mengubah minda masyarakat ke arah pembangunan.

Yang kedua ialah supaya jawatankuasa ini sendiri terikat dengan ikatan Islam dalam semua segi dan itu *less politic* dan juga dapat mengelakkan perkara-perkara lain yang dianggap oleh penduduk kampung sebagai satu diskriminasi terhadap mereka.

Yang ketiga ialah ditentukan bidang kuasa secara yang lebih jelas dan spesifik terhadap tiap-tiap jawatankuasa kemajuan kampung supaya mereka tidak boleh berlagak lebih D.O daripada D.O yang berlaku dalam banyak keadaan. Dengan bidang tugas yang spesifik ini, mereka akan dapat berperanan dengan lebih tersusun.

Yang keempat ialah memberikan mereka satu pendedahan segi-segi pembangunan Islam sebagai asas pembangunan termasuk pembangunan minda dan dengan itu mereka benar-benar dapat menggunakan agama dan budaya masyarakat setempat dengan penuh maksimum untuk pembangunan mereka dan lebih serasi dengan apa yang dikehendaki oleh orang-orang kampung.

Dalam tujuan ini juga, berkaitan dengan KEMAS, Yang Berhormat bagi Batang Sadong ada memberitahu bahawa pegawai KEMAS ada lah pada asasnya statik dan mempunyai satu mentaliti politik yang terarah dan ini menjadi sebahagian daripada asas masyarakat tidak dapat menerima sepenuhnya pembangunan-pembangunan yang dirangkakan oleh KEMAS kerana dia lebih berbau politik dan perkara ini saya rasa boleh dihentikan termasuk penggubalan semula kurikulum bagi kelas-kelas tabika yang disusun oleh KEMAS supaya lebih serasi dengan kehendak masyarakat setempat yang inginkan pra-sekolah yang berasaskan Islam sebagai kurikulum, terutama apabila kelas ini dihadiri oleh pelajar-pelajar Islam sepenuhnya.

Begitu juga dengan pembahagian Rancangan Makanan Tambahan. Kita semua tahu bahawa satu hakikat dalam masyarakat kita ialah kita juga mempunyai kelas pra-sekolah yang diasaskan oleh persendirian dan juga oleh kumpulan-kumpulan lain, umpamanya Pasti. Walaupun ada tuduhan bahawa Pasti telah menggunakan kelas ini untuk tujuan politik pada asasnya ini adalah satu generalisasi yang sangat tidak adil.

Saya berkeyakinan bahawa kelas Pasti diurus secara professional dan jika ada satu-satu kes kekecualian di mana-mana satu Pasti dikatakan lari daripada tujuan pendidikan yang asal, ia tidaklah boleh digunakan untuk menghukum Pasti secara keseluruhan dan oleh kerana Pasti bukan sahaja wujud di bandar tetapi juga di luar bandar di mana sebilangan masyarakat inginkan pendidikan mengikut pendekatan dan kurikulum ini, saya rasa bahawa pelajar-pelajar di kelas Pasti juga perlu mendapatkan peruntukan daripada kementerian ini termasuk penyediaan makanan tambahan dan juga kelas-kelas yang lebih baik.

Ini semua akan mendekatkan masyarakat untuk bersatu padu dan melihat kerajaan sebagai payung mereka. Bukan satu payung bagi satu parti yang tertentu. Begitu juga dengan Program Pemulihan Sikap Keluarga Termiskin, Kemudahan Latihan KEMAS dan lain-lain, saya berharap bahawa satu kurikulum baru bagi motivasi dan kesedaran pegawai-pegawai kemajuan masyarakat yang ada di bawah

kementerian ini dapat disuntik dengan perubahan keislaman dan saya yakin bahawa dengan pendekatan ini, mereka akan menjadi lebih produktif dan lebih berguna kepada masyarakat kita.

Yang seterusnya ialah dalam buku Belanjawan ini, beberapa bahagian peruntukan untuk DARA, JENGKA, KEJORA, RISDA telahpun dihapuskan. Yang Berhormat bagi Rompin macam tikus jatuh ke beras, dia diam sahaja kerana dia sudah dapat DARA. Yang saya hendak timbulkan ialah kebimbangan saya apabila badan-badan ini diswastakan dan badan-badan ini mempunyai pemilikan tanah yang luas dan strategik. Jika sekiranya satu masa pihak-pihak yang mendapat peluang daripada projek penswastakan badan-badan ini menjual kepentingan mereka kepada pihak asing.

Kita sudah lihat dalam industri telekom, enam syarikat telah pun menjual saham mereka kepada pihak asing dan syarikat-syarikat lain juga sudah berniat berbuat demikian. Saya bimbang apa yang kita telah swastakan, akhirnya akan jatuh kepada pemilikan asing dan satu tanah yang demikian luas dan strategik akan menjadi milik asing dengan begitu mudah. Saya berharap kementerian ini dapat mengkaji satu peraturan untuk dikenakan kepada badan-badan yang telah diswastakan di bawah kementerian ini supaya mereka tidak dapat menjual saham-saham mereka kepada orang asing dengan sewenang-wenangnya.

Seterusnya ialah berkaitan dengan FELCRA di bawah 03100. Saya ingin tahu sebahagian besar daripada tanah FELCRA belum lagi dimasukkan peneroka walaupun tanah-tanah ini telah pun dibangunkan sebagai ladang-ladang. Di Kelantan saya ingat ada sebelas rancangan FELCRA yang telah pun mengeluarkan hasil tetapi sekarang ini belum dimasukkan peneroka, saya ingin mendapat penjelasan apakah polisi kementerian ini untuk pada masa akan datang sama ada untuk menswastakan FELCRA dan dengan demikian menghalang kemasukan peneroka-peneroka yang jumlahnya adalah besar untuk mereka menikmati projek di bawah pembangunan FELCRA ini.

Tuan Pengerusi: Minta gulung Yang Berhormat.

Tuan Husam bin Haji Musa: Akhir sekali ialah Skim Payung. Saya berharap bahawa kementerian ini boleh dengan beraninya mengkaji semula Skim Payung yang telah diperkenalkan oleh Yang Berhormat Menteri kementerian ini pada sesi yang lepas kerana Skim Payung telah menyebabkan banyak hanky-panky yang

tidak dapat saya sebutkan dalam masa yang singkat ini. Itulah yang boleh saya sebut dalam masa petang ini.

Tuan Pengerusi: Ya, Tebrau.

6.30 ptg.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ada dua tiga sajalah untuk beri sebab kesuntukan masa dan rakan-rakan lain hendak berucap. Pertama saya berterima kasih kepada kerajaan yang pertama telahpun mengadakan peruntukan yang besar berhubung dengan jalan-jalan kampung. Jadi saya ingin menyentuh kepada 02500, 00401 dan juga 08020, yang pertama Jalan Luar Bandar.

Memang pada hari ini orang-orang kampung luar bandar masih lagi ada yang belum dapat lagi sedikit jalan-jalan luar bandar walaupun banyak sebahagian besarnya telahpun diperolehi jadi saya minta supaya kerajaan menambahkan lagilah peruntukan jalan kampung ini, tidak rugi kalau kita beri penduduk yang besar kerana orang-orang luar bandar ini mendapat jalan yang baik jadi diapun terima kasih kepada kerajaan. Jadi sudah sewajarnya dalam peruntukan ini dapat kerajaan mengeluarkan tambahan peruntukan yang lebih besar lagi supaya jalan-jalan kampung dapat diselesaikan dengan sebaiknya, ini termasuklah di kawasan pilihan raya saya.

Yang kedua berhubung dengan kelas taman bimbingan kanak-kanak Saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan dapat mengadakan kelas ini dan saya dapati kelas pada hari ini berjalan dengan baik, cuma kelas tabika Kemas yang ada ini syllabus atau mata pelajarannya secara umum, tidak dikhususkan kepada satu bidang umpamanya bidang agama.

Jadi saya hendak cadangkan kepada kerajaan supaya pihak kementerian mengadakan satu kelas tabika khas kepada pendidikan agama sahaja, kita adakan satu kelas tabika khas kepada pendidikan agama sahaja supaya kita dapat memberikan pendidikan agama yang luas dan baik yang tidak dicampur dengan mata-mata pelajaran yang lain yang sedang berjalan tetapi yang ini khusus kepada bidang agama sahaja.

Jadi saya rasa dalam keadaan zaman sains dan teknologi ini, dalam keadaan negara yang telah begitu maju maka sewajarnya dalam masalah pendidikan agama ini dapat diberi perhatian yang serius dan diwujudkan satu kelas tabika Kemas kerana kita hendak didik anak daripada kecil supaya mereka ini syukur, supaya mereka tahu

hukum-hukum dan sebagainya, tidaklah nanti bila dia sudah besar dia jadi garang akhirnya sampai kita dengar hari itu ada orang hendak menikah pun oleh sebab payah hendak jawab, Imam ditampar. I

Ini keluar dalam surat khabar, Imam kena tampar kerana soal banyak sekali tak dapat hendak dijawab oleh pengantin lelaki, Tuan Pengerusi, akhirnya Imam itu kena tampar. Imam itu silap, sepatutnya dia tampar dulu kerana orang itu lambat sangat jawab sebab tak reti, jadi ini terbalik. Jadi ini kalau ada pendidikan-pendidikan agama ini kita asuh dia dari kecil ini, Tuan Pengerusi, supaya dapat kita beri pendidikan agama yang luas kepada anak-anak kita.

Yang ketiga ialah pertambahan makanan kepada kelas tabika Kemas. Inipun saya harap supaya kerajaan, saya tengok jugalah tempat beri makanan alhamdulillah kata orang baik tetapi kalau boleh peruntukan untuk tambahan bekalan makanan kepada kelas-kelas tabika ini dapat diberi perhatian yang serius supaya anak-anak kita dapat diberi makan makanan yang berzat dan sebagainya. Jadi saya tengok peruntukan itu tidak begitu besar, kalau dapat ini diberi satu peruntukan yang besar dan dapat kita beri kepada anak-anak kita makanan yang lebih berzat lagi.

Jadi itu beberapa perkara sajalah, Tuan Pengerusi, saya hendak cadangkan kepada Kementerian.. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Rompin.

6.34 ptg.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk turut menyertai dalam perbahasan Kementerian Pembangunan Luar Bandar P.48 perkara 00200, 03206, PPRT, perkara 03900 FELCRA dan RISDA, Tuan Pengerusi, saya mohon menyentuh sekali. Terima kasih.

Saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan syabas kepada kementerian dengan ada menteri baru ini macam ada satu kesungguhan dan komitmen baru dan harapan kita ialah supaya dengan adanya *political will* yang baru ini kementerian akan mencorak satu strategi dan pendekatan yang sejajar dengan dekad 2000 ini untuk membela masyarakat luar bandar, orang Melayu dan juga yang bukan orang Melayu yang luar bandar dan saya yakin bahawa kalau dengan ada komitmen baru ini kita akan melihat bahawa pembelaan akan dibuat kepada semua masyarakat luar bandar, itu pertama.

Yang kedua, saya bersetuju dengan Kubang Kerian - Kubang Kerian dah balik dah? Nak bersetuju dia balik dah - bahawa dalam pendekatan untuk instrument untuk membela masyarakat luar bandar antaranya JKKK. Saya yakin bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak memilih tetapi saya risau baru ini - semua PAS dah balik belaka dah, Tuan Pengerusi, macam mana pembangkang ni. Yang ini pun PASKah atau ADIL, PAS [*Ketawa*] itu dia tumpang sementara saja, mungkin besok balik UMNO balik. [*Ketawa*] Dia tukar baju baru, kot sementara.

Saya bersetuju tetapi kalau kita lihat, dia boleh baca *Hansard* selepas ini, Terengganu baru ini kalau kita bersetuju tidak politik, ketepikan politik yang membela, kita membela semua, yang miskin dibela semua, yang miskin dibela semua tak lupa UMNO atau bukan UMNO. Ketua kampung pun kita tak kira siapa tetapi baru ini di Terengganu dia buang semua ketua kampung, semua JKKK.

Terengganu saya ada bentang satu surat daripada D.O. Marang dia buang semua sekali senarai, terima kasih. Lepas tu hendak bagi zakat, dia bagi puak-puak dia. Ini saya minta saya setuju Kubang Kerian tetapi tolong bagitau kawan-kawan dia daripada Terengganu supaya laksana apa yang dikata, jangan dikata sahaja tetapi di negeri sendiri....

Tuan Pengerusi: Di bawah kepala apa tu Yang Berhormat?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Saya?

Tuan Pengerusi: Di bawah apa tu?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Sebab dia cakap tak serupa bikin, itu yang saya geram tu. Saya setuju tetapi dia tak buat, dia buat lain, selepas itu terus balik.

Ini perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, adalah tentang prasarana. Saya bersetuju dengan Batang Sadong, bercakap pun amat baik sekarang, dulu baca saja, alhamdulillah, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, masih lagi ya? Ini prasarana, Datuk Menteri. Kalau dahulu prasarana luar bandar sama ada api, elektrik, jalan, air ialah untuk sosial. Kalau telefon digunakan untuk kalau sakit nak panggil doktor, ataupun kalau ada orang mati nak panggil polis, begitu juga elektrik diguna untuk sosial, jalan raya juga untuk sosial tetapi mengapa tidak dalam era luar bandar juga mahu ekonominya dipertingkatkan juga, prasarana ini mesti digunakan untuk ekonomi.

Contoh, kalau di Pulau Tioman ada telefon tetapi telefon satelit, telefon solar, tetapi telefon solar tidak boleh digunakan untuk Internet, mekanikal tidak boleh. Begitu juga kalau ada air, air untuk kegunaan rumah tetapi tidak boleh digunakan untuk mengadakan chalet 50, 60, 30, 40 buah rumah. Elektrik begitu juga, kuasanya tidak mencukupi untuk pembiayaan rumah-rumah untuk pelancongan, chalet-chalet untuk pelancongan.

Moralnya, Datuk Menteri dengan yang menteri muda ini, inilah pemimpin harapan kita, saya yakin kita semua mengharapkan bahawa minta tengok balik ini, prasarana yang kita letak luar bandar adakah hanya untuk kualiti, untuk mereka hanya sosial atau tak kualiti ini elektrik, jalan, air, api dan telefon ini mesti juga untuk mereka penyertaan ekonomi. Kalau telefon boleh digunakan untuk Internet, kalau air itu kualiti airnya untuk digunakan untuk komersil, untuk pelancongan dan jalan raya juga mestilah jalan raya yang boleh digunakan untuk lori mengangkut barang-barang, getahnya, padinya.

Itu saya ingat satu perkara yang saya minta dari isu prasarana, cuba tengok balik supaya prasarana ini bukan untuk sosial sahaja tetapi untuk kegunaan ekonomi. Yang terakhir, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun di belakang.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Boleh minta penjelasan sikit? Sikit .

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Kena bagilah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang telah Yang Berhormat katakan tadi berhubung dengan pelaksanaan kemudahan-kemudahan asas sama ada kita hendak bertanya kepada kementerian berhubung dengan pelaksanaan projek-projek ini kalau boleh satu garis panduan ke atas penilaian kualiti umpamanya jalan-jalan yang dibina, kontraktor-kontraktor yang membina jalan-jalan ini, sejauh mana kualiti yang telah dibuat oleh kontraktor-kontraktor ini hendak memastikan supaya kualiti jalan-jalan kampung yang dibina tak rosak, buat seminggu besok rosak. Jadi apakah satu garis panduan, kita minta kepada kementerianlah, Yang Berhormat setuju dengan perkara ini?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Setuju, terima kasih. Hendak ulas masa tidak ada. Setuju banyak, Yang Berhormat Larut. Bila Timbalan

Menteri bagi Pasir Salak tadi bercakap dia tidak berani bangun. Bila orang lain bercakap, dia berani bangun.

Ini yang terakhir, Tuan Pengerusi, tentang PPRT. Satu tentang PPRT ini target group luar bandar sudah semestinya yang miskin. Tetapi banyak keluhan Yang Berhormat Dato' Menteri, database yang ada ini kadang-kadang tidak lengkap. Database yang ada ini perlu dikaitkan, banyak keluhan. Baru-baru ini bila pergi ke Pilihan Raya Kecil Sanggang, ibu-ibu tunggal masih tidak dalam senarai PPRT, oleh kerana itu mereka tercicir daripada mendapat bantuan dari kerajaan.

Terakhir, Tuan Pengerusi, ini satu instrumen yang amat penting sekali, FELCRA dan RISDA. Amat penting sekali, mengapa tidak kerajaan kaji kembali kedua-dua badan ini? Kalau badan-badan ini benar memberikan khidmat dan sumbangan mereka untuk membela masyarakat termiskin luar bandar, teruskan. Tetapi kalau pendekatannya tidak begitu efektif mengapa tidak mengkaji kembali dari segi strategi dan pendekatannya? Kalau perlu digabung, gabung. Kalau perlu dibesar, besirlah. Kalau perlu dikecil, kecillah. Tetapi tengok kembali peranan setakat ini, FELCRA dan RISDA. Saya rasa FELCRA dari segi kelapa sawitnya, Alhamdulillah, pendapatannya baik. Tetapi keluhan yang ada dari segi pengagihannya, banyak keluhan. Yang ada tanah masih dapat FELCRA tetapi ibu tunggal yang tidak ada tanah tidak dapat. Ini keluhan di kawasan saya. Hari itu dalam pilihan raya saya mengangkat tangan sahaja sebab yang sana terlalu menggunakan isu, saya angkat tangan. *[Sambil menunjuk jari kepada Parti Pembangkang]*. Itu dia tidak marah saya. Tetapi tolong, lima tahun lagi Dato' Menteri, kalau isu FELCRA, pengagihan ini yang mahu, yang berhak tidak dapat, yang tak berhak dapat, ditembaklah nanti kami wakil-wakil rakyat di sini.

Yang keduanya dalam isu ini, yang terakhir, Tuan Pengerusi, tentang RISDA.....

Seorang Ahli: Berapa kali 'akhir' dah?

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Entah banyak akhir agaknya, last.

Tuan Pengerusi: Ya, ya, dua kali sudah yang akhir, Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: Dua kali sudah. RISDA, Tuan Pengerusi, sebab hasrat objektifnya baik tetapi banyak diperkatakan

bahawa effectiveness ini sedang dipersoalkan sekarang. Kita tidak menyalahkan RISDA 100% kerana banyaknya tanaman adalah getah. Mungkin dikaji kembali kalau getah ini tidak boleh mampu lagi untuk membantu PPRT ini, yang mana pendapatan mereka di bawah paras PPRT, bawah paras termiskin, kalau mereka ini dapat tanaman di bawah skim RISDA atas getah, pendapatan mereka rendah daripada tahap yang miskin ini. Saya mohon menyokong, Tuan Pengerusi, dan saya mohon bapa Menteri tolong kaji dan lihat kembali peranan dan kaedah dalam masa depan FELCRA dan RISDA supaya benar-benar efektif untuk membela masyarakat luar bandar yang termiskin. Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Ya. Kalau dapat limabolehkah saya minta kurangkan masa berucap, boleh tak? Jika tidak, kita....ya, lima minit, boleh tak Yang Berhormat, bolehlah.

Seorang Ahli: Ucapan sepuluh minit.

Tuan Pengerusi: Ya, jikalau lima minit semua boleh ucap. Kalau tidak, saya akan potong

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya, setuju, ya. Minta, mintalah kerana kita dua hari sudah ketinggalan dan ada ura-ura hendak tambah enam hari lagi tetapi kalau sekiranya kita kaji kita ada 21 rang undang-undang. Saya tidak tahu bagaimana kita hendak mengatasi perkara ini, hanya dengan pertolongan kerjasama daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sahajalah yang boleh kita mengatasi masalah ini. Mintalah lima minit, Yang Berhormat, ya. Parit Buntar, ya sila.

6.43 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 010700 - Pembasmian Kemiskinan yang melibatkan lebih daripada 4,000 program. Penurunan kadar kemiskinan tidak semestinya menggambarkan kehidupan yang lebih baik bagi golongan miskin terutama mereka yang termasuk dalam kumpulan rakyat termiskin. Begitu banyak yang telah dibelanjakan dan begitu banyak tenaga manusia yang telah dicurahkan melalui pelbagai jabatan tetapi kesan nyata dari segi peningkatan kualiti hidup di kalangan golongan miskin dan termiskin tidak banyak kelihatan. Yang jelasnya golongan miskin dan termiskin sama ada yang menetap di kampung-kampung tradisi

ataupun yang dipindahkan ke penempatan baru terus hidup dalam suasana kemiskinan cara turun-temurun.

Saya berpendapat perkara inilah antara lain yang sepatutnya diberikan tumpuan oleh pihak kementerian. Golongan miskin dan termiskin ini biasanya hidup agak terpisah daripada masyarakat terbanyak. Pada kebiasaannya mereka hidup di pinggiran desa dan kalau berlaku proses penempatan semula kawasan yang dipilih selalunya berada di hujung penempatan manusia yang lazimnya terasing dan terpinggir. Penempatan golongan termiskin di Sungai Kajang, Sungai Burung, Tanjung Karang umpamanya adalah antara contoh yang boleh diberikan. Kecenderungan mengasing dan meminggirkan mereka ini menjadikan mereka yang hampir kesemuanya berketurunan Melayu akan terus hidup dalam budaya mereka sendiri. Mereka terus membentuk budaya kecil (sub-culture) manusia miskin dan termiskin secara silih berganti.

Dari kajian yang pernah dibuat kumpulan yang terasing dan terpinggir ini tidak berupaya memandang jauh ke hadapan. Dengan pandangan yang agak jauh merentasi sempadan pendesaan mereka. Mereka dikatakan terus hidup dengan berjiwa hamba, terlalu berharap, terlalu bergantung dengan pertolongan, suka memencil dan menyendiri, tidak ghairah kepada perubahan, mengambil sesuatu kerana faedah terdekat, tertekan, tertutup dan sebagainya.....

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya hendak minta Yang Berhormat, dasar.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tak, saya hendak terus, saya....

Tuan Pengerusi: Ya, ucap dasar, ya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, saya hendak terus kepada saya ingin terus mencadangkan, bukan dasar ini, saya hendak pergi kepada program ini. Saya ingin mencadangkan supaya golongan miskin dan termiskin ini diassimilasikan dalam masyarakat main stream, tindakan mengasing atau meminggirkan mereka hendaklah segera dihentikan. Kehidupan desa main stream hendaklah melimpahkan budaya hidup mereka kepada penempatan-penempatan baru terutama yang dikhaskan kepada PPRT supaya berlaku proses percantuman budaya yang menguntungkan kedua-dua pihak.

Saya seterusnya ingin menyentuh Butiran 020200 dan 020300. Kementerian Pembangunan Luar Bandar memberi penekanan kepada dua golongan, iaitu kanak-kanak dan orang dewasa. Pada fahaman saya, di samping dua golongan yang sememangnya penting itu, ada dua lagi golongan, iaitu remaja dan mereka yang lanjut usia. Saya tidak bercadang untuk banyak menyentuh tentang remaja kerana Dewan yang mulia ini telah banyak membincangkannya. Tetapi saya berminat untuk menjuruskan perhatian kepada golongan tua lanjut usia.

Bagi golongan tua lanjut usia, saya ingin mencadangkan supaya dirangka satu program pendidikan khas yang saya ingin menamakannya sebagai Pendidikan Hujung Hayat. Pendidikan Hujung Hayat ini di antara lain memberi ilmu dan kemahiran kepada golongan tua lanjut usia mengenai beberapa aspek penting kehidupan manusia di hujung usia. Kajian rambang yang pernah dibuat mendapati wujudnya kejahilan di kalangan anggota masyarakat khususnya di kalangan warga tua tentang keperluan menghalakan kehidupan ke arah hidup sihat yang sebenarnya merangkumi kedamaian, kesejahteraan dan kebahagiaan abadi di samping meningkatkan kemampuan mereka menikmati hidup hujung usia yang sentiasa menceriaikan.

Saya suka mencadangkan supaya inti kurikulum Program Pendidikan Hujung Hayat yang saya cadangkan itu merangkumi:

- (i) memahami putaran kehidupan mulai dari alam rahim hinggalah ke alam tua dan alam selepas kematian;
- (ii) kaedah meneruskan kehidupan di alam tua sama ada bersama pasangan atau berseorangan;
- (iii) cara menyesuaikan diri sewaktu hidup bersama anak menantu, cucu dan cicit yang mengambil berat tentang kebajikan ayah bonda yang telah tua;
- (iv) amalan-amalan kerohanian sepanjang hari mulai daripada melakukan tahajud se pertiga malam hinggalah amalan-amalan sebelum melelapkan mata tidur di waktu malam hari;
- (v) amalan-amalan kehidupan bermasyarakat;
- (vi) cara-cara menangani ujian daripada Allah SWT seperti sakit pening, sakit berat dan lain-lain musibah;
- (vii) pengurusan harta benda yang akan ditinggalkan termasuk kafiyat, wasiat; dan

(viii) amalan-amalan sewaktu datangnya sakaratul maut.

Tuan Pengerusi, sementara itu anak cucu perlu diberi ilmu dan kemahiran khusus cara-cara praktikal mengkhidmati ibu bapa lanjut usia. Ini termasuklah teknik-teknik untuk sentiasa menselesa dan menggembirakan ibu dan ayah, cara-cara melayan kerenah orang tua, mengkhidmati ibu bapa lanjut usia yang sedang sakit termasuk sakit tenat dan kemahiran membimbing ibu dan ayah lanjut usia tatkala mereka menghembuskan nafas yang terakhir. Untuk anak cucu ini ilmu dan kemahiran mengurus jenazah umpamanya, menguruskan harta benda yang ditinggalkan serta mengurus penerusan khidmat kepada arwah-arwah yang telah pergi juga harus diberi penekanan.

Tuan Pengerusi, izinkan saya pergi kepada Butiran 010800 - Institut Kemajuan Desa atau INFRA. Daripada kursus-kursus yang ditawarkan walaupun belum mencukupi dari segi ruang lingkup dan inti kandungan kursus tetapi dengan memberi sedikit masa, kita yakin institut ini mampu memainkan peranan dengan lebih aktif untuk meningkatkan keupayaan tenaga kerja, mengendalikan tugas-tugas mereka membantu rakyat luar bandar.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat masa Yang Berhormat sudah cukup. Cukuplah. Minta maafilah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sedikit sahaja, satu para sahaja lagi.

Tuan Pengerusi: Satu para, satu ayat sahaja bolehlah. Satu ayat sahaja, sila. [Ketawa]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingin mencadangkan, Tuan Pengerusi, dalam program ini saya mencadangkan di mana yang berkaitan supaya sebahagian daripada kursus yang ditawarkan oleh INFRA dikendalikan bukan di Kampus INFRA yang bersekitaran kota tetapi kursus-kursus ini dikendalikan di perdesaan tempat bermukim sebenar kumpulan sasar. Adalah lebih praktikal kalau kuliah-kuliah diadakan secara *in situ* dengan sedikit kemudahan yang disediakan. Program-program latihan boleh dikendalikan di sawah bendang, di kebun-kebun kecil getah, di kampung-kampung nelayan, hatta sesi-sesi *brain storming* dan bengkel-bengkel boleh dikendalikan di rumah penduduk desa itu sendiri. Dengan cara ini, contoh-contoh hidup *living examples* boleh diberikan secara spontan kepada mereka.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mengharapkan pihak kementerian boleh memberikan sedikit respons kepada sedikit cadangan yang saya kemukakan ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Mas, ya. Yang duduk di dalam bandar ini hendak berucap berkenaan dengan apa, Yang Berhormat? *[Ketawa]* Ya, ada juga - Serdang mana ada luar bandar itu?

Dato' Yap Pian Hon: *[Menyampuk]* Terdapat lebih 20 kampung tradisi di kawasan saya.

Tuan Pengerusi: Dua puluh... *[Ketawa]* Sila, sila Bukit Mas, ya.

18.50 ptg.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Butiran 00400, 00401, 00402 – mengenai pendidikan prasekolah.

Tuan Pengerusi, sementara pendidikan pra-sekolah di urban areas dengan izin dan pekan-pekan dipergiatkan setengah-setengah kawasan di luar bandar tidak mempunyai kemudahan-kemudahan seperti ini. Ini menyebabkan kanak-kanak di kawasan luar bandar yang tidak berkesempatan mengikuti pendidikan awal ini terus mundur dari dan tidak dapat bersaing dengan rakan-rakan atau murid-murid sekolah di kawasan bandar atau pekan apabila mereka dewasa kelak. Keadaan seperti ini wujud di luar bandar Sarawak termasuk di kawasan Parlimen Bukit Mas yang saya wakili. Oleh kerana pendidikan awal kepada kanak-kanak merupakan asas penting kepada kemajuan masa depan mereka maka saya bercadang agar pendidikan prasekolah dimestikan atau disediakan oleh pihak kerajaan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan dari pihak kementerian bahawa sebelum pilihan raya satu kawasan di bawah kawasan parlimen yang saya wakili iaitu di daerah kecil Terusan diumumkan mendapat bekalan elektrik dan sehingga hari ini belum dilaksanakan. Soalan, bilakah bekalan elektrik ke kawasan yang tersebut akan dilaksanakan. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Tuan.

18.53 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk meminta kerajaan supaya meningkatkan peruntukan untuk pembasmian kemiskinan. Daripada apa yang telah dicadangkan dalam Butiran 010700 bagi maksud Bekalan 48, Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada satu jumlah yang lebih mencerminkan keprihatinan dan kesungguhan kerajaan untuk membasmi kemiskinan dan juga supaya pihak kementerian mengemaskinikan strategi-strategi dan program-program pembasmian kemiskinan.

Pertama sekali berpandukan kepada Laporan Midterm Review Rancangan Malaysia Ketujuh dengan jelas memperlihatkan bahawa Kerajaan Barisan Nasional telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan di seluruh negara termasuk juga di negeri Sabah. Di negeri Sabah umpamanya dalam tahun 1985 sehingga 1993 iaitu semasa Kerajaan PBS bilangan isi rumah yang miskin bukan pula menurun tetapi telah meningkat daripada 76,000 isi rumah pada tahun 1985 kepada 96,000 pada tahun 1990. Naik lagi kepada 123,000 isi keluarga pada tahun 1993.

Apabila Kerajaan Barisan Nasional mengambil alih Kerajaan Negeri Sabah pada tahun 1994, bilangan isi rumah miskin telah menurun daripada 123,000 pada tahun 1993 kepada hanya 116,500 isi rumah pada tahun 1995. Dan pada tahun ini bilangan ini dijangka akan menurun kepada hanya 84,300 isi keluarga. Bilangan isi rumah rakyat termiskin di negeri Sabah juga telah berkurangan setelah Barisan Nasional mengambil alih Kerajaan Negeri Sabah pada 1994 iaitu menurun daripada 25,400 pada tahun 1995 kepada hanya 19,800 pada tahun 1995 dan pada tahun ini dijangka akan menurun kepada hanya 12,600 isi rumah.

Tuan Pengerusi, pencapaian ini telah dicapai walaupun peruntukan yang telah diberikan kepada Bahagian Pembasmian Kemiskinan Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang saya anggap terlalu kecil. Pada tahun 1995 misalnya tidak ada langsung peruntukan yang diberikan kepada bahagian tersebut. Barangkali pada ketika itu bahagian tersebut belum wujud. Dalam tahun 1996, 1997, 1998 dan tahun 1999 sejumlah peruntukan telah diberikan kepada bahagian tersebut masing-masing RM945,000 pada tahun 1996, RM2,161,200 pada 1998 dan RM738,400 pada tahun 1999. Pada tahun ini hanya RM791,000 iaitu peningkatan hanya sebanyak RM52,000 diberikan kepada bahagian ini.

Tuan Pengerusi, walaupun prestasi pembasmian kemiskinan di Sabah adalah baik dalam erti kata di mana kadar kemiskinan sememangnya telah pun menurun

tetapi jika kita ukur pencapaian tersebut dengan matlamat sifar kadar kemiskinan pada tahun 2000 yang telah disasarkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1994 maka kita lihat ruang untuk memperbaiki keadaan masih terlalu luas. Mudah-mudahan dengan Menteri yang baru, yang memimpin Kementerian Pembangunan Luar Bandar dengan adanya gandingan kepimpinan di antara Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Persekutuan yang amat mantap, kita yakin Kerajaan Barisan Nasional akan dapat mencapai sasaran Kerajaan Negeri Sabah untuk menurunkan kadar kemiskinan di Sabah kepada 8.5% pada tahun 2005.

Saya melihat Bahagian Pembasmian Kemiskinan serta beberapa bahagian di Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini sebagai satu institusi yang sememangnya berkemampuan untuk memberi sumbangan yang amat positif untuk mencapai matlamat kerajaan untuk menurunkan kadar kemiskinan di seluruh negara termasuk juga di negeri Sabah kepada 8.5% menjelang tahun 2005. Untuk ini Tuan Pengerusi saya minta lah supaya kerajaan menambah peruntukan kepada Bahagian Pembasmian Kemiskinan Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini daripada RM791,000 yang dicadangkan kepada satu jumlah yang lebih mencerminkan keprihatinan kesungguhan kerajaan untuk membasmi kemiskinan. Sekurang-kurangnya melintasi jutalah jangan ribu sahaja.

Tuan Pengerusi: Cukup Yang Berhormat, Yang Berhormat berucap sudah cukup sudah Yang Berhormat.

Tuan Madius bin Tangau: Sikit lagi Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Satu ayat lagilah.

Tuan Madius bin Tangau: Sikit lagi. Akhir sekali saya ingin menyarankan di sini supaya kerajaan apabila melaksanakan peruntukan ini hendaklah melaksanakan peruntukan tersebut berpandu setimpal dengan bilangan rakyat termiskin di sesuatu kawasan. Sebagai contoh daripada 25,400 isi rumah yang termiskin di seluruh negara menurut Midterm Review Rancangan Malaysia Ketujuh, setengah daripada rakyat termiskin tersebut iaitu sebanyak 12,600 isi keluarga adalah daripada negeri Sabah. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya setengah daripada peruntukan itu berilah kepada Sabah sebab setimpal dengan bilangan termiskin sebab kalau kita tidak beri kepada negeri Sabah.....

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: itu bererti bahawa sasaran kita itu salah. Nanti misfire. Sebab itu sehingga pada hari ini Sabah masih lagi mempunyai bilangan rakyat yang termiskin dan saya berharap supaya cadangan diterima. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Sila berucap ya, dari Pasir Mas, ya.

18.58 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Maksud Bekalan 48 Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Butiran 020000 dan Butiran kecil 020200 Pembangunan Sumber Manusia Dewasa.

Sebenarnya saya terpanggil untuk menyebut di Dewan yang mulia ini pertama sekali tentang tanggungjawab kerajaan. Saya perhatikan dalam sama ada sebelum pilihan raya dan selepas daripadanya bila Kerajaan Pusat laksanakan projek-projek kecil di kampung-kampung selepas daripada itu kerajaan terus melabelkan, menulis di papan-papan dengan katanya "Inilah projek Barisan Nasional". Jadi saya rasa bahawa walaupun maksud itu baik tetapi seolah-olah kita mengungkit-ungkitkan. Kita sebagai seorang 'ayah' tidak akanlah kita hendak sebut semua. Ini periuk ayah beli, ini almari ayah beli. Cukuplah kita buat sedemikian. Maka kepada anak-anaklah untuk menilai apa yang kita lakukan – satu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang kedua berlaku diskriminasi di kalangan penduduk-penduduk tempatan yang menerima projek-projek atau pembangunan luar bandar. Di kampung saya misalnya ataupun dalam kawasan Parlimen Pasir Mas berlaku penurapan tar ataupun tar jalan ini hanya di kawasan-kawasan yang ataupun di kawasan penyokong kerajaan semata-mata. Sampai di rumah, ini betul ini, sampai sahaja di kawasan ataupun di rumah, depan rumah orang PAS maka diberhentikan di situ. Dia berhentikan setakat itu. Ada dua tiga kampung yang saya boleh sebut di sini. Jadi sampai setakat ini tidak pernah disambung lagi projek-projek sedemikian. Sukalah saya menyebut di sini dan dalam sebuah ayat Al Quran menyebut [*membaca sepotong ayat Al Quran*] yang bermaksud: "*Jangan sekali-kali kerana kamu marah kepada satu kaum itu maka kamu bertindak tidak melakukan keadilan kepada mereka. Berlakulah keadilan dan kepada mereka kerana keadilan itu membawa kepada taqwa kepada Allah S.W.T.*"

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Yang Berhormat, memohon penjelasan boleh? Saya ingin tahu Yang Berhormat ada sebutkan, adakah Yang Berhormat bersetuju juga bahawa kerajaan yang diperintah oleh PAS di Terengganu begitu juga terpaksa adil, bila dia memerintah, dia memberhentikan semua dan sebagainya. Adakah ini pun salah dari segi hukumnya, Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa bukan diberhentikan dengan tujuan untuk memberhentikan kerana yang saya tahu bahawa kontrak mereka sudah tamat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Semua sekali tamat diberhentikannya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ditamatkan, bukan diberhentikan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ditamat tak sambung ya?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tidak sambung, yakni sengaja daripada awal lagi. Daripada awal lagi maknanya bila sampai projek itu di rumah orang PAS maka dihentikan dan sampai setakat ini pun tidak pernah disambungkan lagi. Jadi saya peringatkan dengan suatu nasyid Arab yang menyebut *[dalam bahasa Arab]* Maksudnya: *Jangan kamu melakukan apa-apa kezaliman di waktu kamu berkuasa, kerana kezaliman itu kesudahannya akan membawa kepada penyesalan. Barangkali kamu boleh tidur pada malam ini tetapi kena ingat bahawa orang yang kena zalim tidak sekali-kali tidur dan dia berdoa kepada Allah dan Allah S.W.T. sentiasa mengambil atau membalas, menerima doa-doanya.*

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya minta izin.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri berdiri, dia hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Boleh, boleh biasa.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Boleh saya minta penjelasan sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh, sila, silakan.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Yang berlaku pembuangan pekerja yang beramai-ramai saya tidak percaya ada kontraknya semua tamat pada hari yang sama, itu satu. Keduanya, kalau sudah begitu kenapa di Terengganu dibuang orang bekerja waktu bulan puasa, menunggu berhari raya. Kenapa tidak tunggu lepas hari raya baharu buang. Dibuang waktu bulan puasa.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya rasa tidak timbul ini, Yang Berhormat. Pertama sekalinya - dengar ini, pertama sekali yang menentukan tarikh tamat itu masa Kerajaan Barisan Nasional, 31hb Disember, bukan Kerajaan PAS. Sepatutnya hari pertama selepas daripada PAS menang, keesokannya PAS tamatkan mereka, tetapi PAS boleh melanjutkan mereka sehingga 31hb. sebagaimana yang telah dimeteraikan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Itu dia, dan saya rasa Yang Berhormat pun tahu benda ini, bukan tidak tahu.

Kemudian yang ketiga, sumber manusia dewasa dan kanak-kanak, saya rasa tenaga mereka ataupun alam mereka ini perlu kita memberi suntikan yang baik kerana manusia ini dijadikan oleh Allah s.w.t dalam dua asas yang paling penting. Pertama sekali asas lahiriah, asas tubuh badan dan yang kedua asas rohaniah, asas roh.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila gulung Yang Berhormat, masa sudah hendak habis.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, asas roh yang ada pada kita kerana itulah dalam semua peruntukan projek dan sebagainya mesti ditekankan kepada dua pembangunan ini. Saya rasa hairanlah mengapa kedai-kedai video misalnya dibenarkan di kampung-kampung. Masyarakat kampung yang begitu tertutup tidak banyak membaca dan sebagainya, bila dihadapkan dengan program-program ataupun kedai-kedai video yang banyak di kampung-kampung kita sekarang ini, banyak merosakkan pemuda-pemuda. Di waktu yang sama kita bercakap untuk membangunkan pemuda dari segi mental mereka, fizikal mereka dan akal fikiran mereka dan tindakan mereka, tetapi bila kita ketengahkan video di tengah-tengah masyarakat ataupun membenarkan premis-premis ini kepada masyarakat di tengah-tengah desa yang tidak tahu apa, maka apa lagilah orang muda, mereka jauh daripada apa yang kita kehendaki. Kerana itulah pembangunan rohaniah dan pembangunan jasmani ini mestilah diseimbangkan moga-moga lahir anak-anak muda dan orang-orang dewasa yang berdisiplin diri mereka untuk pembangunan negeri dan negara.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sikit lagilah, kerana saya inilah barangkali saya bercakap. Saya sudah dengan apa yang disebut oleh Rasulullah s.a.w. yang menunjukkan suatu gambaran kepada kita bagaimana semestinya kita lakukan waktu

kita diberi kesempatan ini. Nabi Muhamad s.a.w. menyebut [*membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*]. Asas pembangunan desa ataupun bandar inilah dia asasnya, pertama sekali kata Rasulullah s.a.w. ada tujuh jenis golongan manusia yang akan berada di bawah bayangan arasy Allah s.w.t., bayangan Allah di hari akhirat. Kita ambil yang akhirat ini letakkan di dunia ini mudah, selesai masalah, tak timbul banyak masalah.

Pertama sekali pemerintah yang adil. Pemerintah yang adil ini Nabi s.a.w. meletakkan nombor satu, hasil daripada pemerintah yang adil [*membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*]. Mereka dapat merancang bagaimana untuk melahirkan pemuda-pemuda yang besar mereka mengingati Allah S.W.T., dan yang kedua melahirkan orang-orang yang sentiasa hubungan mereka dengan Allah, sembahyangnya dan sebagainya ditunaikan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar tadi.

Yang ketiga iaitu orang-orang yang hati-hati mereka sentiasa kasih sayangkan Allah S.W.T. bukan kerana tujuan itu, tujuan ini, jadi tidak adalah kroni, tidak ada kepentingan-kepentingan peribadi.

Yang keempat iaitu laki-laki yang dipanggil oleh wanita untuk melakukan sesuatu yang tidak baik, dia masih lagi mengatakan ini [*membaca sepotong ayat dalam bahasa Arab*]. Saya takut kepada Allah.

Yang kelima, orang yang menyedekah dengan tangan kanan mereka dan tidak diketahui dengan tangan kiri.

Yang keenam iaitu lelaki orang tua yang sentiasa ingat kepada Allah S.W.T.

Yang ketujuh, saya sebutkan tadi ada satu yang tertinggal, jadi bila berdasarkan kepada pemerintah yang adil tadi maka datang nombor satu, nombor dua, nombor tiga dan inilah yang melengkapkan masyarakat kita bagi pembangunan desa kita, kampung kita dan masyarakat kita seterusnya. Selagi kita tidak bersandarkan kepada perkara-perkara ini maka sudah tentu masyarakat kita akan pincang dan tidak akan menemui satu jalan yang lebih baik ataupun yang cemerlang.

Sekian, terima kasih. Assalamualaikum.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:
Walaikumussalam.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: [*Bangun*]

Dato' Yap Pian Hon: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Serdang.

Dato' Yap Pian Hon: Terima kasih Tuan Pengerusi,

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Lima minit cukup, Serdang, kampung pun sikit tu.

Dato' Yap Pian Hon: B 48 Butiran 02300, Jalan-Jalan Luar Bandar dan Butiran 02400 Permodenan Kampung. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana dapat peluang untuk berucap bagi pihak kampung-kampung tradisi di kawasan Serdang. Sebenarnya walaupun kawasan Serdang dekat bandar terdapat lebih 20 kampung tradisi di kawasan saya. Saya telah diberi amanat untuk membangkitkan masalah-masalah masyarakat tempatan supaya Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, pegawai-pegawai kanan di Kementerian Pembangunan Luar Bandar dapat memahami keperluan, bantuan terus kepada kampung-kampung tradisi di kawasan Serdang ini.

Tuan Pengerusi, kalau saya tidak menghuraikan sedikit sebanyak berkaitan dengan masalah yang dihadapi oleh kampung tradisi di kawasan Serdang ini, ini akan tidak menjalankan tugas saya yang diamanahkan pada pilihan raya yang lalu.

Tuan Pengerusi, di kawasan Puchong terdapat 12 kampung tradisi telah dikelilingi oleh pembangunan yang begitu pesat yang dilancarkan oleh kerajaan di mana taman-taman perumahan telah diwujudkan. Infrastruktur di dalam taman-taman perumahan begitu canggih, baik dan dapat dinikmati oleh penduduk-penduduk di taman perumahan tersebut. Tetapi oleh kerana di sebelah kawasan kampung-kampung tradisi masih mundur, masih belum dapat menikmati seperti yang dinikmati oleh taman tersebut...

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, ...

Dato' Yap Pian Hon: Hanya lima minit Yang Berhormat, tidak cukup masa.

Dato Haji Azmi bin Khalid: Ingin saya maklumkan, kampung tradisi bukan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Dato' Yap Pian Hon: Semasa saya minta permohonan daripada Pejabat Tanah, saluran peruntukan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, saya ucapkan terima kasih tetapi peruntukan tidak mencukupi.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kampung-kampung yang terletak di kawasan tersebut masih memerlukan bantuan tetapi satu pentingnya, perancangan teratur patut disediakan, pakar-pakar daripada kementerian, berilah pandangan dan nasihat kepada kampung tersebut supaya boleh setanding sebelah kawasan yang telah maju itu, jangan biarkan kawasan kampung yang begitu lama wujud, dalam keadaan suasana moden masyarakat kini, masih tidak menikmati kemudahan-kemudahan yang begitu baik. Itu sebabnya saya mintalah bantuan seperti Kampung Sri Aman, Kampung Pulas, Kampung Sri Puchong di kawasan Puchong ini diletak jagaan rakan saya ADUN kawasan Puchong.

Walaupun sudah dapat bantuan sedikit sebanyak daripada kerajaan negeri, tetapi masih belum memadai, maka Kementerian Pembangunan Luar Bandar patut memberi bantuan supaya perancangan yang teratur, supaya berilah satu pendekatan yang moden untuk menaikkan taraf sosio ekonominya di kawasan tersebut seperti mana di kawasan Sungai Chua, Kampung Sungai Ramal, Kampung Sungai Ramal Luar dan Kampung Sungai Ramal Dalam di mana kawasan dekat dengan Bangi dan tidak jauh daripada Kajang, kawasan ini dalam keadaannya masih belum dibangunkan sepenuhnya, maka itu sebab melalui forum, melalui Dewan yang mulia ini, saya sebagai wakil rakyat kawasan tersebut, maka memintalah pandangan atau nasihat daripada pegawai-pegawai kanan supaya mengatitkan satu perancangan yang teratur supaya kampung-kampung yang saya katakan tadi, di dekat Bangi itu bolehlah setanding dengan Bangi akan datang, buat waktu ini masih ketinggalan, maka diharap dapat peruntukan daripada kementerian untuk membaiki atau melebarkan sedikit sebanyak jalan yang masih belum cukup lagi.

Maka peruntukan yang akan diluluskan seperti jalan-jalan luar bandar sebanyak RM60 juta dan pemodenan kampung sebanyak RM30 juta, Tuan Pengerusi, maka dengan adanya peruntukan yang begitu banyak itu, berilah atau salurkan sedikit sebanyak kepada kampung-kampung di kawasan Serdang ini supaya boleh setaraf dan setanding dan boleh bertanding dengan kawasan-kawasan yang telah maju yang telah dapat dilaksanakan oleh projek-projek daripada Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri, maka itu sebab saya terpaksa berdiri beberapa kali untuk menyuarakan kepada Dewan yang mulia ini, supaya Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai kanan daripada kementerian untuk memberilah pandangan yang lebih jauh lagi, jangan anggapkan kawasan Serdang tidak ada kampung tradisi, kampung yang telah wujud

lama di situ tetapi yang pentingnya sekarang mendapat bantuan melalui kerja-kerja program-program yang akan dilancarkan oleh kerajaan melalui kementerian ini, maka haraplah penduduk di kampung tersebut dapat menikmati kemudahan yang lebih baik lagi pada masa-masa yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Larut, selepas ini Yang Berhormat Menteri menjawab.

7.15 mlm.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin turut sama dalam B.48 – Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sebelum itu saya hendak menafikanlah dakwaan wakil sebelah sana tadi berhubung mengatakan projek Barisan Nasional - jalan tetapi PAS guna juga.

Saya hendak sentuh di bawah Butiran 00100, 00101 ekoran daripada pilihan raya yang kita lalui baru-baru ini di bawah Pendidikan dan Bimbingan Masyarakat. Saya ingin menyeru kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, kalau bolehlah supaya diadakan satu program khusus, program bagaimana kita dapat melahirkan rakyat yang pandai bersyukur, tahu berterima kasih kepada kerajaan yang telah banyak berjasa kepada rakyat. Ini amat penting, saya minta sangatlah supaya program seperti ini

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pasir Mas bangun.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya cuma ada lima minit sahaja, tak payah, kita bincang di luar.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sedikit sahaja.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Kita bincang di luar, kalau saya beri laluan, saya boleh beri, tetapi kalau saya beri laluan, saya tidak dapat masukkan semua topik ini – tak cukup masa.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri laluan, Yang Berhormat.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Ya, masa, bukan apa, saya kalau Tuan Pengerusi boleh beri sejam, saya tidak ada masalah, tetapi masa ini. Saya hendak sentuh sedikit-sedikit.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak beri Yang Berhormat, duduklah.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Saya minta sangatlah kepada kementerian supaya perkara ini dipandang serius supaya kita dapat melahirkan satu masyarakat yang pandai bersyukur dan berterima kasih. Ini amat penting.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh Butiran 03103 – berhubung dengan Jalan-jalan. Kalau saya perhatikan di sini peruntukan tahun ini sedikit ataupun banyak berkurangan daripada tahun yang lalu kerana kita sedar bahawa masih banyak lagi jalan-jalan di kampung-kampung yang memerlukan supaya dinaikkan taraf, termasuklah di kawasan saya di kawasan pedalaman, di kawasan luar bandar, kawasan Larut ini sebagaimana yang saya pernah bercakap kawasan yang terkenal dengan durian, kadang-kadang kita rasa dukacita jugalah melihat sesetengah jalan ini masih lagi memerlukan perhatian daripada pihak kementerian.

Sehubungan dengan itu, saya ingin menarik perhatian kementerian, kalau boleh pihak JKKK diutamakan berhubung dengan pembinaan projek jalan bertaraf kelas F, diberi kepada JKKK untuk mengendalikan projek-projek tersebut supaya mereka dapat memantau, dapat melihat dengan sendiri kualiti jalan-jalan tersebut sewaktu dilaksanakan. Kita tidak mahu apabila jalan ini dibina, selepas dibina kemudian terdapat kualiti sesetengah jalan tersebut akhirnya boleh menimbulkan masalah kepada pengguna-pengguna terutamanya orang-orang kampung.

Jadi, saya harap kalau bolehlah supaya kita galakkan JKKK menjadi kontraktor bertaraf kelas F yang termampu dijalankan projek-projek jalan yang kebanyakannya adalah merupakan nilainya berbentuk kelas F yang mampu dilaksanakan oleh JKKK dan secara tidak langsung boleh membantu mereka mendapat pengetahuan dan juga mengisi tabung untuk kegiatan mereka di peringkat kampung. Ini akan mengurangkan lagi beban di pihak kerajaan.

Saya berharap supaya perkara ini dapat diberikan perhatian kalau mereka masih kurang pengetahuan dalam perkara ini, bagaimana kementerian mungkin boleh mencari jalan untuk memberi atau mendedahkan mereka kepada pengetahuan bagaimana pihak JKKK turut sama secara terus terlibat dengan program-program pembangunan, tidak hanya setakat menjadi mata dan telinga kepada kerajaan tetapi terbabit untuk memastikan jalan-jalan, projek-projek kecil yang termampu dilaksanakan oleh mereka ini dapat sama-sama mereka sertai.

Seterusnya saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Butiran 03206 - PPRT Pertanian yang jumlahnya begitu besar. Saya berharap sangatlah kalau boleh

pihak kementerian, terima kasih kepada kementerian kerana memang hendak membantu, hendak melihat supaya penduduk-penduduk kampung kawasan luar bandar mendapat bantuan daripada kerajaan tetapi saya berharap sangatlah kalau boleh bantuan ini dikaji semula cara pengagihannya supaya tidak timbul pilih kasih. Apa salahnya kita ada ketua-ketua kampung di setiap kampung, guna ketua kampung ini, kita rujuk kepada ketua kampung. Tidak lagi kepada peringkat-peringkat lain, kita guna kedudukan ketua-ketua kampung yang tahu orang-orang di kampung-kampung yang layak menerima bantuan tersebut. Kalau boleh dengan wakil rakyat lagi bagus, terutama Wakil Rakyat Barisan Nasionallah – jangan marah sebelah sana [*Merujuk kepada parti pembangkang*].

Dan akhir sekali saya hendak sentuh kedudukan peserta peneroka FELCRA. Saya minta jugalah kepada pihak kementerian kalau boleh peserta-peserta peneroka FELCRA ini juga diberi kursus, lawatan supaya mereka juga pandai bersyukur dan berterima kasih kepada kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Menteri menjawab.

7.21 ptg.

Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih atas teguran-teguran dan pendapat yang disampaikan mengenai perbincangan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Menjawab Yang Berhormat bagi Bachok, ada membangkitkan mengenai terhimpitnya mereka dalam kampung di kawasan-kawasan luar bandar yang dikatakan dihipit dengan golongan-golongan yang berfahaman politik yang berbeza-beza. Sebenarnya Yang Berhormat, perbezaan pendapat politik tidak boleh kita katakan tidak wujud – mesti diwujudkan oleh kerana kita mengamalkan sistem demokrasi tetapi cuma kita tidak menggalakkan bahawa dengan wujudnya perbezaan pendapat politik kita mesti memecah-belahkan masyarakat.

Saya minta maaf kalau saya sebutkan di negeri Perlis, setelah PAS memasuki Arau dan kemudian hari ini tiga kawasan ADUN dimenangi oleh PAS, didapati banyak ahli masyarakat sudah pun dipisah-pisahkan, dikotak-katikkan, oleh kerana PAS mewujudkan tempat-tempat, surau-sarau mereka sendiri yang mengasingkan

pengikut-pengikut mereka mengikut aliran politik. Ini tidak berlaku di masa sebelum ini walaupun ada golongan-golongan politik yang berbeza pendapat tetapi kali ini nampaknya amat ketara. Maka, saya minta pemimpin-pemimpin daripada PAS cubalah mengajak ahli-ahli mereka menyatu-padu dalam masyarakat supaya perkara ini tidak berlaku.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pasir Mas berdiri ya.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ya, saya minta sedikit penjelasan. Setujukah Yang Berhormat wujudnya keadaan-keadaan ataupun suasana-suasana sedemikian kerana barangkali saya fikir kerana di tempat saya pun berlaku begitu. Bila mana jawatankuasa masjid tidak dibenarkan daripada kalangan orang-orang PAS bersama-sama dengan mereka dan saya sendiri pun pernah menawarkan diri – sebagai wakil rakyat sekarang ini menawarkan diri di mana Tok Imamnya UMNO, saya menawarkan diri untuk hadir bersama dalam mesyuarat – pun tidak pernah dijemput, tidak pernah diajak dan tidak pernah dipelawa. Jadi, barangkali berlaku di Perlis kerana itulah – mereka menyisih diri dan mereka mengadakan surau-sarau mereka. Kalau benda ini diatasi daripada awal lagi, bersama-sama berada dalam masjid – menjadi jawatankuasa dan sebagainya, saya rasa tidak timbul. Yang timbulnya kerana UMNO sendiri yang mulakan benda ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah panjang-panjang Yang Berhormat Menteri menjawab. Kadang sama....

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya ada berapa minit lagi ya? 10 minit ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Sebenarnya di Perlis, memangnya sebelum ini semua pihak berada dalam satu masjid, tidak ada perbezaan walaupun ada jawatankuasa, ia bercampur-campur tetapi sekarang ini nampaknya sudah amat ketara.

Cadangan Yang Berhormat supaya radio dan TV digunakan bagi menyalurkan maklumat dan pengajaran di kampung-kampung, ini pada pendapat kementerian tidak perlu oleh kerana pada ketika ini juga siaran-siaran daripada RTM dan beberapa saluran televisyen ada program-program tidak formal dari segi pendidikan masyarakat.

Program pemodenan kampung. Untuk makluman Yang Berhormat, pemodenan kampung kita telah mula memberi penekanan kepada asas ekonomi kampung. Kita dapati bahawa kalau kampung itu hanya untuk dipindahkan tetapi kalau pendapatan masyarakat kampung itu sendiri tidak dipertingkatkan, maka kampung yang nampaknya indah akan dipenghuni oleh orang-orang yang berpendapatan kurang daripada sepatutnya, maka kampung itu sendiri yang nampak indah pada satu hari tidak akan indah lagi. Maka, tekanan pada hari ini ialah untuk kita mempertingkatkan pendapatan masyarakat kampung.

Dikatakan juga bahawa jalan-jalan di kampung telah dibina secara bertindih-tindih, ini tidak menjadi isu lagi oleh kerana.....[*Seorang Bentara Dewan memberikan nota jawapan*] Allah, banyak sangat ini. Saya ada 10 minit lagi tetapi saya boleh sambung, Yang Berhormat Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Boleh, boleh.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ah, terima kasih. Okay. Jadi, kalau begitu saya boleh teruskan. Saya hendak susun kembali ini. [*Menyusun nota-nota jawapan*].

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Bachok mula-mula

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Ya, dari Bachok. Program Pertandingan Kampung-kampung dilaksanakan melalui jentera daerah. Jalan-jalan yang dilaksanakan oleh pihak negeri hanya sekadar jalan gravel dan Kerajaan Persekutuan menurap supaya jalan-jalan dijadikan lebih baik. Kerosakan jalan bukan bermakna mutu rendah tetapi disebabkan faktor-faktor lain. Jalan memang dibina mengikut standard JKR. Bermaknanya, kalau dahulunya jalan itu dimulakan secara sederhana atau secara permulaan di peringkat negeri tetapi kali ini apabila diturap dengan tar dan sebagainya, jalan itu menjadi jalan yang terbaik. Jadi, tidak ada pertindihan dari segi peringkat yang melaksanakan tetapi hanya untuk memberi keselesaan yang lebih kepada masyarakat kampung.

Pembiayaan mengenai Program Pembekalan Air di negeri-negeri. Pembiayaan Program bagi bekalan air di luar bandar adalah 80% dibiayai oleh pinjaman dan 20% sebagai gran daripada Kerajaan Pusat. Ini untuk kerajaan negeri mewujudkan sistem pengairan, sistem pembekalan air yang baik, kerajaan negeri haruslah mendapat – kalau tidak ada wang sendiri, meminta peruntukan dan pinjaman daripada Kerajaan Pusat oleh kerana dalam Perlembagaan, pembekalan air di luar bandar adalah

tanggungjawab kerajaan negeri dan tanggungjawab ini di setiap negeri diserahkan kepada pihak berkuasa air tiap-tiap negeri.

Mengenai syor Yang Berhormat bagi Bachok – syor menggunakan media radio, TV dan tadi saya sebutkan tadi, tidak perlu dijawab lagi.

Yang Berhormat bagi Bachok juga meminta perhatian dan penjelasan mengenai INFRA bagi membantu masyarakat luar bandar. Sememangnya INFRA diwujudkan untuk membuat kajian dan kaji selidik bagaimana untuk mempertingkatkan sistem dan cara dan usaha-usaha bagi mempertingkatkan taraf hidup masyarakat luar bandar, maka INFRA dikatakan satu badan penyelidik yang telah ditubuhkan beberapa tahun yang lalu dan ada cadangan seorang Yang Berhormat tadi supaya INFRA memberi latihan-latihan *in-situ* tidak lagi diberi latihan di pusat latihan INFRA sahaja di Bangi, ini adalah satu cadangan yang baik dan akan dikaji dari segi pelaksanaan.

Dalam konteks global, INFRA menjadi satu model institut pemaju luar bandar di kalangan negara-negara membangun dan INFRA sudah dijadikan satu badan untuk menasihatkan negara-negara yang ingin meminta pertolongan Malaysia dalam usaha pembangunan luar bandar.

Yang Berhormat bagi Batang Sadong, mengatakan program KEMAS tidak berkesan, adakah pegawai atau penyelia KEMAS tidak berkelayakan ataupun tugas-tugas mereka itu terlalu bertindih-tindih. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa perkara ini sedang dilihat semula oleh kerana didapati peranan KEMAS pada alaf baru ini bukan sahaja amat perlu dari segi kurikulum dan dari segi tugas-tugas dan tanggungjawab bahkan kita juga perhatikan bahawa masyarakat itu sendiri memerlukan bimbingan yang lebih tinggi dari segi kebolehan dan kemampuan. Maka mereka yang menyertai KEMAS mula dilihat semula dari segi kelulusan dan kebolehan. Kita akan mengambil mereka yang mampu membimbing masyarakat.

Oleh kerana masyarakat pada masa KEMAS diwujudkan dalam 30 tahun yang lalu, masyarakat berada di tahap pemikiran yang rendah tetapi hari ini masyarakat sudah maju dari segi pendidikan dan sebagainya maka anggota KEMAS dari bawah sampai ke atas hendaklah juga dipertingkatkan dari segi kemahiran dan ilmu yang ada pada diri masing-masing. Maka pemilihan anggota KEMAS di peringkat atas dan sampai ke bawah hendaklah mencerminkan tuntutan masyarakat masa kini.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tambun berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Saya ringkas sahaja, Tuan Pengerusi ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila.

Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Sebenarnya penyusunan semula KEMAS terutama dari segi pengambilan kakitangan yang lebih berkelulusan tinggi ini telah lama dibincang dan pernah pihak kementerian menyatakan sedang dilakukan. Jadi, saya ingin bertanya kepada Menteri baru, bilakah kajian semula dan sebagainya akan selesai dan bila kita hendak melaksanakan sistem baru ini.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kepada Tambun. Sebenarnya cadangan struktur penyusunan semula KEMAS telahpun dikemukakan kepada JPA untuk pertimbangan dan kelulusan. Semuanya ini diambil kira dari segi keperluan jangka pendek dan jangka panjang, diharapkan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam akan memberi kelulusan yang sewajarnya.

Bekalan elektrik luar bandar Sarawak, mengikut Yang Berhormat tadi tidak banyak, oleh kerana kawasannya luas dan ada yang berbukit-bukau dan sebagainya maka Yang Berhormat bagi Batang Sadong meminta supaya diberi perhatian khusus. Yang Berhormat, ingin saya maklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dan saya percaya dalam Rancangan Malaysia Kelapan juga Sabah dan Sarawak mendapat peruntukan yang besar, bukan sahaja dalam bidang bekalan elektrik luar bandar bahkan dalam semua bidang khususnya dalam aspek-aspek kemudahan asas.

Berbanding dengan negeri-negeri lain di Semenanjung, Sabah dan Sarawak mendapat peruntukan yang paling tinggi. Begitu juga dari segi pencapaian di dapati kemudahan asas di seluruh Semenanjung sudah mencapai tahap lebih dari 90% tetapi di Sabah dan Sarawak masih di tahap 70% pada umumnya. Jadi, kerajaan memberi keyakinan kepada Yang Berhormat bagi Batang Sadong bahawa peruntukan yang secukupnya akan dipohon daripada Kementerian Kewangan bagi pelaksanaan program-program di bawah Rancangan Malaysia Kelapan.

Mengenai bantuan PPRT yang diberi secara *piecemeal* yang dikatakan oleh Yang Berhormat, secara *piecemeal* tidak berkesan, katanya adakah kajian PPRT dibuat, adakah daftar PPRT dikemaskini kerana terdapat penerima yang patut terima

tidak dapat dan yang tidak patut terima itu dapat. Sememangnya dari segi penilaiannya, penilaian telah dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan didapati dari segi target group yang tersusun daripada peringkat awal lagi sampai sekarang di dapati kajian yang dibuat pada tahun 1997, hasilnya didapati berkesan dari apa yang disasarkan.

Tetapi saya sendiri bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa terdapat banyak di kalangan masyarakat yang bagaimana pun dengan sebab-sebab yang saya tidak mengetahui, mungkin tidak dapat dielakkan ada golongan yang tertinggal dan tercicir. Tetapi ada juga golongan yang dulunya dalam PPRT tetapi sudah terkeluar dari PPRT, mungkin juga ada dulu mereka yang tidak termasuk dalam PPRT oleh kerana keadaan lebih baik daripada sekarang tetapi oleh kerana sebab-sebab tertentu mereka sudah jadi miskin.

Jadi, saya sudah memberi arahan kepada kementerian saya sendiri khasnya kepada Ketua Setiausaha Kementerian untuk mengkaji semula senarai PPRT dan kita mahu semua peringkat membantu khasnya peringkat wakil-wakil rakyat dan JKKK. Walaupun ada orang merungut bahawa mungkin JKKK akan memilih kasih tetapi di dapati peringkat JKKK adalah kumpulan pemimpin kampung yang paling dekat dengan masyarakat dan kita akan gunakan kaedah ini bagi menyenaraikan semula PPRT dalam tahun ini.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Batang Sadong berdiri, Yang Berhormat.

Puan Hajah Sukinam Domo: Penjelasan sedikit, Yang Berhormat. Saya mempersoalkan tadi sebab pengalaman saya secara peribadi, setiap tahun kita memberikan bantuan pada bulan puasa untuk meringankan beban rakyat termiskin pada Hari Raya. Pada tahun 1999, senarai yang ada pada saya, kira-kira 200 lebih yang dikatakan layak menerima bantuan, senarai itu tidak termasuk yang menerima bantuan daripada badan-badan amal ataupun yang menerima bantuan kebajikan, jadi itu memang terkeluar daripada menerima apa-apa bantuan. Tetapi pada Hari Raya yang lepas, senarainya meningkat hampir 400, oleh sebab itu saya persoalkan tadi tentang keberkesanan program itu. Saya tidak tahu, seperti kata Yang Berhormat tadi, di mana salah silapnya, mungkin, saya tidak tahu sebenarnya tetapi angka itu menunjukkan seolah-olah ianya tidak menurun, itu kawasan saya sahaja, bukan seluruh Sarawak, itu yang saya persoalkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya pun bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perkara ini perlu dikaji semula tetapi kita juga kena menerima bahawa atas kajian yang dibuat oleh UKM itu di dapati program PPRT itu berkesan. Kemungkinannya asas kajiannya itu perlu dilihat semula dan saya berjanji akan melihat semula perkara ini, oleh kerana dalam kawasan saya sendiri, saya dapati banyak golongan yang sepatutnya dapat tidak dapat. Ini bukan sahaja masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat, bahkan di banyak kawasan lain pun begitu juga ceritanya.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Tuan.

Tuan Madius bin Tangau: Sedikit penjelasan. Yang Berhormat, terima kasih. Tadi Yang Berhormat telah menyebut tentang peranan JKKK untuk mengenalpasti rakyat termiskin dari sesuatu kampung. Saya ingin minta penjelasan, adakah pihak kementerian membuat satu garis panduan kepada pemimpin-pemimpin JKKK ini bagaimana mengenalpasti rakyat termiskin ini.

Saya juga mempunyai pengalaman seperti wakil bagi Batang Sadong tadi yang mana di kawasan saya baru-baru ini pembantu saya telah pergi mesyuarat di Pejabat Daerah, sebab saya tidak dapat hadir – saya di Parlimen, dan kami dapati bahawa dalam senarai tersebut banyak mereka yang tersenarai itu mempunyai kereta, mempunyai tanah yang luas dan sebagainya. Saya juga dapati bahawa pemimpin-pemimpin JKKK ini tidak mempunyai garis panduan dan saya ingin mencadangkan supaya garis panduan yang digunakan oleh Amanah Ikhtiar Malaysia itu diedarkan kepada pihak JKKK, barangkali itu satu panduan. Terima kasih.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kajian semula ini baru saya arahkan, jadi dari segi asas kajian perlu juga ditentukan dan setakat ini belum dipertentukan secara terperinci. Saya akan memaklumkan kepada Yang Berhormat sekalian apabila sampai masanya kelak.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian membangkitkan mengenai konsep kontraktor payung yang dilantik bagi melaksanakan program-program jalan kampung. Untuk makluman Yang Berhormat, konsep payung yang digunakan dalam beberapa tahun yang lalu untuk melaksanakan projek-projek jalan kampung, dari segi pencapaian didapati amat memuaskan. Maknanya peratusan jalan-jalan yang telah

siap berbanding dengan matlamat ataupun senarai yang disasarkan pada awalnya adalah tinggi dan dari segi prestasi kewangan juga adalah tinggi. Tetapi juga didapati ada banyak kompelin dan kompelin ini termasuklah kualiti dan sebagainya dan sistem ini telahpun dalam peringkat akhir kajian semula, kita akan buat keputusan tidak lama lagi, bagaimana ianya hendak dipersesuaikan Kalau sistem itu didapati ada kebaikannya dan ada juga keburukannya, kita akan cuba menggunakan yang baik itu tetapi kita akan cari jalan bagaimana mahu mengatasi masalah-masalah ataupun gejala-gejala yang tidak baik yang wujud dalam sistem. Bagaimana ianya hendak dipersesuaikan kalau sistem itu didapati ada kebaikannya dan ada juga keburukannya, kita akan cuba menggunakan yang baik itu tetapi kita akan cari jalan bagaimana mahu mengatasi masalah-masalah ataupun gejala-gejala yang tidak baik yang wujud dalam sistem.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga meminta kementerian memastikan konsortium yang mengambil alih DARA dan LKWJ iaitu Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka dan KEJORA tidak menjual aset dan saham kepada pihak asing.

Tuan Pengerusi, saya ingin maklumkan bahawa Lembaga Kemajuan Wilayah yang diwujudkan di seluruh negara seperti di Pulau Pinang, di Kedah adanya KEDA, di Penang ada PERDA, Pahang ada DARA dan LKWJ – KEJORA di Johor dan sebagainya. Ada di antara badan-badan ini yang sudah menunjukkan prestasi kewangan yang baik dan mereka sudah dikenal pasti sebagai entiti yang boleh dipermajukan dengan diberi kebebasan. Oleh kerana kalau mereka ini masih kekal di bawah kongkongan kerajaan banyak aspek-aspek pembangunan, banyak aspek-aspek perniagaan yang tidak dapat badan-badan ini menyertai. Oleh kerana badan-badan ini menunjukkan prestasi yang baik, maka badan-badan ini telah dipersetujukan oleh kerajaan untuk diswastakan.

Pada peringkat permulaan dikorporatkan, kemudian diswastakan tetapi dengan penswastakan ini pun sebagai pemegang saham, kalau macam DARA dan LKWJ wujudnya saham yang dipegang oleh kerajaan negeri sendiri dan ada juga saham yang dipegang oleh kakitangannya sendiri di bawah konsep Management By Out (MBO).

Jadi, kerajaan negeri mempunyai kuasa yang cukup kuat bagi menentukan arah tujuhnya badan-badan ini di samping badan ini menjadi satu badan korporat untuk terus bukan sahaja menjadi badan yang akan mampu menyertai bidang-bidang

perniagaan yang viable, bahkan mampu memajukan kawasan sekitarnya sendiri dengan lebih berkesan.

Di samping itu, kerajaan dengan penswastaan ini telah dapat mengurangkan perbelanjaan kerajaan sendiri sambil menyelesaikan masalah kemiskinan, masalah yang pada 30 tahun, 20 tahun yang lalu menjadi sasaran kerajaan membantu membasmi kemiskinan di luar bandar.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga menyebut mengenai idea mengurangkan politik dan penggunaan pendekatan Islam iaitu dalam isu-isu berkaitan dengan perlantikan JKKK, persaksamaan agihan bantuan dan sebagainya. Sebenarnya, Yang Berhormat – Yang Berhormat ini tidak ada di sini. Dari segi keIslamannya Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah mengabaikan apa sahaja yang dibuat, agama tidak pernah diabaikan dan segala apa kita buat, kita sebagai orang Islam tidak pernah mengambil tindakan-tindakan yang boleh mencemarkan agama dan yang boleh mengasingkan kita daripada landasan-landasan Islam. Cuma, yang menjadi masalah ialah apabila agama itu dipolitikkan, maka orang Islam sendiri sudah menjadi satu kumpulan yang berpecah-belah.

Jadi, saya tidak mahu panjang lebar oleh kerana mungkin Yang Berhormat yang ada di sini ada seorang sahaja untuk hendak menegur, cuma kita tidak menyimpang daripada landasan. Sebenarnya kita berada dalam landasan yang sama cuma pendapat sahaja yang berlainan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat Dato' Menteri boleh sambung esok.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Insya-Allah, Tuan Pengerusi, kalau diizinkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Majlis Mesyuarat bersidang semula .

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga esok jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.45 malam.

Februari 2000

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tun Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tugas-tugas Khas dan Menteri Kewangan, Tun Dato’ Daim Zainuddin, S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna , Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato’ Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Dr. Rais bin Yatim, D.S.N.S. (Jelebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi bin Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato’ Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Drs. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato’ S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato’ Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato’ G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato’ Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato’ Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
- “ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Haji Noh bin Haji Omar, K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng, K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S.R. Anpalagan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P, A.M.N. (Tapah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Tuan Rizalman bin Abdullah, J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- Yang Berhormat Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tan Sri Dato Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato’ Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A., S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato’ Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Tuan Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datoh)
- “ Raja Dato’ Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Dato’ Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- Yang Berhormat Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato’ Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato’ Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)

- “ Tuan Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
- “ Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato’ Dr. Haji Jamaludin bin Dato’ Mohd. Jarjis, D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang Anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol (Libaran)
- “ Dato’ Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock(Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- Yang Berhormat Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato’ Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)

- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato’ Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato’ Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
- “ Tuan Moktar bin Radin, A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
- “ Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Tuan Mustafa bin Ali (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- Yang Berhormat Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato’ Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato’ Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)

- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato’ Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato’ Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato’ Tiong Thai King, (Lanang)
- Yang Berhormat Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
- “ Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- “ Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- “ Dato’ Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- “ Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- “ Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- “ Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- “ Dato’ Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Paduka Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- “ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato’ Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.P.M.S.

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Zamani bin Haji Sulaiman

Haji Mustakin bin Selamat

Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman

Ruhana binti Abdullah

Riduan bin Rahmat

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali

Mejar (B) Zakaria bin Salleh

Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd. Hassan

Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop

Mohd Saleh bin Mohd. Yusop

Mohamed bin Osman

Hajah Norishah binti Mohd. Thani

Shamsina binti Janor

Ramlah binti Mohd. Yusuff

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Khairul Azila binti Haji Khairuddin

Nurziana binti Ismail

Noor Effarizan binti Mat Satib

Taharah binti Mohamed

Nik Elyana binti Ahyat

Mashitah binti Kamaruddin

Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS -PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub

Haji Latif bin Ismail

Kamaroddin bin Mohd. Yusof

PARLIMEN KESEPULUH**PENGGAL KEDUA****MESYUARAT PERTAMA****Jilid II****Bil. 30****Isnin****10 April 2000****K A N D U N G A N****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN
MESYUARAT 18(1):**

- Laporan 'Justice in Jeopardy: Malaysia 2000'
– *Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)*

(Halaman 23)

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT (Halaman 26)**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perbekalan 2000

***Jawatankuasa -
Jadual***

Maksud B. 46

(Halaman 27)

Maksud B. 47

(Halaman 63)

Maksud B. 48

(Halaman 139)

USUL:

Anggaran Pembangunan 2000

Jawatankuasa:

Maksud P. 46

(Halaman 27)

Maksud P. 47

(Halaman 63)

Maksud P. 48

(Halaman 139)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat

(Halaman 79)

